

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 22****Khamis****27 Julai 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 1)
--	-------------

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 13(2)	(Halaman 81)
--	--------------

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
---	-------------

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 17(1)**

• Pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin - Y.B. Puan Mumtaz binti Md Nawi	(Halaman 28)
---	--------------

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Profesjon Undang-undang (Pindaan) 2006	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 &	
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004	(Halaman 46)

**USUL MENTERI LUAR NEGERI:**

Pencerobohan Israel Ke Atas Lubnan dan Palestin	(Halaman 81)
---	--------------

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**Khamis, 27 Julai 2006**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT**

**10.03 pagi**

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan suatu program atau kurikulum yang dapat memperkasa minda serta sahsiah pelajar agar menepati aspirasi negara untuk mewujudkan masyarakat minda kelas pertama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun menyemak semula kurikulum KBSR dan KBSM selaras dengan keperluan semasa. Dalam penggubalan kurikulum semakan ini penekanan telah diberi pada kemahiran generik seperti penyelesaian masalah dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis atau KBKK untuk melahirkan bakal tenaga kerja yang dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi kerjaya masa depan.

Selain itu penekanan diberikan juga kepada pendekatan terbaru dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti pengajaran berdasarkan kajian masa depan, pembelajaran akses kendiri, pembelajaran secara konstruktif dan penggunaan teknologi maklumat.

Di peringkat pendidikan prasekolah, Kementerian Pelajaran menggunakan konsep amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak atau *developmentally appropriate practice*, iaitu satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan umur, perkembangan diri, kebolehan dan bakat kanak-kanak agar pendidikan yang diberi dapat memenuhi minat serta keperluan mereka.

Langkah penggunaan ICT merentas kurikulum dan pengenalan program literasi ICT pada tahun 2005, akan membolehkan murid celik ICT dan seterusnya dapat membantu mereka mendekati dunia luar serta melibatkan diri dalam arus pemikiran global. Selain itu, kemahiran-kemahiran yang diperluaskan dalam dunia pekerjaan seperti kemahiran generik, kemahiran ICT dan kemahiran berfikir serta kemahiran berkomunikasi turut diberi penekanan.

Kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah telah disemak semula secara berperingkat mulai tahun 2000. Kandungan kurikulum yang disemak semula ini, di samping mengandungi pengetahuan sains, matematik, sejarah dan bahasa turut merangkumi pengetahuan baru seperti pendidikan sivik dan kewarganegaraan, *information communication technology* atau ICT, pengajaran dan pembelajaran bahasa antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, kita dapat sekarang ini ramai pelajar yang telah keluar, yang telah bergraduat, yang keluar daripada pasaran pekerjaan, kita lihat mereka masih belum dapat menguasai struktur pentadbiran negara. Malah ada di kalangan pelajar yang tidak memahami siapakah sebenarnya Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan sebagainya, dan ada setengah tidak mengenal Menteri Pelajaran pun, jadi kita melihat seolah-olah kurikulum yang sedia ada belum lagi dapat memenuhi kehendak aspirasi negara seperti mana yang dikehendaki.

Apakah tindakan pihak kementerian bagi memastikan bahawa pelajar-pelajar yang kita lahirkan ini sebenarnya mempunyai kemampuan seperti mana yang Yang Berhormat bangkitkan dan terangkan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pelajaran sedar bahawa graduan-graduan pada masa depan mestilah, dengan izin, *fit into the working world*, jadi dengan semakan kurikulum, Kementerian Pelajaran telah membekalkan murid-murid dengan pelbagai maklumat dan juga kemahiran generik yang akan diperlukan pada masa hadapan. Ini termasuk juga kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dalam kumpulan ataupun *teamwork*, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik iaitu kemahiran *application of knowledge*, dengan izin, kemahiran menyelesaikan masalah ataupun *problem*

*solving*, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat. Maklumat ini juga termasuk pengetahuan am ataupun *general knowledge* yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan ini semua telah diambil kira oleh Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya memberikan soalan tambahan. Sistem pelajaran pada masa ini memang baik tetapi segolongan murid-murid yang bermasalah atau tidak minat belajar, seperti cadangan saya dahulu supaya kementerian mewujudkan satu kelas khas untuk murid-murid yang bermasalah supaya memberikan perhatian dan juga bimbingan khas untuk mereka. Soalan saya, sejauh manakah kementerian telah melaksanakan atau mempertimbangkan cadangan yang telah saya buat dahulu? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang spesifik mengenai kelas-kelas khas. Secara am saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, memang kelas-kelas pemulihan ini sedang dijalankan di sekolah. Walaupun saya tidak ada perangkaan yang terperinci, saya akan sampaikan secara bertulis. Di samping kelas-kelas khas untuk murid-murid yang mengadakan masalah dalam pembelajaran, kita juga ada lain-lain program seperti KIA 2M iaitu Kelas Intervensi Awal 2M yang membantu murid-murid yang mengalami kesusahan untuk membaca dan menulis, murid-murid ini menerima bantuan yang khas dan khusus. Yang lain itu saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa yang hendak diberitahukan ialah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu telah pun dilaksanakan. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian yang telah menjawab soalan tadi. Saya lihat soalan daripada Yang Berhormat Senator ini sangat baik kerana terdapat perkataan-perkataan memperkasakan minda, yang kedua sahsiah pelajar, ketiga aspirasi negara, yang akhirnya masyarakat minda kelas pertama. Hari ini kita telah dikejutkan dengan suatu berita melalui Berita Harian - '*2,332 dibuang sekolah dalam masa 6 bulan*'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad bin Husin:** Soalannya adakah pihak kementerian ingin mengembalikan dasar *public canning* kepada pelajar-pelajar sebagaimana kita dahulu untuk memberi pengajaran, bukan hukuman supaya semua murid insaf atas perbuatan kesalahan yang dilakukan dalam era kita hendak membawa negara ke Wawasan 2020, minda kelas pertama, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang cabaran besar untuk Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah bagaimana kita membangunkan modal insan sebagai teras kepada pembangunan negara maju dan juga pada masa yang sama menjadikan murid-murid kita sebagai modal insan yang beridentitikan acuan bangsa Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada segelintir sahaja murid-murid kita yang melibatkan diri

dalam kegiatan-kegiatan yang boleh dikatakan kurang sihat ataupun negatif. Tetapi kita tidak mahu mewujudkan satu suasana yang akan mewujudkan ataupun murid-murid kita. Kita mahu sejauh mana yang kita boleh menjadikan pengalaman pembelajaran itu suatu pengalaman yang seronok. *Learning should be fun*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan kita tidak mahukan murid-murid kita takut pergi ke sekolah.

Memang kita suda ada beberapa garis panduan sekiranya murid-murid ataupun pelajar-pelajar melibatkan diri dalam mana-mana kegiatan salah laku, tindakan yang sewajarnya akan diambil dan kita ada beberapa peringkat untuk tindakan dari segi amaran, *suspension* dan akhir sekali adalah untuk dibuang sekolah. Kalau boleh saya rasa buang sekolah itu, ini adalah pendapat kementerian iaitu apabila kita buangkan seorang pelajar, kita tidak mahu pelajar itu satu masalah kepada masyarakat dan juga kepada kerajaan pada masa hadapan. Kalau boleh kita akan cuba menyimpan pelajar itu dalam sistem pelajaran, dan kita akan cuba, dengan izin, *rehabilitate* pelajar tersebut dengan cara yang baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya sengaja memberi satu lagi soalan tambahan tadi kerana menghormati kehadiran tetamu-tetamu khas kita pelajar-pelajar sekolah. [Tepuk] Silakan Yang Berhormat Tuan Tan Bon You.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan murid-murid daripada kawasan saya sendiri. [Tepuk]

2. **Tuan Tan Bon You** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada benar laporan yang mengatakan bilangan penuntut asing telah berkurangan akibat terdapat IPTS yang menawarkan kursus-kursus yang kurang bermutu dan faktor keselamatan individu tidak terjamin. Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi kemerosotan ini?

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bilangan pelajar-pelajar asing di IPTS tidak merosot, sebaliknya ia meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2004 ada 32,254 pelajar asing di IPTA dan IPTS di seluruh negara. 32,254 ini jumlah keseluruhannya. Daripada jumlah tersebut, 25,557 orang pelajar di IPTS dan 6,667 pelajar di IPTA. Pada tahun lalu bilangan meningkat kepada 41,559. Daripada jumlah tersebut, 33,903 pelajar di IPTS dan 7,666 pelajar di IPTA.

Daripada kira-kira 500 IPTS, Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 200 diberi kebenaran untuk merekrut pelajar-pelajar dari luar negara berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu. Hanya IPTS yang menepati kriteria sahaja yang diperakuan oleh kementerian kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk merekrut pelajar antarabangsa tersebut.

Antara kriteria-kriteria tersebut adalah;

- (i) prestasi IPTS dari segi pematuhan perundangan dan peraturan yang berkaitan;

- (ii) status dan politik kursus. Kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa hendaklah mendapat standard minimum;
- (iii) pengurusan pelajar antarabangsa termasuk kebijakan dan kemudahan penginapan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian telah mengambil beberapa tindakan untuk memastikan bahawa mutu IPTS di dalam negara kita ini sentiasa berada di tahap yang memuaskan. Antaranya ialah kita menarik balik perakuan merekrut pelajar antarabangsa bagi IPTS yang tidak mematuhi prestasi kualiti pengendalian kursus, umpamanya tindakan-tindakan telah diambil terhadap Kolej Region dan Institut Teknologi Bandaraya Antarabangsa kerana mereka telah tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kita juga keluarkan surat amaran kepada tiga kolej iaitu Kolej Plaza Antarabangsa, Kolej Gemilang dan Kolej Rima, kerana kualitinya dipertikaikan. Kementerian sentiasa memeriksa dari semasa ke semasa untuk melihat kemampuan IPTS.

Selain itu, kementerian juga meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Imigresen, kita berkongsi maklumat untuk memastikan bahawa terdapat penyelarasan kemasukan dan pemantauan pelajar antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah bilangan pelajar antarabangsa kita akan teruskan kegiatan-kegiatan promosi. Dari bulan Januari sehingga bulan Ogos tahun ini, kita menjangkakan akan mengadakan promosi di lima belas tempat di seluruh negara termasuklah di pasaran-pasaran baru, terutamanya di Timur Tengah. Pasaran tradisional Malaysia untuk pelajar-pelajar asing ialah negara China, Indonesia, Bangladesh. Ini merupakan negara-negara yang ramai pelajar-pelajar asing di negara kita. Selain daripada mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di pasaran-pasaran lama, kita juga meningkatkan usaha untuk mempromosikan di pasaran baru termasuklah di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengadakan pertemuan dari semasa ke semasa. Saya sendiri mempromosikan mesyuarat dengan pihak IPTS tempatan untuk mengingatkan mereka tentang perlunya diberikan layanan yang terbaik pelajar-pelajar antarabangsa ini, daripada mereka sampai di *airport* sehingga mereka belajar di tempat penginapan dengan menjaga kebijakan mereka, mereka akan lebih yakin belajar di negara kita dan mereka akan menyebarkan maklumat ini kepada rakan-rakan mereka di negara masing-masing dan ini kita dapatti adalah strategi yang terbaik untuk kita menggalakkan kemasukan pelajar-pelajar di luar negara.

Jadi ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bilangan pelajar-pelajar antarabangsa di IPTS kita meningkat, bukannya menurun dan menjelang tahun 2010, sasaran kementerian untuk menambah bilangan ini kepada 100,000. Daripada tahun lepas, kita ada 41,559. Jadi dalam empat tahun, kita berharap angka ini akan bertambah dua kali ganda. Terima kasih.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Demi mempertingkatkan reputasi dan

tahap pengiktirafan serta menuju ke arah pengantarabangsaan, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkonsolidasikan IPTS di negara kita?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tahun 2005, kerajaan telah mengesyorkan kepada IPTS di negara kita ini supaya bergabung. Tahun lepas, kita ada 559 IPTS dan kerajaan berpendapat ini angka yang besar. Oleh itu, kita menggalakkan konsolidasi. Tetapi malangnya, ini langkah yang amat sukar. Oleh yang demikian, apa yang kita akan lakukan ialah untuk memperketat penguatkuasaan ataupun *enforcement*. Mana-mana yang didapati lemah, kerajaan akan menutupnya. Dengan itu, dapat mengurangkan bilangan.

Yang kedua, sebelum kita meluluskan IPTS baru, kerajaan akan teliti dengan rapi bagi memastikan bahawa pertambahan ini dapat dikawal. Bilangannya memanglah dalam konteks sebuah negara yang agak kecil, 559 IPTS bertaraf universiti, kolej universiti dan kolej ini, kita dapati terlalu banyak. Malangnya, usaha konsolidasi ini tidak boleh kita paksa. Kita galakkan mereka dalam negara demokrasi ini tidak boleh kita paksa dan pada masa ini, mereka nampaknya agak keberatan untuk bergabung satu sama lain. Jadi, tindakan yang kita ambil ialah, yang pertama untuk mengawal bilangan yang baru. Yang kedua memperketatkan penguasaan supaya bilangan dapat dikurangkan. IPTS yang rendah kualitinya akan ditutup.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah faktor kursus yang kurang bermutu atau faktor-faktor lain yang menyebabkan IPTS bumiputera gulung tikar? Sehingga kini, berapa banyakkah yang gulung tikar dan bagaimanakah pihak kerajaan boleh membantu IPTS bumiputera yang masih beroperasi. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita akur dengan kedudukan IPTS bumiputera dan kita ada rancangan untuk membantu mereka melalui UiTM. Pada masa ini ada 20 kolej bersekutu yang bergabung dengan UiTM yang menjalankan program-program yang memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh UiTM. Pada masa ini, kolej-kolej ini tidak ramai yang belajar dengan kolej bersekutu ini, sekitar angka 7,000, 8,000 itu sahaja, yang belajar program UiTM. Dalam tempoh sehingga tahun 2030, kita akan menambah bilangan lebih dua kali ganda. Jadi dengan langkah yang diambil oleh UiTM ini, beberapa IPTS bumiputera yang menghadapi masalah akan dapat bernafas. Yang penting, pihak UiTM akan memberikan jaminan bahawa pelajar-pelajarnya akan berada di paras yang tertentu membolehkan mereka beroperasi.

Kita sedar bahawa terdapat jurang yang amat ketara antara IPTS bumiputera dengan IPTS bukan bumiputera oleh sebab-sebab tertentu termasuklah pengurusan, kewangan dan lain-lain. Jadi dengan langkah ini, insya-Allah, lebih banyak lagi IPTS bumiputera mampu bertahan dan juga mampu bersaing dengan IPTS-IPTS bukan bumiputera di negara kita.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat, wujudnya jawatankuasa pemantauan ini telah pun menimbulkan satu impak yang positif dari segi

kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia. Sasaran RMK-9 untuk menjadikan 100,000 kemasukan pelajar antarabangsa, tinggal lagi empat tahun dengan anggaran 15,000 pelajar antarabangsa setiap tahun.

Jadi di samping strategi yang diatur oleh kementerian, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri untuk menjadikan seluruh pejabat perwakilan kita di luar negara sebagai pusat untuk pengambilan pelajar-pelajar asing bagi membantu menjadikan Malaysia sebagai hub pelajaran yang terkenal di rantau ini. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan bilangan pelajar-pelajar asing di IPTS kita boleh kita bahagi dua. Yang pertama, langkah-langkah promosi di luar negara, yang kedua langkah-langkah dalaman yang perlu kita lakukan untuk memantapkan lagi pendekatan kita. Saya mula dengan dalaman dahulu. Dalaman, antara lain sebulan sekali kita berjumpa dengan Jabatan Imigresen. Oleh kerana kadang-kadang, oleh kerana kelewatan dan hal-hal tertentu, perkara ini boleh memberikan imej yang agak negatif terhadap Malaysia. Maka ini, kita sedang tangani.

Yang keduanya, kita sedang berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mempromosikan, untuk IPTS ini menjalankan usaha promosi yang lebih gigih dalam dan luar negara supaya menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar dalam negara kita. Ini antara langkah-langkah yang kita ambil dalam negara. Di luar negara, ini juga penting. Kita ada empat buah pusat promosi pendidikan yang ditubuhkan pada tahun 2003. Pusat-pusat ini adalah di Dubai, di Jakarta, Ho Chin Minh City dan Beijing dan pusat-pusat ini, pegawai-pegawaiannya daripada Kementerian Pengajian Tinggi, tugas mereka ialah untuk mengadakan program seminar berterusan, untuk berinteraksi dengan pihak media, elektronik, media cetak. Ini peranan dimainkan oleh empat pusat promosi pendidikan. Empat pusat ini di bawah kawalan Kementerian Pengajian Tinggi.

Yang kedua, kita ada perwakilan. Kita ada lebih 70 perwakilan asing di luar negara dan mereka juga ada peranan yang besar untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan, pelancongan dan lain-lain. Mereka juga kita sudah arahkan supaya lebih agresif.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, kita ada usaha-usaha yang dilaksanakan dari semasa ke semasa seperti MIDA, MATRADE, *Tourism Malaysia*. Ini antara agensi kerajaan yang begitu agresif mempromosikan Malaysia dalam pelbagai bidang dan kementerian menyertai pameran-pameran yang dilaksanakan, dijalankan oleh MIDA, MATRADE dan juga *Tourism Malaysia* secara bersepada. Jadi, ini langkah-langkah yang kita ambil ini.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah Malaysia sebuah negara yang selamat, ini yang penting. Keselamatan adalah penting terutama bagi pelajar-pelajar China. Orang China ramai, anak satu sahaja. Jadi kalau kita satu orang anak, memang amat kasih. Kasih sangatlah anak ini, satu orang anak sahaja. Oleh yang demikian, keselamatan ini amat penting. Maka, kita bersama dengan pihak Imigresen, pihak polis memastikan bahawa tahap

keselamatan kita ini sentiasa terjaga. *Alhamdulillah*, Malaysia mempunyai imej yang agak baiklah. Negara amat tenteram.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadaan hidup di negara kita ini, dengan cuacanya, dengan persekitarannya baik dan yang ketiganya, kos berpatutan. Bukan murah tetapi *comparative* kosnya kalau berbanding dengan negara-negara Amerika, UK, Australia, memanglah kita murah. Kalau banding negara rantau ini, kita *comparative*. Jadi ini antara daya tarikan Malaysia. Inilah fakta-fakta yang sentiasa kita tekankan apabila menarik pelajar-pelajar asing belajar di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghormati kehadiran Yang Berhormat yang datang sendiri pada hari ini di samping mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak pernah rasa letih untuk datang ke Dewan Negara. *[Tepuk]*

**3. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah bentuk bantuan, penyediaan kemudahan dan pertolongan yang telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada lebih 150,000 Orang Kurang Upaya (OKU) sepanjang tahun 2005 dan
- (b) apakah kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun pekerja kurang upaya yang sekarang ini diperuntukkan sebanyak RM200 sebulan, sejajar dengan peningkatan kos keperluan harian berikutan kenaikan harga petrol.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**[Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan beberapa program dan perkhidmatan kepada golongan Orang Kurang Upaya termasuk beberapa skim bantuan kewangan dengan matlamat membantu golongan tersebut menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Di antara bentuk bantuan, kemudahan dan pertolongan yang diberikan kepada golongan OKU adalah termasuk elaun pekerja cacat, bantuan alat tiruan, bantuan geran tahunan kepada pusat pemulihan dalam komuniti dan NGO serta elaun khas bulanan kepada murid OKU.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, elaun pekerja cacat dan bantuan alat tiruan yang disalurkan pada tahun 2005 berjumlah RM24.1 juta seperti agihan berikut, Yang pertama, elaun pekerja cacat. Bilangan penerima adalah seramai 8,289 orang dengan peruntukan sebanyak RM22 juta.

Bantuan alat tiruan bilangan penerima adalah seramai 1,431 orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 juta. Yuran tahunan bagi PDK dan NGO serta elaun khas bulanan murid-murid OKU yang disalurkan bagi tahun 2006 berjumlah RM7.75 juta seperti pecahan berikut:

- (i) RM2.21 juta kepada 313 pusat pemulihan dalam *committee* yang melibatkan seramai 7,359 OKU;
- (ii) RM4.2 juta yuran tahunan kepada 102 buah NGO yang melibatkan seramai 4,544 OKU; dan
- (iii) RM1.34 juta elauan khas bulanan kepada 47 NGO yang melibatkan seramai 4,478 OKU iaitu sebanyak RM25 bagi setiap murid OKU.

Bagi meningkatkan kemahiran OKU, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan kemudahan latihan vokasional kepada OKU fizikal di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi yang dapat melatih seramai 150 OKU. Bagi OKU fizikal dan akal yang tidak mampu bersaing dalam pekerjaan di pasaran terbuka, diberi peluang bekerja di bengkel daya dengan penglibatan seramai 110 OKU. Di samping itu di kalangan OKU yang mempunyai kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang akan dipertimbangkan bantuan pelancaran dengan kadar RM2,700 sekali gus.

Sebagai modal bagi mereka memulakan sesuatu projek ekonomi yang boleh mendatangkan pendapatan tambahan sebagai usaha untuk berdikari. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan perkhidmatan bantuan kewangan, kemudahan dan pertolongan yang diberikan kepada OKU benar-benar memberi impaknya maka kementerian sentiasa mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut supaya dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Dari aspek bantuan elauan pekerja masih lagi kekal sebanyak RM200 seorang sebulan sebagai insentif kepada OKU yang bekerja yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM750 sebulan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhbar hari ini melaporkan bahawa Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mahu kualiti kemahiran OKU di negara ini ditingkatkan supaya mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan. Soalan saya ialah kemampuan OKU sebenarnya selama ini pun sudah terserlah tetapi adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersedia untuk membuat kempen secara besar-besaran kepada setiap majikan di negara ini supaya menerima golongan OKU secara sama rata dan tidak prejudis dalam menyediakan ruang dan peluang pekerjaan kepada golongan berkenaan, terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai peluang pekerjaan untuk OKU ini, ini juga melibatkan dengan Kementerian Sumber Manusia oleh itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan bukan sahaja kita telah menyediakan bantuan khas kepada persatuan-persatuan OKU supaya mereka mengadakan kempen atau seminar kesedaran untuk orang awam atau majikan dan juga kita melalui Majlis Pembangunan Kebajikan dan Masyarakat iaitu MAYANG di semua kawasan Parlimen. Kita juga pada tahun ini akan mengadakan Program OKU. Sekian terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah perancangan kerajaan supaya agenda kesamarataan, peluang dan kesaksamaan hak juga diberi kepada golongan OKU sejajar dalam perubahan yang berlaku di peringkat sejagat dalam menangani isu dan pembangunan OKU daripada pendekatan berasaskan kebajikan sebelum ini kepada pendekatan berasaskan hak serta ke arah masyarakat untuk semua supaya golongan ini tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Untuk kebajikan OKU ini, bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memainkan peranan yang penting, ia melibatkan juga kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu ini adalah satu objektif kementerian kita melalui satu majlis yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri, kita selalu ada perbincangan dengan kementerian yang saya sebutkan tadi termasuk juga Kementerian Pelajaran supaya kebajikan mereka dapat dijaga, sekian terima kasih.

4. **Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan sama ada memperolehi sebarang latihan keusahawanan kepada usahawan-usahawan kaum India atau tidak. Jika ya, apakah bentuk latihan yang disediakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) terlibat memberi latihan keusahawanan untuk meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam perniagaan dan perusahaan. Bagi tujuan tersebut Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah ditubuhkan pada 12 Januari 2005. Sebagai inisiatif kerajaan dalam usaha menerapkan konsep dan budaya keusahawanan kepada rakyat Malaysia termasuklah di kalangan belia kaum India.

Program-program keusahawanan seperti Skim Usahawan Siswazah telah membuka penyertaan kepada para graduan dari pelbagai kaum. Seramai 5,346 peserta telah mengikuti program ini sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan yang lalu. Dari jumlah tersebut, seramai 35 peserta adalah terdiri daripada kaum India. Selaras dengan langkah bagi meningkatkan pemilikan ekuiti kaum India kepada 3% menjelang tahun 2020, MECD turut membuka peluang yang lebih luas kepada kaum India untuk mengikuti latihan keusahawanan yang disediakan oleh INSKEN.

INSKEN dengan kerjasama Yayasan Strategik Sosial atau YSS iaitu salah satu badan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat India telah mengadakan persefahaman pada 22 Mei 2006 dalam merancang dan melaksana program-program latihan keusahawanan pada kaum India di negara ini. Adalah diharapkan kaum India dapat memanfaatkan peluang yang telah diberikan oleh kerajaan untuk meningkatkan penyertaan dalam bidang keusahawanan.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memberi peluang kepada masyarakat India khasnya belia-belia India untuk mengikuti kursus-kursus perusahaan dalam negara ini. Tetapi mereka yang mendapat kursus-kursus ini atau mengikut kursus-kursus ini kadangkala menghadapi masalah untuk memulakan perniagaan kerana tidak mencukupi kewangan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi geran ataupun pinjaman kepada mereka-mereka yang telah mendapat latihan ataupun memberi keutamaan untuk dapat pinjaman dari bank-bank?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, pada dasarnya dan pada umumnya memang terdapat peluang yang diberikan kepada usahawan-usahawan yang telah mengikuti latihan yang dianjurkan oleh kementerian dan juga lain-lain badan kementerian yang berkaitan dengan keusahawanan ini dan antara institusi-institusi yang memberikan bantuan pinjaman termasuklah bank seperti Bank Rakyat, Bank Pembangunan dan juga institusi kewangan yang lain. Bagi jawapan kepada sama ada peruntukan khas istimewa maka umumnya kerajaan memberikan layanan yang sama rata kepada rakyat Malaysia dan tidak ada peruntukan khusus untuk sesuatu kaum. Walau bagaimanapun peluang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat memang disediakan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa negara kita bergerak untuk mencapai negara maju, kita tidak mahu kumpulan-kumpulan mana pun ketinggalan. Kalau tidak, ini akan menyusahkan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu apakah masalah-masalah atau cabaran-cabaran dalam meningkatkan bilangan kaum India dalam rancangan-rancangan kementerian terutama meningkatkan bilangan pemuda-pemuda India yang berisiko tinggi. Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan sebentar tadi bahawa kementerian tidak akan mengenakan satu dasar yang khusus kepada sesuatu kaum. Sebaliknya layanan adalah diberikan sama rata kepada semua kaum bagi mencerminkan komposisi kaum di negara kita.

Walau bagaimanapun, di dalam program yang dinyatakan sama program latihan, sama ada di dalam ruang untuk pendidikan, kerajaan membuka peluang 10% di dalam penyertaan kemasukan ke dalam Maktab Rendah Sains Mara kepada rakyat Malaysia yang bukan bumiputera. Ini bermakna termasuklah kaum India dan Cina di mana setakat ini daripada 5,000 pengambilan pelajar MRSM, 10% diperuntukkan kepada rakyat bukan bumiputera.

Ini jelas membuktikan gambaran bahawa sebenarnya kerajaan turut memberi peluang kepada rakyat Malaysia termasuklah kaum India ini. Terima kasih.

**5. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan kejayaan dalam mempromosikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang menawarkan *matching grant* kepada golongan yang berpendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Skim Simpanan Pendidikan Nasional ataupun SSPN dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos 2004. Ia dikelolakan oleh PTPTN dan tujuannya ada dua:

- i. untuk membuat persediaan kewangan bagi anak-anak memasuki universiti; dan
- ii. untuk menggalakkan tabungan di kalangan ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 20 Julai 2006, jumlah simpanan ialah RM13.5 juta. Bilangan penyimpannya ialah 47,384 orang. Daripada jumlah ini, 28,600 layak mendapat geran sepadan ataupun *matching grant*, geran yang diberikan oleh kerajaan kepada pendeposit yang memiliki pendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan dan gerannya diberi sehingga RM10,000. Ini bermakna kalau seorang yang berpendapatan kurang daripada RM1,200, dia masuk kata RM10,000 maka apabila anak mereka masuk universiti, mereka layak menerima geran daripada kerajaan sebanyak RM10,000, jadi RM10,000 wang dia dan ditambah RM10,000 daripada wang kerajaan. Inilah kebaikan yang diperolehi daripada skim ini dan ini merupakan komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu golongan miskin dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 20 Julai 2006, seramai 14 orang telah membuat pengeluaran daripada geran sepadan ini. Pengeluarannya cuma RM1,900 kerana skim ini baru bermula dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita di kementerian sedang menjalankan usaha yang gigih untuk kempen supaya lebih ramai lagi ibu bapa menabung sebagai persiapan untuk anak-anak mereka. Kempen ini dilakukan di 42 kawasan parlimen setakat dan lapan kawasan DUN dan saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, jika ada yang berminat, saya harap semua berminat boleh berhubung dengan kami untuk kita jalankan promosi di kawasan masing-masing kerana kita hendak lebih ramai lagi rakyat Malaysia menabung sebagai persiapan anak mereka memasuki universiti.

Kementerian juga sudah memasuki kawasan FELDA dan telah melawat pejabat kerajaan dan swasta dan sekolah menengah dan sekolah rendah untuk mempromosikan skim ini. Kebaikan skim ini ialah seseorang yang berpendapatan kurang RM1,200 sebulan layak mendapat *matching grant* daripada kerajaan sehingga RM10,000 apabila anak mereka memasuki universiti.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berdasarkan data ternyata SSPN ini belum mendapat sambutan yang baik. Saya ingin tahu apakah kerajaan ada bercadang iaitu pembayaran secara potongan melalui Biro ANGKASA sebagai contohnya dan saya difahamkan bahawa kerajaan juga berhasrat untuk

melakukan pelepasan cukai terhadap simpanan tersebut. Adakah ini betul dan bila hendak dilaksanakan? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua bentuk pelepasan cukai iaitu yang pertama, pendapatan yang diperolehi daripada wang dilaburkan, dari RM13.5 juta yang dikumpul dilaburkan dan pendapatan daripada pelaburan itu dikecualikan cukai oleh kerajaan. Satu lagi pengecualian cukai yang kita pohon daripada kerajaan iaitu setiap yang melabur dikecualikan daripada cukai individu.

Ini tidak dipersetujui oleh kerajaan dan kita berpendapat oleh kerana ibu bapa ini pendapatan mereka hanya sebanyak RM1,200 ke bawah kebanyakan yang melabur ini, mereka tidak tertakluk kepada cukai pendapatan, mungkin tidak relevan. Tetapi bagi mereka yang berpendapatan lebih daripada RM1,200 yang membayar cukai maka ini dijadikan insentif kepada mereka untuk menabung kepada skim ini.

Berkaitan dengan Biro ANGKASA, kita sebenarnya sudah berbincang dengan mereka, sudah ada prinsip dengan Biro ANGKASA untuk bersama-sama bekerjasama memantapkan lagi promosi skim ini dan sebenarnya kita telah memulakan skim potongan bulanan daripada pegawai-pegawai PTPTN dan pegawai-pegawai kementerian sebagai permulaan. Tetapi kita harap ini akan berkembang. Sebagai permulaan, kita sudah mula untuk memotong gaji pegawai-pegawai tertentu di kementerian sebagai galakan untuk mereka menabung dan kita harap ini dapat diperluaskan di seluruh negara dalam sedikit masa lagi.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ramai orang amat berminat akan Skim Simpanan Pendidikan Nasional ini tetapi tidak berkelayakan kerana gaji bulanan kini biasanya melebihi RM1,200. Memandangkan sambutan yang tidak menggalakkan, soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan had pendapatan maksimum RM1,200 ini. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya ingin membetulkan mungkin ada sedikit kekeliruan. Semua rakyat Malaysia layak untuk menabung di bawah SSPN, semua tetapi yang layak menerima *matching grant* daripada kerajaan RM10,000 maksimum ialah mereka yang berpendapatan RM1,200 ke bawah. Kalau Yang Berhormat berpendapatan katakanlah RM10,000 sebulan, tidak ada masalah untuk menabung, boleh menabung. Tetapi tidak layak menerima *matching grant* RM10,000. Itu saya harap Ahli Yang Berhormat jelas tentang perkara ini dan untuk makluman, kita menabung dalam skim ini ada dividen. Dividennya sekitar 5%, boleh tahanlah kalau dibandingkan dengan kadar pulangan daripada *fixed deposit* 5%. Ini adalah suatu angka yang agak memuaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum daripada itu Dewan Negara juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan... [Tepuk].

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita menghargai kehadiran Menteri-menteri di Dewan Negara kerana ini membuktikan bahawa Dewan Negara masih utuh dan relevan dalam sistem demokrasi berparlimen di negara kita... *[Tepuk]*

6. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Perdana Menteri menyatakan perancangan yang diambil bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat produk dan perkhidmatan halal di dunia. Sejurus dengan itu, bagaimanakah sesebuah produk dan syarikat itu memperoleh sijil dan logo halal dari JAKIM kerana kebanyakan syarikat menggunakan logo yang palsu bagi menarik pelanggan Islam. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi membanterasnya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha bagi menjadikan Malaysia sebagai *hub* pengeluaran produk halal dunia merupakan agenda penting kerajaan bagi merancang usaha-usaha ke arah menjadikan Malaysia *hub* pengeluaran produk halal dunia, kerajaan telah menubuhkan suatu jawatankuasa khusus yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Jawatankuasa ini melibatkan semua agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan lain-lain lagi.

Pada masa ini penggunaan sijil dan Logo Halal JAKIM adalah secara suka rela. Bagi syarikat yang berminat dan ingin menggunakan Logo Halal JAKIM, permohonan boleh dikemukakan kepada JAKIM sama ada melalui *online* atau *manual*. Syarikat yang memohon dan didapati memenuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam Standard Malaysia MS1500 2004 dan manual prosedur persijilan halal maka Sijil Halal akan dikeluarkan kepada syarikat berkenaan dan syarikat berkenaan dibenarkan menggunakan Logo Halal JAKIM.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat bahawa kebanyakan syarikat menggunakan logo halal palsu adalah tidak tepat. Penggunaan logo halal palsu adalah bermaksud menggunakan logo halal JAKIM ataupun JAIN atau Jabatan Agama Islam Negeri, tanpa sijil halal yang sah dan ini jarang berlaku. Logo Halal yang banyak digunakan ialah logo halal yang dikeluarkan oleh syarikat berkenaan sendiri dan ini bukan merupakan logo halal palsu. Ia dibenarkan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 jika produk berkenaan benar-benar halal.

Bagi syarikat yang didapati menggunakan logo halal palsu, tindakan boleh dikenakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Penguasaan tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, untuk mengesan kepalsuan sijil dan logo halal, adakah JAKIM bercadang untuk mencatatkan nombor daftar bilangan di logo halal supaya dapat dikesan

mengikut syarikat masing-masing. Bererti pada logo itu kita ada nombor daftar. Pada masa sekarang susah hendak mengesan sebab pada logo tidak ada catatan nombor. Jadi, kita tidak tahu. Adakah mencukupi pegawai yang menjalankan tugas untuk mengesan perkara yang berlaku.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Pertamanya ialah JAKIM dari masa ke semasa berusaha untuk mengesan atau pun menguatkuasakan dengan pertolongan ataupun dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebab JAKIM sendiri tidak ada kuasa. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dia hanya bertindak di bawah Akta Perihal Perdagangan 1972. Itu adalah merupakan akta yang telah diluluskan.

Setakat ini kerjasama yang baik daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan JAKIM adalah sangat baik. Tentang penambahbaikan itu boleh diusahakan daripada masa ke semasa. Misalnya, apa yang telah diluluskan oleh JPA iaitu sebanyak 137 jawatan telah diluluskan oleh JPA kepada JAKIM bagi mengatasi kekurangan-kekurangan dalam bahagian halal ini. Jadi 137 itu adalah dalam pelbagai jawatan. Jawatan-jawatan tersebut adalah bagi jawatan-jawatan profesional ataupun jawatan-jawatan sokongan yang diluluskan sebanyak 137 jawatan dan sekarang ini JAKIM sedang berusaha untuk mengisi sepenuhnya peruntukan yang telah diberi oleh JPA ini.

Jadi, saya rasa itulah sedikit jawapan saya iaitu kita berusaha untuk mengadakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan ini dan kuasa yang ada pada Akta Perihal Dagangan dimiliki oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Namun begitu suka ditegaskan lagi bahawa kerjasama yang baik kita dapat daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya cuba hendak mendengar satu soalan tambahan dalam konteks yang lain. Silakan, Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang soalan saya berlainan sedikit. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tetapi jangan lari daripada soalan pokok.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Tidak, tidak. Ada berkaitan dengan soalan asal. Memang kita akui bahawa pasaran makanan halal memang besar, khasnya di Asia Barat. Tetapi kita kena mengambil kira tentang pasaran. Kita tahu bahawa negara jiran kita, Indonesia, Thailand dan China pun mengeluarkan makanan halal dan mereka pun aktif di dalam pasaran antarabangsa. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Soalan saya, adakah kita mewujudkan satu jenama tempatan seperti *brand Ayam ...**[Ketawa]* yang popular di Malaysia tidak semestinya popular di pasaran antarabangsa. *We have the branded chicken, Ayam Brand canned product, betulkah?*

Walaupun ia popular di Malaysia tidak semestinya popular di pasaran global. Jadi kita kena mengambil tindakan untuk mewujudkan satu *brand* yang boleh *compete* dengan *brand Nestle's*, *Campbell's* atau lain-lain di pasaran antarabangsa.

Jadi, kalau kita hanya mengeluarkan produk-produk yang tidak ada pasaran, yang tidak ada strategi untuk *marketing*, kita akan gagal. Kos pengeluaran di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia lebih rendah sedikit. Jadi, kita kenalah menggunakan imej logo halal dikeluarkan oleh Malaysia kerana Malaysia adalah negara yang dihormati oleh ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan sudah jelas, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Soalan saya ialah, kita mestilah menggalakkan MITI untuk membantu pengusaha-pengusaha tempatan menembusi pasaran antarabangsa bukan hanya melalui FAMA sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup. Cukup, Yang Berhormat. Sudah jelas.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sekarang ini kerajaan sedar bahawa kita terpaksa bersaing hebat dengan negara-negara jiran yang telah berusaha juga untuk menjadi hub pengeluaran halal seperti Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei dan lain-lain. Selain daripada itu, suka dinyatakan bahawa tugas untuk menyediakan produk-produk halal ini adalah tugas pihak swasta yang perlu berusaha mengeluarkan produk-produk mereka. Tetapi Walau bagaimanapun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah berusaha untuk mempromosikan produk-produk kita.

Baru-baru ini pun kita baca dan lihat dalam media iaitu usaha daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memasarkan produk-produk halal daripada Malaysia ke Dubai. Saya difahamkan oleh menteri yang menjaga urusan hal ehwal perdagangan dalam negeri ini mendapat sambutan yang begitu baik dan telah mempunyai daya kompetitif yang baik di pasar-pasar raya di Dubai. Itu adalah merupakan satu percubaan yang baik dan mungkin diperluaskan lagi di tempat-tempat lain, negeri-negeri ataupun di negara-negara Arab yang lain.

Selain daripada itu, suka saya menyatakan bahawa saya telah mengarahkan iaitu saya menjaga Tabung Haji, kalau sekarang ini kita ada empat bahagian besar di Tabung Haji iaitu TH Plantations, TH Technologies, TH Properties dan juga TH Travel and Services, kita buka satu lagi ialah TH Halal Foods and Halal Products.

Jadi, itu kita akan anjurkanlah. Maknanya mereka yang ada mempunyai kepakaran dalam bidang pemakanan dan sebagainya boleh *joint venture* dengan Tabung Haji. Kita tidak ada banyak pengalaman tetapi kita ada kapital. Kita ada modal. Tetapi janganlah pergi ke Tabung Haji dengan tidak ada kepakaran dan modal pun tidak ada. Tidak. Kita bermula dan itu sebagai contohlah, telah berusaha ke arah memantapkan usaha supaya produk-produk Malaysia ini dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

7. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa prestasi pasaran saham begitu lembap. Apakah kesan positif terhadap pasaran saham negara di atas cadangan Suruhanjaya Sekuriti (SC) membenarkan syarikat asing bersaiz besar menyenaraikan saham mereka di Bursa Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi pasaran tempatan adalah seiring dengan prestasi pasaran-pasaran serantau. Pada pertengahan bulan Mei, pasaran saham antarabangsa mengalami kejatuhan yang mendadak di mana Wall Street melalui pasaran-pasaran yang lain. Pengusaha-pengusaha Malaysia juga tidak terkecuali. Prestasi saham Malaysia seperti juga pasaran saham lain telah banyak dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan global yang berlaku pada tahun ini. Antaranya ialah pembetulan harga saham dunia ataupun *global correction*, pada bulan Mei tahun ini melibatkan kemunculan pasaran-pasaran baru dan pasaran komoditi, harga minyak yang tinggi, ketidakpastian terhadap hala tuju kadar faedah Amerika Syarikat dan kebimbangan tentang prospek kelembapan ekonomi global.

Walau bagaimanapun, pasaran saham Malaysia pada amnya adalah lebih teguh berbanding dengan beberapa pasaran yang lain. Syarikat-syarikat 'Blue Chip Universal' / 'Malaysia' merupakan stok yang mempunyai ciri-ciri *stock defensive*. Ini bermakna apabila terdapat tekanan harga ke bawah, kejatuhan harga saham syarikat-syarikat ini agak terhad. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) hanya menurun sebanyak 4% berbanding dengan penurunan sebanyak 10% bagi saham-saham Timur Jauh semenjak pembetulan harga saham sedunia pada bulan Mei tahun ini.

Bagi tempoh sepanjang tahun ini, indeks KLCI telah meningkat sebanyak 3.2%. Prestasi harga saham syarikat-syarikat kecil dan syarikat yang mempunyai kadar pertumbuhan tinggi atau pun *high growth* di Malaysia pula adalah antara yang terbaik di dunia. Semenjak pembetulan harga saham sedunia, indeks MASDEC telah pulih sepenuhnya dengan menunjukkan peningkatan 47% tahun ini. Manakala indeks papan kedua pula telah meningkat sebanyak 18% pada tahun ini. Pada 22 Jun 2006, Suruhanjaya Sekuriti telah mengumumkan langkah-langkah baru untuk memudah carakan penyenaraian di Malaysia oleh syarikat-syarikat milik asing yang beroperasi di luar negara serta penyenaraian di bursa saham asing oleh syarikat Malaysia yang tersenarai di papan utama bursa Malaysia.

Langkah menaikkan prestasi tersebut akan meningkatkan kepelbagaiannya penawaran di samping memperluas kumpulan saham berkualiti di Bursa Malaysia. Ini juga menggalakkan hubungan dengan pasaran lain melalui dwi-penyenaraian atau pun *duel-listing*. Selain pengambilan dan percantuman syarikat, syarikat tempatan yang besar yang amat sedikit. Langkah ini juga akan membolehkan pelabur dapat nilai yang lebih baik daripada pelaburan mereka di pasaran saham Malaysia. Sementara itu, penyenaraian syarikat besar asing

membolehkan Bursa Malaysia menjadi bursa serantau khususnya bagi syarikat berdasarkan sumber, terutama sekali sektor pertanian, perladangan serta minyak dan gas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah benar berlaku apa yang dipanggil sebagai *insider trading* dan *market abused* yang membawa kesan buruk kepada pasaran saham kita. Sebagai contohnya selain daripada kes MASDEC dengan *Iris Corporation* ini, saya difahamkan ada satu *deal* yang membawa kesan buruk juga dan saya harap ada jawapan yang telus, dan saya juga ingin tahu apakah berlaku rasuah di kalangan kakitangan SC iaitu *Securities Commission* ini iaitu meminta *keep back, keep back for approving* dengan izinnya Tuan Yang di-Pertua, *keep back for approving “eye-popping” corporate deal*. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang dipohon oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, adalah agak spesifik, ini saya perlu notislah. Yang kedua tentang tuduhan rasuah ini, saya sudah jawab dululah, ini memang ada, saya pun dengar juga, tetapi tidak ada bukti-bukti yang tepat, dan tidak ada kes yang telah pun di bawa, dilaporkan secara spesifik. Jadi ini cuma rungutan Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak dapat hendak beri jawapan yang tepat tentang perkara inilah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan jawapan yang diberikan, sememangnya terdapat *global correction*, dengan izin, di dalam pasaran ekuiti dunia. Tetapi kalau kita lihat dalam *absolute term* dan *relatives term* nya, pasaran ekuiti Malaysia memang sentiasa *lagging* di belakang, dengan izin. Dan dalam senario ini, apakah tarikan yang utama yang akan mengizinkan atau pun melonjak syarikat-syarikat asing untuk menyenaraikan syarikat mereka di dalam satu pasaran ekuiti yang lebap dan juga yang tidak dinamik berbandingkan dengan Shanghai, Hong Kong dan Mumbai yang meningkat begitu laju pada ketika ini, sungguh pun terdapat *correction*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Bursa Saham di Kuala Lumpur ini, kalau ikut kedudukannya adalah nombor tujuh di Asia Pasifik. Tetapi kalau kita lihat pada keseluruhannya, macam MASDEC meningkat laju, papan kedua meningkat laju, cuma secara keseluruhannya 3.2%. Tetapi sebenarnya, bursa saham ini dia *volatile*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia naik mendadak, turun mendadak. Tetapi yang Kuala Lumpur ini dia lebih *steady* yang kira, Bursa Saham Kuala Lumpur lebih *steady*, dia naik sedikit, dia turun sedikit. Jadi tidak begitu mendadak, jadi lebih stabil dan bagi mereka-mereka yang melabur jangka panjang dia lebih selamat Tuan Yang di-Pertua.

Dalam hal ini memang kita, saya sebut tadi bahawa pihak SC telah pun melonggarkan, telah pun mula mempromosi supaya syarikat-syarikat kita membuat verbatim dan pihak syarikat luar boleh *listing* di sini. Ini memberi banyak lagi ruang dan peluang kepada pelabur-pelabur kita untuk melabur. Sekarang ini pun sudah ada pelabur-pelabur kita, sudah melabur, Unit Trust misalnya sudah pun dibenarkan melabur *one-third*, satu per tiga daripada nilai aset mereka untuk melabur di luar. Jadi secara tidak langsung pelabur kita sudah pun melabur di luar. Dan ada juga pelabur kita yang melabur secara menggunakan agen di luar untuk melabur kewangan mereka. Jadi sudah ada *interest*, minat, beberapa pelabur kita melabur di luar dan dengan adanya *listing* yang digalakkan syarikat-syarikat luar di luar di Kuala Lumpur, maka memberi lagi ruang kepada pelabur mereka untuk melabur pada syarikat-syarikat asing Tuan Yang di-Pertua.

8. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pelancongan menyatakan, sejauh manakah usaha Kementerian dalam melibatkan usahawan wanita (khasnya yang terlibat dengan IKS) dalam agenda menarik pelancong berbelanja dan membeli belah di dalam negara melalui program-program yang terdapat di kalendar pelancongan negara.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan produk-produk yang dikeluarkan dari industri kecil dan sederhana IKS merupakan salah satu produk yang berpotensi untuk menarik pelancong-pelancong berbelanja dan membeli belah di dalam negara. Produk-produk ini boleh diperkenalkan atau dipromosikan melalui acara-acara yang diuruskan oleh Kementerian Pelancongan atau Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Di mana acara-acara ini telah pun dimasukkan di dalam kalender pelancongan negara. Bidang ini juga mampu menjana pendapatan sampingan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar khususnya kepada usahawan-usahawan wanita, mengusahakan produk-produk ini dan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri pelancongan. Bagi memastikan produk-produk IKS dapat terus berkembang maju, Kementerian Pelancongan turut serta memainkan peranannya dengan mempromosikan produk IKS yang ada di Malaysia. Ini dapat dibuat melalui pembangunan program *homestay*, di mana produk-produk IKS dapat dipasarkan seperti produk-produk kraf tangan seperti tikar mengkuang, perabot rotan, buatan jamu, batik, tenunan songket, dan juga produk makanan seperti keropok lekor, kerepek pisang, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sedia maklum bahawa usaha promosi memainkan peranan yang paling penting di dalam pemasaran sebarang produk pelancongan, iaitu kementerian ini melalui Lembaga Penggerakan Pelancongan Malaysia, yang sentiasa meningkat promosi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terhadap produk-produk yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan termasuk juga usahawan-usahawan wanita di dalam program *homestay* khususnya, dan industri pelancongan amnya. Antara bentuk promosi yang digunakan adalah dalam bentuk pakej pelancongan, risalah dan buku direktori *homestay* serta promosi melalui media cetak dan media elektronik. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah dan selepas itu, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib mengajak semua pihak agar memberi sokongan menjayakan Misi Nasional (MN) kerajaan dalam memajukan industri kecil dan sederhana, dengan menyokong produk "Satu Daerah Satu Industri" di mana RMK-9 telah menekankan pembangunan IKS sebagai salah satu misi kerajaan. Soalan saya, apakah pendapat kementerian bahawa kalender aktiviti pelancongan boleh dijadikan suatu platform untuk memasarkan produk IKS di mana kementerian boleh bertindak bergabung secara kolektif dengan *mega mall* dan negeri-negeri untuk usaha ini. Dan bagi menyokong produk satu daerah, satu industri bukankah kementerian boleh mengeksplorasi konsep ini dengan mewujudkan kampung-kampung mini pelancongan. Sekian terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas cadangan. Memang satu daerah, satu produk itu di bawah Kementerian Kebudayaan, akan bincang dengan kementerian yang berkenaan, supaya kita boleh mempromosikan produk-produk yang dikeluarkan. Kita memang mengalau-alukan cadangan yang baik supaya kita boleh masukkan cadangan Yang Berhormat ini dalam kalender kita.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah berapa peratuskah daripada agensi pelancongan yang beroperasi dalam negara kita ini dimiliki oleh wanita dan sejauh manakah benarnya dakwaan yang menyatakan kementerian telah pun membekukan lesen-lesen bagi agensi pelancongan yang baru dan saya ingin tahu apakah bentuk galakan yang diberikan oleh kementerian supaya lebih banyak pemandu pelancong mahir berbahasa Arab memandangkan sekarang ini ramai pelancong dari negara Arab yang membanjiri negara kita untuk membeli-belah. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan pertama iaitu berapakah agensi pelancongan yang ada di negara kita - angkanya ialah 2,500. Peratus wanita yang memiliki memang saya akan jawab secara bertulis. Dari segi promosi atau bidang yang wanita boleh mengambil bahagian memang kita alu-alukan semua rakyatlah untuk membantu Kementerian Pelancongan supaya kita menarik lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita dan kita memang kalau ada program yang spesifik selalu kita bagi keistimewaan kepada pihak wanitalah. Sekian.

9. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan satu dasar memelihara dan menyelaras pembangunan landskap negara.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara

dalam peringkat akhir penyediaan dasar landskap negara yang mana merupakan satu panduan bagi hala tuju pembangunan landskap negara ke arah menjadikan Malaysia negara taman terindah menjelang tahun 2020. Dasar landskap negara ini adalah bertujuan untuk mewujudkan landskap yang berkualiti, menyeluruh dan mampan dengan reka bentuk landskap yang berentiti Malaysia. Draf dasar landskap negara ini akan dikemukakan ke mesyuarat jemaah menteri untuk kelulusan tidak lama lagi.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar dasar landskap negara dapat menggariskan pendekatan yang lebih rasional dalam usaha memelihara keindahan alam semula jadi serta melindungi sumber landskap sebagai aset warisan dan keindahan negara yang berharga untuk generasi kini dan yang akan datang. Dasar ini juga menjurus kepada tiga aspek utama iaitu sosiod budaya, alam sekitar dan ekonomi bagi memacu negara ke arah pencapaian persekitaran hidup yang lebih berkualiti, pembangunan yang mampan dan menyeluruh di samping pembentukan identiti landskap negara yang kukuh dan unik.

Melalui penggubalan dasar ini juga diharapkan usaha membudayakan landskap sebagai amalan dan gaya hidup masyarakat Malaysia dapat terus dicapai. Dasar landskap negara akan menggariskan strategi dan tindakan yang perlu diambil bagi menyelaras pembangunan landskap yang tersusun dan sistematis.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah projek-projek yang sudah, sedang atau akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar pembangunan landskap negara dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan berapa banyakkah peruntukan diberi bagi memelihara dan menyelaras pembangunan landskap negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab dasar landskap ini masih dalam peringkat draf dan belum diluluskan, maka tidak dapat saya maklumkan tentang projek di bawah landskap, akan tetapi dasar landskap ini bukan satu perkara yang baru yang kita hendak ubah semua yang lama. Strategi undang-undang dasar prinsip yang sedia ada yang selama ini akan diperkuuhkan akan disusun dengan baik dan memastikan segala usaha pembangunan dapat disepaduan, dijadikan satu dasar yang menyeluruh supaya semua peringkat kerajaan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri sampai Kerajaan Tempatan, masing-masing akan memainkan peranan yang baik.

Mengenai projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, setakat ini di mana Dewan yang mulia ini telah meluluskan di bawah Kementerian saya sejumlah RM361,110,127 untuk landskap sahaja. Ini merupakan projek-projek sambungan ataupun projek-projek yang selama ini telah dirancang yang meliputi projek untuk menaik taraf ataupun menambah baik taman-taman pembangunan ataupun taman-taman awam. Selain daripada taman-taman awam juga untuk beberapa projek di negeri-negeri masing-masing dan juga untuk perbelanjaan ini akan diguna untuk pembangunan landskap penghijauan negara.

Kita tahu bahawa landskap ini dia bukan sekadar hanya taman, dia meliputi banyak luas kerana landskap ini ialah satu ekosistem yang melibatkan alam semula jadi dan juga alam tepu bina iaitu *built environment* dan juga *natural environment*. Jadi dia banyak dari segi perancangannya dia banyak lagi penyelidikan reka bentuk perlu dibuat dari segi R&D, dari segi latihan, dari segi pembangunan *human resource*. Semuanya akan dirangkumi. Maka dengan itu saya akan apabila dasar ini telah diluluskan baru dapat saya beri maklumat yang selanjutnya secara *detail*.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Menteri tentang dasar yang telah dirancang akan melibatkan kos yang tinggi sama ada pihak kerajaan ataupun kementerian mempunyai satu dasar untuk macam mana mewujudkan pengusaha-pengusaha landskap supaya pengusaha-pengusaha ini akan diwujudkan, landskap ini akan lebih murah di kalangan masyarakat. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Di bawah dasar ini kita mempunyai tiga teras yang utama iaitu memastikan kawasan pembangunan dan tepu bina mengambil kira semua landskap dibangunkan secara harmoni dan diurus secara bijaksana. Maknanya kita tidak akan membenarkan apa-apa projek pembangunan dia ghairah sangat buat sesuatu cari cara mudah untuk menebang pokok, meratakan tanah, menimbus sungai dan sebagainya. Setiap alam semula jadi itu perlu dipelihara dan juga dari segi pengetahuan landskap yang betul-betul itu perlu diketahui.

Teras kedua akan menekankan pengekalan dan memperkayakan potensi sumber landskap semula jadi melalui pemuliharaan dan pengurusan yang mampan. Teras yang ketiga, mempertingkatkan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan modal insan, peningkatan bina upaya, pengurusan yang profesional dan amalan terbaik.

Di bawah dasar ini terdapat banyak pelan tindakan yang akan dijalankan. Sebagai contoh akan mewujudkan Majlis Penasihat Negara Taman, di mana kita juga akan mengadakan, menyeragamkan dan mengemas kini perundangan, peraturan dan garis panduan piawaian dan sebagainya, akan juga pelan tindakan seperti mengadakan, mempertingkatkan kempen kesedaran awam terhadap pentingnya landskap. Seterusnya juga akan menyediakan insentif serta sumber peruntukan untuk menggalakkan penglibatan semua peringkat. Jadi ada banyak langkah, sebanyak 13 pelan tindakan utama akan dicadangkan untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Jadi Yang Berhormat telah prihatin tentang adakah dasar ini akan dapat dipinda keseluruhannya dengan mengambil kira kepentingan dan juga memastikan alam sekitar kita dan tempat yang kita duduk, semuanya akan terjaga dengan baik. Itulah sebenarnya tujuan Dasar Landskap Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat yang datang sendiri pada pagi ini... *[Tepuk]*

**10. Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rasionalnya kementerian mempamerkan semua senjata pertahanan negara kepada umum sebagai contohnya sesuatu perarakan Hari Kemerdekaan di mana sesetengah senjata tersebut perlu menjadi rahsia Kerajaan Malaysia dan kewujudan senjata sulit tersebut hanya perlu diketahui oleh pimpinan utama negara sahaja.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa Angkatan Tentera Malaysia dan rahsia kerajaan tidak mempunyai sebarang senjata sulit yang perlu dirahsiakan. Perolehan persenjataan dan peralatan ketenteraan yang dimiliki oleh Angkatan Tentera Malaysia merupakan peralatan dan persenjataan yang dibangunkan dan dibuat oleh syarikat-syarikat pembuat persenjataan dan kelengkapan ketenteraan dari serata dunia.

Semua persenjataan dan kelengkapan ini diketahui umum sama ada melalui majalah, tempahan media cetak dan elektronik yang sedia ada. Apa yang dipamerkan merupakan persenjataan utama negara seperti kereta kebal, kereta perisai, meriam, *missile*, pesawat udara dan pelbagai senjata dan peralatan lain. Apa yang kita lakukan dan kita pamerkan pada Hari Kemerdekaan itu sebagai satu sambutan. Kita bukan pamer senjata sahaja, kita juga pamer orang.

Tetapi ada jenis senjata yang tidak dipamerkan dan kalau dipamerkan terlalu jauh. Umpamanya senjata yang diletakkan bersama-sama dengan jet pejuang. Kemungkinan pada masa depan kita tidak akan juga mempamerkan senjata yang ada di dalam kapal selam kerana kapal selam pun kita tidak dapat pamerkan kerana ia menyelam... *[Ketawa]*

Kebaikan mempamerkan persenjataan dan peralatan ketenteraan ini boleh dilihat dari sudut berikut sebagai salah sebuah kementerian yang diberikan peruntukan yang agak besar, adalah wajar agar kementerian melalui Angkatan Tentera Malaysia mempamerkan kepada seluruh rakyat bahawa setiap wang yang diperuntukkan telah dibelanjakan dengan sebaik mungkin bagi memperlengkapkan ATM mengikut tanggungjawab dan tugas.

Contohnya pada sambutan Hari Kemerdekaan yang lepas kita telah mempamerkan rancangan Angkatan Tentera Malaysia untuk menuahkan satu *team* ataupun *regimen tank* dan ini daripada senjata ataupun *tank* ini yang kita beli daripada Poland. *Insya-Allah* apabila lengkapnya Poland membekalkan kepada kita besok, kita akan menggunakan ini.

Senjata yang digunakan dari tank ini ialah senjata untuk jarak jauh, bukan jarak dekat. Bagi senjata-senjata yang digunakan jarak dekat telah lama kita gunakan di dalam ketenteraan dan kita sedia ada. Sebenarnya tindakan ini secara tidak langsung dapat menonjol tahap kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia yang secara keseluruhannya dapat dijadikan sebagai salah satu langkah cegah rintang, *deterrent* kepada negara-negara lain yang mempunyai niat buruk terhadap negara Malaysia, negara kita.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Walaupun kata-kata kita pamerkan ini kita hendak kata orang takut, mungkin orang tidak takut kalau mereka berniat tidak baik. Tetapi senjata yang kita ada ialah untuk menentukan bahawa seluruh dunia tidak berniat buruk kepada negara lain, tidak berhajat untuk mengadakan perang. Apa yang..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah Yang Berhormat berhajat supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat mempunyai peluang untuk *probe* dengan lebih mendalam?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** *Alhamdulillah* kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti setakat ini untuk *probe* lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab terdapat *caption* di atas gambar Tony Blair, Perdana Menteri UK pada hari ini dalam di antara surat khabar utama negara, “*Going for blood at question time*”. Tetapi *alhamdulillah* di Malaysia ini, *question time* ialah bukan medan untuk “*going for blood*” tetapi untuk *test* akauntabiliti pemerintah. Jadi Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani, kemudian Tuan Lee Sing Chooi dan kemudian Tuan Chiam Yong Tee.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita mengetahui...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan “*go for blood*” ya.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor:** Kita mengetahui bahawa kekuatan pertahanan seperti ketenteraan adalah sebahagian daripada Prinsip Islam Hadhari. Kekuatan pertahanan akan menjamin kestabilan, keamanan dan keselamatan negara yang membolehkan proses pembangunan dilakukan secara berterusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bersyarah pula.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor:** Soalan saya ialah adakah dengan menonjolkan kekuatan senjata dan ketenteraan adalah bagi menimbulkan kegeruan pihak lain dan memberi *signal* yang jelas bahawa negara kita ini tidak mudah diperlekehkan dan adakah ianya menjadi satu kemestian atau wajib untuk mempamerkan senjata bagi setiap negara dan kenapakah kerajaan tidak mengutamakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau banyak sangat, Yang Berhormat mana ada kesempatan hendak jawab. Sila. Dua itu cukuplah.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor:** Sedikit sahaja. Kenapakah kerajaan tidak utamakan peruntukan menambah senjata untuk pertahanan negara yang lebih canggih selain daripada dua buah kapal selam yang baru dibeli memandangkan negara kita lebih besar dan lebar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat. Cukup, cukup. Cukup Yang Berhormat.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor:** Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita pun telah meluluskan untuk membeli beberapa bekalan persenjataan yang lain mengikut keadaan dan keperluannya. Sebelum kita membeli senjata yang berkenaan, kita juga mesti meluluskan untuk menghantar dan menjadikan anggota tentera Malaysia faham menggunakan senjata itu dengan menambahkan ilmu dan kursus yang diberikan.

Pada masa ini umpamanya kita bersetuju dan sedang dibina pembelian kapal selam itu, 100 orang lebih anggota kita sedang dilatih di Perancis dan kemungkinan akhir 2008 barulah kita punya kapal selam itu dapat dibawa balik. Itu pun mungkin rakyat Malaysia, khasnya di kawasan Semenanjung akan bertanya kenapa kapal selam itu tidak diletakkan di Klang ataupun di Pulau Pinang ataupun di Johor. Maka kita letakkan di Sabah dan begitu juga orang Sarawak akan bertanya, kenapa tidak di Kuching, kenapa kita letak di Teluk Sepanggar?

Semua perkara ini berasaskan kepada kemampuan jati diri, kebolehan rakyat, angkatan tentera khasnya dan minda mereka sesuai dengan kegunaan fizikal dan mental serta keperluan persenjataan yang ada yang diberi tanggungjawab kepada mereka untuk digunakan. Kita juga sedang menunggu supaya kita dapat lengkap dari segi penggunaan jet pejuang yang kita beli dari Amerika. Kita ada jet pejuang yang dibeli dari Amerika yang terdiri daripada Rusia, umpamanya *Sukhoi* yang dibeli dari Britain dan lain-lain yang kita gunakan ini semuanya terpaksa kita guna, kita latih anak-anak anggota tentera kita supaya mahir.

Kita ada *missile*, kita ada peluru berpandu dan lain-lain yang kita gunakan, ini sesuai dengan kehendak negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Itu sesuai dengan kehendaknya, sesuai jugalah dengan permintaan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi temanya ialah dengan izin, “*probing for accountability*”. Kemukakan pertanyaan tambahan dalam semangat tema tersebut.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan tadi “*go for blood*” itu, itu mentaliti, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, bukan “*go for blood*” tetapi “*probe for accountability*”.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Yes,,, [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lebih *philosophical* dan juga lebih spesifik. Apakah sebabnya dalam abad ke-21 ini dan juga *meridian* baru ini, negara-negara masih membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membeli senjata-senjata untuk membunuh? Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kemajuan tidak membawa lebih kedamaian yang lebih tulen? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, kita membeli senjata ini oleh sebab kita melihat dunia sendiri sedang berlumba untuk membeli senjata. Kita tidak mahu bila orang menyerang kita dengan menggunakan senjata yang ada, kita tidak ada senjata untuk membalaunya. Tetapi tuduhan Yang Berhormat bahawa kita tidak beria-ia untuk membawa kedamaian..

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan "tuduhan" Yang Berhormat, mungkin "anggapan"....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** "Anggapan" sebab Yang Berhormat kata kita tidak beria-ia. Sebenarnya kita beria-ia. Pelbagai perjanjian persefahaman dan kerja baik untuk membawa perdamaian ini bahkan kita di Asia sendiri telah mengadakan perkara yang berkenaan dan di seluruh dunia kita lakukan. Tetapi kita tidak boleh mengatakan kalau ada antara negara-negara di dunia yang bersedia untuk membunuh bagi memuaskan hati mereka. Itu polisi dan pendirian mereka. Tetapi bukan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Tuan Chiam Yong Tee.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Berikut dengan nahtas....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan ketengahkan satu lagi pertanyaan selepas ini dan selepas itu, masa saya jangka akan cukup. Saya akan kemukakan pertanyaan nombor 11. Kerajaan bersedia.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berikut dengan nahtas kemalangan pesawat Hawk yang digunakan untuk latihan Angkatan Tentera Udara yang sering kali berlaku. Adakah kerajaan bercadang menggantikan pesawat Hawk ini dengan sistem pesawat yang lain?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, soalan ini saya rasa saya pernah jawab dalam Dewan ini bahawa kita tidak bercadang untuk menggantikan Hawk, tetapi kita ada membeli jet pejuang yang lain untuk digunakan seperti yang telah saya jawab tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

11. **Tuan Tay Puay Chuan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berapakah syarikat tempatan dan syarikat asing yang telah berdaftar dengan kerajaan untuk menjalankan industri bio-teknologi dan apakah insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, bio-teknologi telah dikenal pasti sebagai salah satu agen baru untuk pertumbuhan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh yang demikian, kerajaan telah memberi perhatian yang begitu serius kepada usaha mewujudkan persekitaran dan dapat menggalakkan inovasi bio-teknologi ataupun *innovative environment*.

Dasar Bio-teknologi Negara yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 April 2005 bukan sahaja menggariskan sembilan teras utama usaha membangunkan industri bio-teknologi, malah turut memperkenalkan mekanisme pelaksanaan usaha tersebut. Kerajaan juga telah menujuhkan Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd, Biotech Corp sebagai agensi khusus untuk membangunkan industri bio-teknologi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah sekarang Yang Berhormat hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat *improve for accountability?*

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Tay Puay Chuan kemudian Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah kerajaan berusaha sama dengan mana-mana syarikat swasta dalam industri bio-teknologi ini dan sekiranya ada berapakah jumlah pelaburan ini? Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih sehingga akhir Jun terdapat kira-kira 150 syarikat bio-teknologi di Malaysia yang telah mengemukakan cadangan projek bio-teknologi ataupun sedang melaksanakan projek masing-masing kepada bio-tek. Jadi sebahagiannya adalah bersama *joint venture* dengan kerajaan dan sebahagian adalah sebagai *private sector* sepenuhnya. Rata-rata syarikat yang berdaftar di Malaysia ini terdapat setengahnya memegang saham asing. Syarikat-syarikat tersebut menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan bio-teknologi merangkumi bio-teknologi pertanian, bio-teknologi penjagaan kesihatan, bio-teknologi industri dan pembuatan berasaskan biologi.

Di sini saya nak sambung sedikit jawapan yang pertama, pada 20 Mac 2006 Kementerian Kewangan telah meluluskan iaitu 10 bentuk fiskal insentif untuk syarikat-syarikat yang mempunyai kerja tertentu atau dikenali sebagai '*bio-nexus*'. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Chee Keong yang terakhir.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan Modal Insan merupakan satu agenda yang penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi saya hendak tahu apakah dasar kementerian untuk memastikan bahawa industri bio-teknologi ini mendapat Pembangunan Modal Insan yang secukupnya? Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab Ghani:** Sebenarnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dalam Program Pembangunan Modal Insan kita ada menyediakan *fund* khas yang dikenali sebagai Pembangunan Modal Insan, iaitu program-program yang dapat meningkatkan kapasiti dan dapat meningkatkan kualiti daripada Modal Insan iaitu sebagai contoh untuk menghantar pelajar-pelajar atau pegawai-pegawai kita untuk membuat Master, Sarjana ataupun Ph.D ataupun di dalam bentuk *postdoctoral*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Yang Berhormat.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 17(1)**

**PENCEROBOHAN ISRAEL KE ATAS LUBNAN DAN PALESTIN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Usul Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 17, saya Mumtaz binti Md Nawi pohon mencadangkan:

“Bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin serta menyelesaikan krisis Israel-Palestin yang semakin meruncing”.

Tuan Yang di-Pertua, rejim haram Israel telah bertindak kejam dengan memperluaskan operasi ketenteraannya ke atas Lubnan dan Palestin. Apa yang berlaku di Lubnan dan Palestin bukanlah isu keagamaan, tetapi jenayah kemanusiaan kerana Israel menyerang orang awam termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua.

Akhbar Israel *Haaretz* pula melaporkan bahawa tindakan ketenteraan yang dilakukan di Genting Gaza adalah sebagai perang terbuka terhadap rakyat dan Kerajaan Palestin. Perkembangan yang berlaku mutakhir ini telah menyebabkan peningkatan penderitaan dan kesengsaraan rakyat Lubnan dan Palestin. Keadaan ini bertambah parah apabila Israel tidak menghiraukan kritikan antarabangsa apabila terus membedil rumah-rumah penduduk serta Pasukan Palang Merah turut menjadi sasaran ketika tentera Israel mara ke Wilayah Lubnan yang mengakibatkan kematian dan kecederaan orang awam yang semakin meningkat.

Saya memohon Dewan Negara yang bersidang hari ini membuat pendirian yang tegas supaya PBB, NAM, OIC segera mengisyiharkan gencatan senjata mengerahkan pasukan pengaman serta menghalang pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin. Saya juga memohon supaya Dewan yang mulia meminta OIC, NAM dan PBB mengutuk tindakan Israel dan memastikan langkah-langkah proaktif dilaksanakan kerana apa yang dilakukan oleh Israel jelas satu jenayah perang zaman moden.

Saya merayu supaya usul ini diluluskan untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Kita adalah Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan isu ini adalah di luar jangkuan politik. Kita negara yang menjadi Pengerusi NAM dan OIC...

**Dato Hamzah bin Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta sedikit penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat selesaikan menjelaskan...

**Dato Hamzah bin Zainuddin:** Bukan Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tengok sini Peraturan Urusan Mesyuarat Usul-usul Menteri Luar Negeri akan mencadangkan isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya kata biar Yang Berhormat selesaikan baca. Apa kehendak dia biar jelaslah sebenarnya.

**Dato Hamzah bin Zainuddin:** Tetapi saya tengok daripada penjelasan, merupakan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang dia baca, salinan permohonan dia ada pada saya.

**Dato Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Mumtaz Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan ini sangat bermakna dan besar ertiannya bagi membuktikan keprihatinan dan sikap kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara dan Parlimen Malaysia khususnya yang bersama dengan pejuang rakyat Lubnan dan Palestin mempertahankan bumi dan maruah serta kedaulatan kerajaan yang mereka perolehi melalui sistem dan proses demokrasi yang ditentukan. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) daripada Ahli Yang Berhormat Mumtaz binti Md Nawi pada hari Rabu 26 Julai. Teks usul adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) ianya bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa sememangnya ia merupakan perkara yang tertentu. Dan ia juga adalah bagi kepentingan orang ramai. Akan tetapi sama ada perkara itu perlu disegerakan, saya putuskan tidak perlu disegerakan kerana kita telah menerima satu usul kerajaan mengenai isu yang sama yang akan dibahaskan pada hari ini, dan mengikut peraturan mesyuarat, urusan kerajaan hendaklah didahulukan. Sekian Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua.” **[26 Julai 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat menyambung menjawab dan menggulung. Saya harap Yang Berhormat dapat memberi anggaran masa supaya Yang Berhormat Menteri menunggu untuk membentang rang undang-undang berikutnya dapat membuat perancangan mengenai pembentangan beliau.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin ambil setengah jam atau 40 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung penggulungan saya ke atas Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006, izinkan saya dalam dewan yang mulia ini sekadar untuk direnung sejenak oleh ahli-ahli Dewan yang mulia ini menarik perhatian kepada hakikat bahawa rang undang-undang yang sedang dibahaskan ini ialah rang undang-undang kerajaan.

Rang undang-undang kerajaan ini bertujuan untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 yang bertujuan antara lain untuk memudahkan Majlis Peguam mengadakan Mesyuarat Agung tahunannya dan memudahkan Lembaga Tatatertib menuaikan tanggungjawabnya untuk mengendalikan prosiding tatatertib mengikut peraturan peruntukan undang-undang yang telah diteliti dan dikaji dengan mendalam oleh anggota Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Tatatertib hasil daripada pengalaman mereka mengendalikan prosiding tatatertib para peguam sejak sekian lama.

Selepas rundingan demi rundingan dengan Jabatan Peguam Negara, maka disediakan draf rang undang-undang yang kemudiannya mendapat pengesahan Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa tidak sekali-kali menjadi hasrat kerajaan untuk memprejudiskan nasib para peguam dengan peruntukan rang undang-undang yang *draconian*, dengan izin.

Rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang mengimbangi kepentingan para peguam dan kepentingan orang awam. Kedua-dua kepentingan itu sama pentingnya dan janganlah hendaknya kita sebagai pihak berwajib yang diberikan amanah dan tanggungjawab oleh rakyat dan negara terleka dengan fungsi utama kita berada di Dewan yang mulia ini dengan

mengutamakan perasaan dan pandangan peribadi kita sahaja sebagai peguam dan mengatasi kepentingan orang awam.

Kerajaan yang dipilih oleh rakyat mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat termasuk peguam untuk memastikan kebijakan mereka tidak terganggu gugat. Dewan ini mempunyai tanggungjawab untuk memastikan undang-undang yang dihasratkan oleh kerajaan dalam melindungi dan memelihara kebijakan rakyatnya dibahaskan dengan rasional tanpa menonjolkan kepentingan satu pihak sahaja dan membela kangkan kepentingan pihak yang satu lagi.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu seperti saya...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Boleh saya mohon mencelah?

**Datuk M. Kayveas:** Saya ingin baca ini, selepas ini saya bagi peluang untuk mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bersabarlah. Yang Berhormat sedang huraikan sesuatu yang dekat pada hati beliau yang beliau berhasrat untuk meyakinkan kita yang isi kandungannya dihasilkan selepas pemikiran mungkin yang timbul sejak petang semalam. Jadi biarlah kita sabar dan memberi Yang Berhormat peluang membentangkan secara keseluruhan.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan seksyen 76(3) yang begitu hebat diperkatakan sebagai peruntukan yang buruk draconian dan sebagainya, izinkan saya perjelas di sini bahawa terdapat begitu banyak salah tafsiran mengenai pemakaian subseksyen itu. Tafsiran sebenarnya ialah mana-mana ahli peguam, Lembaga Tatatertib dan sebagainya tidak dilarang untuk mengemukakan dokumen atau apa-apa maklumat kepada mahkamah. Dan mereka bebas mengemukakan semua dokumen yang mereka inginkan untuk menyokong kekuatan kes masing-masing. Sekiranya mereka .....

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi ada - sila duduk Yang Berhormat. Bila di bawah Peraturan Mesyuarat, kadang-kadang saya terpaksa tunjuk buku merah ini, di bawah Peraturan Mesyuarat, tiada ahli yang boleh bercakap dalam Dewan ini melainkan dengan kebenaran saya. Nombor dua, sesuatu ahli yang hendak bangun minta laluan, akan dipanggil oleh Yang di-Pertua setelah ahli yang sedang bercakap memberi laluan.

Dan tadi sudah pun berlaku yang mana Yang Berhormat yang seorang lagi mohon laluan tetapi Yang Berhormat minta supaya Yang Berhormat bentangkan hujahnya dengan lengkap, kemudian beliau akan beri peluang. Yang Berhormat sebelum jadi peguam tentu tahu kalau separuh bentang hujah, *it is a half truth*. Jadi kalau kita bahas atas *half truth*, tak habis-habis lah. Biar kita dengar apa yang seorang kata *the whole truth* dahulu pada dia lah, lepas itu kita bahas kerana kita di sini bukan dalam perbicaraan. *This is not a trial, this is a debate and we must take cognition of the differences between a trial and a debate. We are not having the rang undang-undang on trial here, we are debating the rang undang-undang.* Silakan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya mereka tidak mahu kemukakan dokumen dan sebagainya, maka mereka akan menanggung risikonya. Itu adalah pilihan mereka, undang-undang mempermudah mereka untuk mengemukakan dokumen yang mana peguam dan pengadu akan mendapat rekod rayuan di bawah *The Legal Profession Disciplinary Proceeding Appeal Rule 1994* yang dilarang ialah seseorang ahli Majlis Peguam atau Lembaga Tatatertib umpamanya dipaksa untuk menzahirkan di mahkamah apa-apa maklumat yang berhubung dengan prosiding atau perkara yang dijalankannya. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bagi sedikit contoh, saya bagi laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepada Datuk Rashid?

**Datuk M. Kayveas:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua bahawa perbahasan yang telah kita mulakan dari hari kelmarin sama sekali saya rasa tidak menunjukkan bahawa kita tidak rasional, Ahli-ahli Dewan ini tidak rasional dan tidak sama sekali kita menunjukkan bahawa kita menonjolkan kepentingan peribadi. Jadi dengan ini, saya rasa apa yang disebut oleh Yang Berhormat tidak tepat dan saya mohon Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menarik kenyataan-kenyataan itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang sebenarnya, pada penelitian saya pula terdapat juga hujah-hujah yang dikemukakan sebagai peguam bukan sebagai Ahli Dewan Negara. Maka saya berbeza pendapat dengan Yang Berhormatlah dalam perkara ini, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang? Setelah minta laluan sila duduk dahulu. Yang Berhormat boleh berdiri... [Merujuk kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri] Saya putuskan. Saya tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Datuk M. Kayveas:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri laluan.

**Dato' Rhina Bhar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bangun lagi! Jangan bangun lagi. Sila Yang Berhormat duduk... [Merujuk kepada YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri] Sekarang Yang Berhormat boleh bangun. Sila, sudah diberi laluan.

**Dato' Rhina Bhar:** Ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga. Semalam dan pagi tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan di mana ada sebut tidak boleh dikemukakan dokumen dan Yang Berhormat juga telah mengemukakan kadar-kadar di mana hendak mengemukakan dokumen-dokumen. Soalan saya ialah di bawah rang undang-undang, seksyen 76(2) ada sebut, "Secrecy shall be maintained by the members of the Board, the Bar

*Council, the State Bar Committee, the Disciplinary Board, the Disciplinary Committee and their staff involved in all proceedings of matters conducted by the Board”.*

Seksyen 76(3) ada sebut, “*No member of the Board, the Bar Council, the State Bar Committee, the Disciplinary Board, the Disciplinary Committee and their staff who are involved in any proceedings or matters conducted by them shall be compelled to disclose to any court any information relating to such proceedings or matters*”.

Yang Berhormat bersetujukah dengan saya maksud *information* adalah lisan dan ada juga dokumentari. Jikalau Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya katakan, *information* adalah rahsia dan tidak boleh dikemukakan dokumen mengikut seksyen 76(2) dan 76(3). Lagipun....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan lupa, Yang Berhormat minta laluan sahaja. Yang Berhormat telah berpeluang bahas lebih satu jam.

**Dato' Rhina Bhar:** Bolehkah saya bertanya lebih soalan sekali?

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengangguk]*

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun berkata di bawah kadar-kadar yang berikut, Lembaga Tatatertib mesti kemukakan dokumen kepada Mahkamah Tinggi jikalau peguam bela dan peguam cara membuat rayuan. Yang Berhormat bersetujukah dengan saya ‘Rang Undang-undang profesional’ dengan izin kadar-kadarnya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dibentangkan oleh kerajaan Barisan Nasional ini?

**Dato' Rhina Bhar:** Ya, Barisan Nasional parti yang saya hormati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk M. Kayveas?

**Dato' Rhina Bhar:** Bukan. Akta *override* dengan izin kadar-kadar. Adakah Yang Berhormat memberi pertimbangan seksyen 23 di atas *Interpretation Act 1948* dan *1967 consolidated and revise 1989 Act 388* which yang tersebut:

*“Any subsidiary legislation that is inconsistent with an Act (including the Act under which the subsidiary legislation was made) shall be void to the extent of the inconsistency”.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Rhina Bhar:** Lagi satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup!

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehlah sekali lagi jawab berhemah, berhelah atau dengan hormat pilih untuk tidak mahu menjawab langsung. Tapi permintaan saya biarlah jawapan Yang Berhormat itu jangan provokatif kerana jawapan yang provokatif akan membuatkan Ahli Yang Berhormat lain *combative*. *Provocation promotes combat*. Jadi silakan

Yang Berhormat. Saya mohon maaf kerana agak keterlaluan saya cuba beri panduan pula kepada Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma matlamat saya semata-mata tidak mahu perbahasan ini, *debate* ini deteriorate to become a trial and worse argument or a shouting match. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab Tuan Yang di-Pertua sentuh tentang *shouting match* saya ambil kesempatan untuk beritahu di sini dan makluman kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat apabila kita berbahas di Dewan Rakyat, tiap-tiap kali kita ada satu masalah apabila menteri atau siapa yang menjawab....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jaga baik-baik, jangan provokatif. Nanti jadi '*convictive*'.

**Datuk M. Kayveas:** Tidak ada. Tidak ada. Saya ingin menjelaskan di sini. Perkara ini saya hendak ucap pada masa lepas tapi oleh sebab Tuan Yang di-Pertua bangkitkan isu ini sekarang juga, saya ingin ambil kesempatan. Di sana apabila kita berbincang ada pembangkang di sana dia berdiri dan dia cakap. Dia tidak minta laluan. Oleh sebab itu, kita ada masalah di Dewan Rakyat. Maknanya *having argument across the floor* dengan izin. Tetapi di sini saya nampak selama saya sebagai bekas Senator dahulu selama empat tahun lebih, saya tidak nampak macam itu. Kita ada satu prosiding di mana minta laluan, dapat laluan baru cakap. Tapi semalam saya nampak ada dua orang dia bangkit dia cakap sendiri. Itulah hari ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada juga cakap sendiri ya. Saya ingat ada ungkapan syok sendiri sahaja.

**Datuk M. Kayveas:** Ya, mungkin... [Ketawa] So, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Saya ingin membuat bantahan kepada Yang Berhormat. Ini saya kata Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat tidak bagi laluan dan dia kata dia....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila duduk.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Takutlah, takut bayang-bayang.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tadi Yang Berhormat Dato' Musa minta laluan. Adakah Yang Berhormat hendak habiskan dahulu atau hendak beri laluan.

**Datuk M. Kayveas:** Saya hendak dengar dia ada merit dalam kes atau dia ada cerita remeh-temeh. Kita dengar apa dia ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Bukan hendak bercakap soalan remeh-temeh Yang Berhormat. Saya hendak bercakap soal peraturan. Kalau ada semalam Yang Berhormat minta

penjelasan. Yang Berhormat kata tidak boleh bagi penjelasan. Yang Berhormat adalah penyokong kerajaan, kami juga adalah penyokong kerajaan. Kita hendak bincang sesuatu rang undang-undang itu kalau diluluskan, maknanya kita tidak mahu apabila rang undang-undang diluluskan, di luar sana rakyat akan mempertikaikan kita, akan memperolokkan kita. Lebih baik kita selesai dalam Dewan daripada kita bercakap orang mempertikaikan di luar. Itu masalah saya semalam. Tapi Yang Berhormat tunjuk kuasa Yang Berhormat tidak beri laluan kepada saya, itu yang membuat kita semalam tidak berpuas hati. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jaga baik-baik. Jangan provokatif, mungkin jadi 'convictive'.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, ini perlu saya selesaikan masalahnya. Saya tidak halang mana-mana Yang Berhormat untuk bercakap. Mana ada saya tidak beri laluan. Saya bagi laluan. Tetapi semalam sebelum saya mula, kita dapati Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar dia kata soalannya perlu dijawab semua sekali gus. Tidak boleh. Dia mesti hendak dengar. Bagi saya 20 minit hingga 30 minit, dengar dahulu baru *you* boleh ada soalan. Ini belum dengar lagi, belum dua perenggan lagi dia mahu soalan, dia mahu soalan. Belum dengar. Maka ini menunjukkan mereka mungkin tidak baca atau tidak faham...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, jaga-jaga.

**Datuk M. Kayveas:** ...Atau kemungkinan....

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan.

*[Tepuk]*

**Datuk M. Kayveas:** Sorry, sorry. Okaylah *you* baca.

**Tuan M. Munusamy:** Mana boleh kata kita tidak membaca.

**Datuk M. Kayveas:** Okay, okay. Itu saya tarik balik. Mungkin tidak faham perenggan-perenggan yang disebut ataupun isu-isu seperti seksyen 36(2) semua ini. Mungkin mereka tidak faham itu. So, dia kata tidak perlu bagi dokumen.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk M. Kayveas:** Pada masa itu saya bagi penjelasan. Sekarang juga masih sama juga. Saya baru sentuh seksyen 76(2), (3) saya hendak beri penjelasan bagi contoh. Dengar dahulu lepas itu ada soalan okay.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, Yang Berhormat boleh teruskan. Kita tutup cerita semalam itu dan kita mulakan dengan lembaran baru pagi ini. Sila teruskan dengan menjawab.

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah saya minta.....

**Dato' Rhina Bhar:** No, bukan perkara itu. Bukan saya mahu lama Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat sila teruskan dengan hujah-hujah menjawab dan menggulung.

**Datuk M. Kayveas:** Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memberi contoh lain mengenai perkara ini. Seksyen 122 Akta Keterangan adalah mengenai komunikasi *during marriage* dengan izin, ia menyebut dengan izin. Saya baca dalam bahasa Inggeris.

Seksyen 122 -

*"No person who is or has been marriage shall be compelled to disclose any communication made to him during marriage by any person to whom he is or has been married no shall be permitted to disclose any such communication unless the person who married or his representatives in interest consents except in suit between married person or proceedings in which one married person is prosecuted for any crime committed against the other."*

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya dalam seksyen 124 Akta Keterangan mengenai *Official Communication*, disebut 124,dengan izin,

*"No public officer shall be compelled to disclose communication made to him in official confidence when he considers that the public interest would suffer by the disclosure."*

Dengan izin,

*"Provided that the court may require the head of the department of the officer to satisfy in writing whether or not such disclosure would be detrimental to the public interest and if the head of the department satisfies that such disclosure would not be prejudice. Prejudicial to the public interest then the officer shall disclose the communication."*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat hendak beri laluan atau tidak? Tadi Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar bangun?

**Datuk M. Kayveas:** Saya tidak mahu berilah, dia sama sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, teruskan... [Ketawa]

**Datuk M. Kayveas:** Dengar sekejaplah, dengarlah, *at least 20 minutes* dengar dahululah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Datuk M. Kayveas:** Akhir sekali seksyen 126 yang memperuntukkan mengenai *professional communications* yang melibatkan seseorang peguam.126(1), dengan izin,

*"No advocate shall at any time be permitted unless with his clients express consent to disclose any communication made to him in the course and for the purpose of his employment as such advocate by or on behalf of his client or to state the contents or conditions of any document with which he has become equated in the course and for the purpose of his professional employment or to*

*disclose any advice given by him to his client in the course and for the purpose of such employment. Provided that nothing in this section shall protect from this closure:*

- (a) *any such communication made in furtherance or any illegal purpose;*
- (b) *any fact observed by any advocate in the course of his employment as such showing that any crime or frauds has been committed seems the commencement of his employment;*
- (c) *it is immaterial rather the intention of the advocate was or was not directed to the fact by or on behalf of his client.*

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 76(3), soalan Yang Berhormat bagi Dato' Rhina Bhar, saya telah perjelaskan dalam ucapan pembentangan saya dan dalam penggulungan saya mengenai peruntukan itu mengapa ia penting dan perlu diadakan. Kuasa mahkamah tidak disekat sepenuhnya. Perkara yang dilarang hanya berkenaan dengan maklumat yang berhubung dengan prosiding itu sahaja. Sebagaimana yang saya sebutkan terdahulu, seksyen 76(3) ini adalah perlu bagi memberi kesan kepada kerahsiaan yang mesti diperihalkan dalam subseksyen 76(2).

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sekarang tentang peruntukan seksyen 103E(2) iaitu berhubung dengan semakan kehakiman. Sekiranya.....

**Tuan Tay Puay Chuan:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk M. Kayveas:** Alright.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan? Sila Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan, Yang Berhormat beri laluan.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat menyatakan bahawa ada ataupun mengikut *Disciplinary Proceedings Rules 1994* menyatakan bahawa dalam peringkat rayuan nota prosiding, nota keterangan mesti dibekalkan kepada siperayu. Di hadapan kita mengikut rang undang-undang seksyen 76(3) pula kalau kita lihat dan kita *interpret* secara literal bermaksud sesuatu maklumat itu tidak boleh dipaksa untuk dizahirkan di dalam mahkamah.

Jadi, saya rasa maklumat, termasuklah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar, maklumat bermaksud; maklumat secara lisan ataupun secara bertulis, dokumentasi. Dan, nota prosiding dan nota keterangan rasa saya tergolong dalam kategori tersebut sebagai maklumat. Jadi, kalau kita tahu ataupun kalau setuju Yang Berhormat dengan pandangan saya maka kita dapat satu percanggahan antara peraturan 1994 dan pindaan yang kita cadangkan atau rang undang-undang seksyen 76(3) ini satu percanggahan yang agak ketara. *This is quite an apparent inconsistency*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita tahu ada percanggahan, maka mengikut apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat atau Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar sebentar tadi bahawa mengikut Interpretasi Act ia adalah suatu peruntukan ataupun undang-undang yang bakal kita luluskan ini, kalau kita luluskan adalah *void*, tidak sah. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya berpendapat bahawa sekiranya kita tahu akan wujud satu keadaan yang *awkward*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maka adakah kita boleh fikirkan untuk mengeluarkan seksyen 76(3) tersebut? Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada pandangan saya tidak ada salah dalam peruntukan 76(3) dan apa yang dihujah tadi berkaitan dengan *Interpretation Act* bersama dengan Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar. Apabila perkara ini menjadi *void*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dato' Rhina Bhar!

**Datuk M. Kayveas:** Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kalau *Interpretation Act* ini menunjukkan bahawa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab apa dalam keadaan begini kalau lupa sebut Dato' pun boleh menimbulkan sesuatu yang provokatif. Akan membuatkan orang lain itu terjadi *combative*. Silakan, Yang Berhormat. Terlupa dengan ikhlas Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar, ya.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar.. [Ketawa] ini berkaitan dengan *Interpretation Act*, bolehlah ini jadi satu perkara di mana peguam-peguam di dalam mahkamah bahawa *Interpretation Act* ini menunjukkan kepada hakim bahawa peruntukan ini, *void*. Ini boleh digunakan dalam *submission* di mahkamah. Tetapi kalau mereka ingin buat *submission* dan *changing* di situ, *trial* seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua sukar untuk saya hendak teruskan dengan saya punya jawapan. Tetapi saya punya jawapan kepada Yang Berhormat ialah ini boleh guna pakai di mahkamah apabila ada penggulungan mana-mana satu kes di mahkamah dan mungkin kalau benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** *This legislature shall not used to usurp the powers and the authority of the judiciary.*

**Datuk M. Kayveas:** *That is right*, Tuan Yang di-Pertua. *It doesn't used to usurp the power.*

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh beri laluan?

**Datuk M. Kayveas:** Okey.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon pandangan Yang Berhormat Menteri, sekiranya perkataan 'kerahsiaan' itu tidak dimasukkan dalam pindaan ini adakah ia akan mencacatkan keadilan prosiding yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini? Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Jawapan ringkas, tidak. Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan berkaitan dengan 103E(2), tiada semakan kehakiman dibenarkan terhadap apa-apa keputusan

Lembaga Tatatertib di bawah subseksyen 103E(2). Ini kerana mengikut *case Bolton vs Law Society Court of Appeal, UK 1993* diputuskan bahawa *the law society* dalam kes tersebut hendaklah dianggap sebagai hakim yang terbaik di kalangan ahli-ahlinya, dengan izin, *best judges of its own members*.

Mahkamah memutuskan dalam kes itu bahawa mahkamah tidak akan menghakimi keputusan yang telah dibuat oleh Tribunal Siasatan. Rang undang-undang merayu telah diperuntukkan dengan luas dan dibenarkan melalui semua peringkat kehakiman seperti yang disebut dalam subseksyen 5 iaitu di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Semakan kehakiman boleh menyebabkan berlaku penyalahgunaan proses kehakiman. Mahkamah yang mendengar rayuan di bawah subseksyen 103E(1) tidak dihalang daripada mendengar apa juga isu termasuk isu berhubung dengan pelanggaran prinsip hak keadilan asasi. Oleh itu, tidak timbul soal bahawa peguam di prejudis atau tidak diberikan *remedy* yang sepatutnya sekalipun semakan kehakiman tidak diperuntukkan bagi kes-kes sebegini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat mengizinkan saya kemukakan masalah kepada Majlis sebelum pukul 12.30.

**Datuk M Kayveas:** Baik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat. Jadi, tolong saya, bantu saya untuk kemukakan kepada Majlis.

**Datuk M Kayveas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ada dua peringkat, cakap, undi. Masalah kita ini ada dua, bahagian cakap, bahagian undi. Dua-dua sekali akan menentukan apa jadi pada rang undang-undang ini. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

**Datuk M Kayveas:** Tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak beri laluan, Yang Berhormat .

**Datuk M Kayveas:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *Private livelihood* seorang peguam hendaklah diimbangi dengan kepentingan awam. Ini ditegaskan juga dalam Akta Profesional Undang-undang 1976. Contohnya dalam subseksyen 94(4) akta itu ujian kepentingan awam digunakan dalam menentukan sama ada Majlis Peguam boleh membuat permohonan untuk mengantung peguam bela dan peguam cara daripada menjalankan amalannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya semalam ada memberi contoh apabila kita berhenti pada 5.40, saya akan memberi satu lagi contoh berkaitan dengan seksyen yang tersebut iaitu berkaitan dengan 76 juga, Ahmad telah memulakan prosiding guaman terhadap Peguam John di Mahkamah. Hal perkara prosiding guaman tersebut juga merupakan hal perkara aduan oleh Ahmad terhadap Peguam John di Lembaga Tatatertib. Ahmad meminta mengemukakan minit

mesyuarat berhubung siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib terhadap Peguam John di Lembaga Tatatertib untuk mengukuhkan kesnya di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus menjawab tentang penyertaan orang biasa dalam Jawatankuasa Tatatertib, tidak ada penyertaan sedemikian dalam badan profesional iaitu dalam *Bar Council* ini. Kita perlulah dibezaikan di antara badan-badan profesional yang lain dengan badan peguam. Penyertaan orang awam dalam Jawatankuasa Tatatertib ketika itu adalah untuk memastikan prosiding tatatertib dijalankan secara telus agar orang awam mempunyai keyakinan, dengan izin, *confident* penuh kepada Jawatankuasa Tatatertib dan ahli-ahlinya, di samping memastikan bahawa kepentingan awam juga dipelihara.

Tentang saranan supaya digugurkan seksyen 76(2) dan 76(3), kerajaan tidak bercadang untuk menggugurkan seksyen 76(2) dan 76(3) atas alasan-alasan yang telah diberikan sebentar tadi dan semalam. Sekiranya kerajaan berniat untuk berbuat demikian, kerajaan boleh berbuat demikian seperti dalam memotong seksyen 93(4)(d) dalam rang undang-undang ini di Dewan Rakyat. Kita telah buat di Dewan Rakyat itu, sekali saya menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berbuat demikian.

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Datuk M Kayveas:** Saya tidak beri laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak memberi laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Rhina Bhar:** Pasal apa, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Dato' Rhina Bhar:** *No discrimination should be exercised in this House.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *you are now trading on very dangerous territory that can make me throw you out.*

**Datuk M Kayveas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu, Yang Berhormat. *I have a responsibility to conduct proceeding of a legislature.* Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan lagi satu oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi, tuan punya tonggak atau *sole proprietor*, dengan izin, dan rakan kongsi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat. Saya minta izin. Kita telah membenarkan Yang Berhormat mengambil masa yang terpanjang dalam perbahasan ini. Kita telah membenarkan Yang Berhormat menggunakan bahasa Inggeris secara berleluasa. Kita telah mengizinkan Yang Berhormat bangun, ganggu demi ganggu tetapi kini Yang Berhormat boleh timbulkan soalan ketidakadilan dalam saya menjalankan tugas-tugas saya. Silakan teruskan, Yang Berhormat.

**Datuk M Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan dengan *sole proprietorship*, saya fikir tadi saya telah terlepas sedikit berkaitan dengan semakan kehakiman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya Ahli-ahli Dewan yang saya hormati meneliti Akta Profesional Undang-Undang 1976, Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapati bahawa di dalam Dewan yang mulia ini pernah diluluskan undang-undang yang seumpama atau mempunyai kesan subseksyen 76(3) itu bagi menyekat kuasa mahkamah dalam hal tertentu. Sila rujuk bahagian 2(a) akta berhubung dengan peruntukan khas yang berhubung dengan penerimaan masuk sebagai peguam bela dan peguam cara subseksyen 28(a)(3) menyebut seperti yang berikut:

*“Sesuatu sijil penerimaan masuk khas ialah keterangan conclusive bahawa kehendak perenggan 1(a) dan (b) telah dipenuhi dan pengesahan sijil itu tidak boleh dikaji atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, dengan izin, shall not be reviewed or call in questions in any court.”*

Berikutnya, peruntukan subseksyen 28(b)(3) akta yang sama berbunyi:

*“Penerimaan masuk dan pendaftaran seseorang sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di bawah subseksyen 2 tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, dengan izin, shall not be reviewed or call in questions in any court.”*

Izinkan saya merujuk pula kepada peruntukan subseksyen 28(b)(6) yang menyebut bahawa:

*“Kesahihan sesuatu sijil pembaharuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.”*

Tuan Yang di-Pertua, kesemua peruntukan yang saya sebut tadi tidak mengizinkan dibuat semakan kehakiman bagi sijil dan pendaftaran yang dibuat. Bukan setakat itu sahaja, ia juga tidak boleh dipertikaikan di mahkamah. Ini mengenakan sekatan ke atas mahkamah. Peruntukan sebegini dibolehkan jika keadaan mewajarkannya. Sebagai mengambil contoh lain, saya ingin merujuk Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peruntukan subseksyen 59(a) Akta Imigresen 1999/1963 mengenai *exclusion of judicial review*, dengan izin.

Saya berharap dengan penjelasan ini berkaitan dengan isu itu, Ahli-ahli Yang Berhormat memahami tentang pemakaian subseksyen 76(3) dan semakan kehakiman yang tidak dibenarkan di bawah seksyen 103E(2).

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk M. Kayveas, sahabat saya yang telah pun menerangkan begitu agak panjang tentang keresahan yang dibawa oleh rakan-rakan saya

dalam Dewan ini. Cuma saya dapat dalam kita membincang dan mencari satu nota di manakah letaknya keraguan tersebut untuk kita perbetulkan.

Ada timbul masalah di mana terdapat, saya perhatikan seolah-olah Dewan ini dianggapkan sebagai satu Dewan yang seharusnya menerima apa sahaja yang dibawa oleh pihak kerajaan. Bukanakah Dewan ini merupakan satu Dewan yang tertinggi dalam negara kita? Ianya wujud dalam sejarah, bermula sebagai *The House of Lord, The Upper House*.

Hari ini, apabila kita ingin mempersoalkan sesuatu perkara, kita dianggapkan seolah-olah kita ini remeh-temeh, mengambil perkara yang remeh-temeh. Tetapi apabila saya perhatikan rakan-rakan yang membawa isu ini, mereka membuat *research* yang begitu mendalam tentang perkara-perkara tersebut.

Cuma, yang saya inginkan penjelasan di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah salahnya jika sekiranya Ahli-ahli Dewan ingin mendapat penjelasan yang secara mendalam itu, dijawab kepada mereka seperti apa Yang Berhormat buat tadi, sebelum sekiranya perkara ini harus dibawa ke sini, dibincangkan dengan Ahli-ahli Dewan sebeginu mendalam, supaya tidak nampak seolah-olah Dewan ini mengambil perkara ini yang remeh-temeh. Sehingga Tuan Yang di-Pertua sendiri, terpaksa mengambil keputusan yang saya kira selama enam tahun saya di sini, hari ini hari terakhir saya di sini Tuan Yang di-Pertua. Dalam enam tahun saya di sini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bukan curi, ada dalam bahasa Inggerisnya, Yang Berhormat sudah *stolen the thunder from me*. Saya yang hendak umumkan hari terakhir dan Dewan hendak merakamkan penghargaan terhadap jasa....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya. Tetapi oleh kerana saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat sudah, *you have stolen the thunder of our appreciation for you*.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ... [*Tepuk*] dalam hari yang terakhir ini saya perhatikan seolah-olah sudah nampak Dewan ini dianggap seperti Dewan *The Lower House*. Tadi juga contoh-contoh dia yang dibawa oleh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah saya mencelah sedikit di sini? Kita selalu sebut *The Upper House* dan *The Lower House* kerana sebutan itu meninggal satu unsur. Dia kadang-kadang jadi silap sedikit persepsi. *The Upper House and The Lower House*. Tetapi sebutan yang penuhnya ialah *the upper but lesser house and the lower but greater house*. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat... [*Ketawa*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini juga adalah satu persepsi di mana *The Upper House is the endorsement house*. Itu yang dibawa oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau itulah kiranya, saya rasa tidak payah lagi Yang Berhormat menjelaskan begitu panjang. Terus sahaja kita masuk supaya kita pilih seperti apa yang kita buat selalu. Kalau itulah pandangan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandangan saya bukan itu. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ucap tahniahlah. Dalam politik, apabila kita dapat peluang untuk bersara sedikit, *the good opportunity to take a good rest*. Saya ucap terima kasih dan pandangan itu saya ambillah sebagai satu pandangan yang kita boleh bawa kepada kerajaan. Saya teruskan dengan jawapan saya. Fasal 24 (Pindaan) seksyen 99, jawapan kepada ulasan ‘A’, dalam hal tuan punya tunggal atau “*sole proprietorship*”, dia merupakan satu-satunya orang yang mengawal dan mengawasi perjalanan firma walaupun dia mungkin ada ramai *Legal Assistants* (LA) dengan izin, dia sebagai “*sole proprietor*” masih bertanggungjawab ke atas perjalanan kes yang dikendalikan oleh firmanyia walaupun dalam keadaan LA kerap bersilih ganti. Beliau dianggap mempunyai pengetahuan khusus mengenai pengendalian kes oleh LA di firmanyia.

Menurut Perenggan 99 (4)A, aduan terhadap firma tuan punya tunggal disifatkan sebagai aduan terhadap tuan punya tunggal itu dan walaupun demikian, jika dapat dikenal pasti salah laku dilakukan oleh *Legal Assistance*, beliau yang tertentu pada masa yang material, maka melalui proviso kepada seksyen (4) dan subseksyen (5), LA itu boleh dinamakan sebagai responden di dalam aduan itu dan tuan punya tunggal berkewajipan untuk menamakan peguam yang terlibat dengan penuh tanggungjawab untuk memastikan pihak yang sebenarnya terlibat sama ada dirinya sendiri atau *Legal Assistant* nya.

Mengikut Perenggan 99 (4)B, dalam hal aduan terhadap firma rakan kongsi, aduan juga disifatkan dibuat terhadap semua rakan kongsi firma itu pada masa yang material. Sama seperti dalam hal tuan punya tunggal. Jika dapat dikenal pasti, rakan kongsi atau LA tertentu yang terlibat dalam salah laku yang diadukan, maka proviso kepada subseksyen 4 dan subseksyen 5 terpakai sekali lagi. Adalah wajar beban mengenal pasti peguam yang terlibat dalam salah laku itu terletak kepada tuan punya tunggal atau rakan kongsi firma berkenaan dan Lembaga Tatatertib sepatutnya tidak menjadi pihak yang menamakan peguam yang dikatakan melakukan salah laku itu kerana yang pertama, hal perkara salah laku berlaku dalam firma tersebut, fakta adalah dalam pengetahuan mereka dan yang kedua, Lembaga Tatatertib tidak boleh menjadi pendakwa dan pengadil dalam aduan yang sama. Perlu ditegaskan di sini juga bahawa rakan kongsi firma juga mempunyai kewajipan yang sama seperti tuan punya tunggal dalam menamakan peguam yang terlibat dengan penuh tanggungjawab dan tidak sekadar melepaskan obligasi *statutory* nya.

Peruntukan yang baru ini tidak bertujuan menyusahkan tuan punya tunggal atau rakan kongsi firma guaman untuk menamakan peguam yang dikatakan telah melakukan salah laku. Mereka diberi pilihan jika firma atau semua rakan kongsi mahu terlibat secara langsung, mereka tidak perlu menamakan sesiapa. Jika sebaliknya, mereka dibolehkan berbuat demikian melalui proviso kepada subseksyen 4.

Jika dihayati dengan mendalam peruntukan ini, hanyalah bertujuan untuk memudahkan firma guaman menghindari daripada terlibat dalam aduan yang dibuat terhadap firma itu.

Berkaitan dengan Seksyen 107, pada tahap subseksyen (7), Lembaga belum lagi membuat keputusan muktamad.

Justeru, peguam masih boleh membebaskan diri dengan izin, *absolve himself* dari aduan yang dibuat apabila tampil di hadapan Lembaga Tatatertib di bawah Seksyen 7. Berkaitan dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat janji boleh selesaikan menggulung sebelum 12.00 tengah hari tadi. Bukan apa Yang Berhormat, biar saya beri sedikit penerangan. Selepas ini, terdapat satu lagi rang undang-undang. Pertimbangan rang undang-undang yang selepas ini merupakan sejarah dalam perkembangan institusi Parlimen di Malaysia setelah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas dan sebagainya dan menampakkan dan menyatakan selangkah lagi Parlimen di Malaysia matang dengan pemprosesan rang undang-undang demikian rupa.

Sebab itu, Dewan memerlukan masa yang secukupnya untuk timbang rang undang-undang yang berikutnya dan Yang Berhormat Menteri sendiri hadir dan tunggu dari semalam untuk membuat segala penjelasan. Jadi, kita habiskan cakap mengenai perkara ini. Saya akan kemukakan masalah kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat putuskan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin cuba menjawab kepada semua jawapan yang dibangkitkan. Ada berkaitan dengan restitusi. Restitusi itu satu perkara juga yang mustahak yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan restitusi, saya mungkin dalam lima minit saya cuba akan menggulung. Dalam perkara restitusi ini, hanya beri peluang kepada Lembaga Tatatertib bahawa apabila ada duit yang dikatakan oleh aduan itu diambil oleh peguam, selepas itu Lembaga Tatatertib telah diputuskan bahawa peguam tersebut telah bersalah ambil duit. Ini beri peluang kepada Lembaga Tatatertib terus memberi satu perintah restitusi di mana duit itu boleh dikembalikan secara serta-merta.

Kalau tidak aduan tersebut perlu pergi ke mahkamah semula failkan satu kes *civil* dan ambil lagi masa dan banyak masa mungkin tiga, empat tahun untuk dapat duit tersebut. Inilah satu pindaan yang dibuat untuk memberi *justice* dengan cepat kadang-kadang kita kata, dengan izin, *justice delayed is justice denied*, oleh sebab itu aduan itu dapat dia punya duit serta-merta ada juga kompelin berkaitan dengan kes-kes di mana banyak *fees* diambil.

Ada peguam-peguam ambil *fees* RM50,000, RM60,000, RM70,000 selepas itu langsung tidak ada buat apa-apa dalam kes dan maka mereka bawa aduan ini kepada Lembaga Tatatertib dan Lembaga Tatatertib selepas buat satu keputusan bahawa *fees* itu adalah terlalu banyak boleh *order* restitusi sebab duit ini atau separuh daripada duit itu dikembalikan kepada aduan. Oleh sebab itulah restitusi ini diberi bukan untuk selain daripada itu tidak ada apa-apa '*intention line*'.

Selain daripada itu kalau ada apa-apa isu dan jawapan yang saya tidak beri saya ingat Yang Berhormat boleh jumpa saya, saya boleh bagi dan saya ingin sentuh Yang Berhormat .....

[Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad berjalan masuk ke dalam Dewan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah banyak kali Yang Berhormat Menteri keluar, masuk, keluar masuk....

**Datuk M. Kayveas:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, dia kata kita menggunakan Bahasa Inggeris saya ingin sentuh kepada Peraturan 7, *order* di mana bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Kebangsaan tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris itulah yang terjadi yang saya hendak beritahu.

Kepada Yang Berhormat Dato' Yaakob yang ingin minta penjelasan berkaitan dengan kedudukan *Bar Council* terlibat dalam isu bincang sensitif agama semua itu, saya hanya ingin sentuh di sini saya harap pendirian *Bar Council* itu, *Bar Council* sokong NGO-NGO ini dalam isu itu tetapi saya harap kita ambil nasihat daripada Perdana Menteri, beliau berkata hentikanlah perbincangan agama, jangan buat apa-apa isu agama cukup sensitif dan beliau kata mengenai IFC ini beliau minta tangguh bukan batal oleh sebab itu tangguh nanti kita tunggu satu masa Yang Berhormat Menteri kita boleh meneruskan isu itu.

Selain daripada itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat bahas dalam Rang Undang-undang ini. Untuk makluman saya beritahu di sini, aduan-aduan setakat 27 as at 27 Julai 2006 aduan yang kita ada, aduan-aduan yang kita ada dalam Lembaga Tatatertib, 9,324 mengenai peguam-peguam dengan izin, *there are 9,324 complaints which .....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa peguam semuanya?

**Datuk M. Kayveas:** 12,000 peguam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 12,000 peguam, ada 9,000 aduan?

**Datuk M. Kayveas:** 9,324 aduan. So oleh sebab itu saya hendak beritahu beberapa perkara mustahak dan pentingnya kita perlu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa ribu doktor ada, berapa ribu aduan dan berapa ribu akauntan ada berapa ribu aduan? Kita boleh buat perbandingan.

**Datuk M. Kayveas:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada statistik berkaitan dengan doktor ada, kalau ada doktor di sini boleh tolong kita.

**Tuan Yan gdi-Pertua:** Silakan.

**Datuk M. Kayveas:** Peguam saya tahu, saya ada dan ini ialah satu masalah kita akan mengesan dan menunjukkan kepada *public* kepada orang awam bahawa *Bar Council* ini amat serius untuk mengendalikan aduan-aduan yang diterima daripada orang awam.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua saya ingin kemukakan dan saya ingin mengucapkan terima kasih. Lagi sekali kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak puas hati dengan mana-mana satu peruntukan saya boleh beri penjelasan di luar Dewan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, habis masa bercakap. Sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.**

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka Rang Undang-Undang ini akan diangkat untuk diperkenankan oleh Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kemudian terserahlah kepada mahkamah untuk menentukan kesahihannya di bawah Perlembagaan. Bila masalah berbangkit Dewan ini tidak akan *pre-empt* fungsi *judiciary*.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004**

**DAN**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004**

**Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga**

**12.39 tgh.**

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta meminda Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan meminda Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila huraikan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 telah digubal pada tahun 2004 untuk mengemas kini beberapa peruntukan berhubung dengan kesalahan seksual dan tatacara jenayah.

Kedua-dua rang undang-undang ini menyentuh hak-hak asasi manusia secara umum. Dengan demikian, kerajaan berpendapat bahawa kedua-dua rang undang-undang tersebut patut dikaji dengan lebih mendalam dengan mengambil kira pandangan dan cadangan orang ramai mengenainya. Oleh itu, pada 20 Julai 2004, satu Jawatankuasa Pilihan Khas selepas ini dirujuk sebagai jawatankuasa telah dilantik oleh Dewan Rakyat terdiri daripada tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat untuk mengkaji dan membuat syor ke atas kedua-dua rang undang-undang tersebut dan membentangkan laporannya kepada Dewan Rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kali terakhir Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat ditubuhkan ialah pada tahun 1984, iaitu lebih daripada 20 tahun yang lalu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa kali semuanya Yang Berhormat, jawatankuasa ini?

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tiga kali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam sejarah Parlimen Malaysia hanya tiga kali.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Negara belum lagi ada Jawatankuasa Pilihan Khas, belum matang lagi.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya. Pada ketika itu, jawatankuasa tersebut telah diamanahkan untuk mempertimbangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984. Secara kebetulan, saya juga merupakan Pengurus kepada jawatankuasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud mendapatkan pandangan, maklum balas dan buah fikir orang ramai mengenai kedua-dua rang undang-undang tersebut, jawatankuasa telah menjelajah ke beberapa tempat di seluruh negara. Tempat-tempat yang dilawati oleh jawatankuasa ialah Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Lawatan juga telah dibuat ke New Zealand dan Australia untuk mengadakan perbincangan dengan organisasi tertentu. Jawatankuasa turut membuat lawatan ke Ibu Pejabat Polis Sentul untuk melihat sendiri cara orang ramai membuat laporan polis, keadaan lokap serta kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk pegawai penyiasat menjalankan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menyatakan di sini bahawa penglibatan rakyat Malaysia yang ingin turut sama dalam proses penggubalan undang-undang amat membanggakan. Sebanyak 67 persatuan dan pertubuhan dan 35 individu telah hadir di hadapan jawatankuasa sepanjang prosiding pendengaran jawatankuasa berlangsung. Mereka telah tampil untuk memberi pendapat, cadangan serta memorandum mengenai rang undang-undang tersebut.

Jawatankuasa juga menerima banyak surat rancangan e-mail daripada orang ramai serta individu yang memberikan komen dan cadangan mengenai rang undang-undang tersebut serta perkara-perkara lain yang melibatkan perkara jenayah. Pendengaran prosiding tersebut telah

dirakam secara kata demi kata dengan izin, *verbatim* dan telah dikemukakan bersama laporan jawatankuasa dalam bentuk CD.

Tuan Yang di-Pertua, hasil perbincangan dan kajian yang dijalankan, jawatankuasa mencadangkan beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, bermula dengan menjelaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat terangkan mengenai rang undang-undang seperti asal dibentang atau setelah .....

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kedua-duanya sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kedua-duanya sekali.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kedua-duanya sekali. Saya akan bagi bandingan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dipohon merujuk kepada pindaan tersebut dalam Lampiran IV kepada Lampiran Jawatankuasa yang terkandung dalam buku yang tebal ini... [Menunjukkan risalah yang berkenaan kepada Tuan Yang di-Pertua]

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terdiri daripada 25 fasal. Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya menjelaskan mengenai fasal-fasal penting seperti yang berikut:

Fasal 5, merupakan fasal yang meminda Seksyen 375 Kanun Keseksaan. Seksyen 375 adalah seksyen yang mentafsirkan rogol. Di bawah seksyen ini terdapat enam deskripsi di mana rogol dikatakan berlaku dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *under any of the following descriptions:*

- (a) *against her will;*
- (b) *without her consent;*
- (c) *with her consent and her consent has been obtained by putting her in fear of death or hurt to herself or to any other person, or obtained under a misconception of act and the man knows or has reason to believe that the consent was given in consequence of such misconception;*
- (d) *with her consent, and the man knows that he is not her husband and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married to whom she would consent;*
- (e) *with her consent and at the time of giving such consent, she is unable to understand the nature and consequences of that to which she gives consent; and*
- (f) *with or without consent, when she is under 16 years of age.*

Beberapa pihak terutamanya kumpulan wanita telah tampil di hadapan jawatankuasa dan membangkitkan isu keizinan dalam takrif rogol di bawah Seksyen 375 ini. Mereka menghujah Seksyen 375 tidak merangkumi keadaan di mana seorang wanita yang telah memberikan keizinannya melakukan hubungan seks, tetapi keizinan itu diberikan atas lelaki itu mempunyai kedudukan kuasa *person in authority* ke atasnya.

Keadaan ini boleh berlaku misalnya di antara seorang guru dengan muridnya. Bapa angkat dengan anak angkatnya. Majikan dengan pekerjanya. Seorang doktor dengan pesakitnya. Seorang pegawai polis dengan tahanan wanita atau mana-mana keadaan sedemikian.

Jawatankuasa telah mempertimbangkan secara mendalam perkara ini dan bersetuju untuk mengadakan satu lagi deskripsi rogol di bawah Seksyen 375, iaitu keadaan apabila keizinan diperoleh oleh seorang lelaki dengan menggunakan kedudukan kuasanya terhadap seorang wanita dengan izin, *with her consent when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her.*

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 ialah fasal yang memperkenalkan seksyen baru 375A. Satu lagi isu yang hangat dibangkitkan oleh kumpulan wanita di hadapan jawatankuasa ialah isu suami merogol isteri. Mereka yang hadir di hadapan jawatankuasa berpendapat bahawa penggunaan kekerasan untuk melakukan seks oleh suami terhadap isterinya itu amatlah tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri.

Mereka menghujah terdapat beberapa negara lain yang telah memperjenayahkan suami mengadakan hubungan seks secara paksa dengan isterinya. Setelah menimbangkan dari semua aspek, jawatankuasa tidak bersetuju bahawa suami merogol isteri *marital rape* dijadikan suatu kesalahan di Malaysia dengan alasan ia adalah bertentangan dengan undang-undang syariah dan agama lain.

Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini prihatin terhadap keluhan wanita yang membangkitkan isu yang seorang isteri dipaksa dengan menggunakan kekerasan untuk mengadakan hubungan seks dengan suaminya. Setelah menimbang hujah-hujah pihak yang berkaitan, jawatankuasa mengesyorkan supaya diadakan suatu peruntukan khusus yang baru, iaitu jika seorang suami melakukan kecederaan kepada isterinya atau meletakkan isterinya atau orang lain dalam ketakutan kematian atau kecederaan dengan tujuan mengadakan hubungan seks, ia melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, ianya ditakrif bukan rogol tetapi masih sesuatu kesalahan.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Satu kesalahan jika melakukan kecederaan untuk melakukan hubungan seks, walaupun hubungan seks itu tidak berjaya dilakukan. Pendirian ini tidak bertentangan dengan mana-mana prinsip agama. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditekankan adalah kecederaan yang dilakukan oleh suami ke atas isterinya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 ialah fasal yang meminda seksyen 376. Seksyen 376 memperuntukkan mana-mana orang yang melakukan rogol boleh di penjara sehingga 20 tahun di mana hukuman mandatori minimum ialah 5 tahun penjara. Bagi kesalahan sumbang mahram (*incest*) di bawah seksyen 376B, seseorang yang melakukan kesalahan itu boleh dipenjarakan tidak kurang dari 6 tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan rotan.

Terdapat suatu akta yang telah pun diluluskan oleh Parlimen iaitu Akta Kanun keseksaan (Pindaan) 2003 yang dikenali sebagai Akta A1210 yang belum dikuatkuasakan lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dipohon merujuk kepada Akta tersebut dalam Lampiran 3, Laporan Jawatankuasa.

Dalam undang-undang itu, bagi kesalahan rogol sumbang mahram (*incestuous rape*), hukuman yang lebih berat iaitu penjara tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan juga hukuman sebat tidak kurang daripada 10 sebatan boleh dikenakan. Di samping itu jika semasa melakukan rogol atau cuba merogol seseorang wanita, seseorang pesalah itu menyebabkan kematian wanita tersebut, hukuman yang dikenakan adalah hukuman mati.

Banyak pihak yang telah menyuarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap hukuman jenayah rogol sehingga ada yang mencadangkan supaya telinga pesalah perogol dipotong atau dibuat tanda kekal di dahinya. Ada pula yang tidak bersetuju terhadap hukuman penjara mandatori minimum lima tahun bagi pesalah rogol yang dikatakan tidak adil terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan mangsa di bawah umur 15 tahun di mana mangsa sendiri telah memberikan izin melakukan seks dan pesalah yang terbabit itu pula daripada golongan remaja. Dengan kata lain, hubungan seks tersebut adalah secara suka sama suka.

Setelah pertimbangan dibuat secara mendalam berhubung dengan isu hukuman terhadap kesalahan rogol, jawatankuasa berpendapat walaupun kesalahan rogol adalah serius dan berleluasa, hukuman penjara mandatori minimum 5 tahun tidak semestinya dikenakan bagi setiap kes. Kajian perbandingan juga telah dibuat dengan undang-undang rogol di beberapa negara seperti Australia dan New Zealand. Setelah mengambil kira pandangan semua pihak, jawatankuasa berkeputusan mengadakan dua kategori hukuman bagi kesalahan rogol:

#### **Kategori Pertama**

Sesiapa yang melakukan rogol boleh dikenakan hukuman tidak lebih daripada 20 tahun penjara dan boleh dikenakan hukuman sebat. Kuasa tidak menetapkan apa-apa hukuman minimum bagi kategori ini.

#### **Kategori Kedua**

Melibatkan keadaan yang lebih serius. Hukuman bagi kategori ini adalah hukuman penjara tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun, dan boleh juga dikenakan hukuman sebat. Terdapat tujuh keadaan di bawah kategori kedua ini seperti berikut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (i) at the time of, or immediately before or after the commission of the offence causes hurt to her or to any other person;
- (ii) at the time of, or immediately before or after the commission of the offence, puts her in fear of death or hurt to herself or any other person;
- (iii) the offence was committed in the company of or in the presence of any other person;
- (iv) without her consent, when she is under 16 years of age;
- (v) with or without her consent, when she is under 12 years of age;
- (vi) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her; or
- (vii) at the time of offence the woman was pregnant.

Di samping itu, jawatankuasa telah mencadangkan pindaan kepada Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 Akta A1210 yang saya sebutkan awal tadi yang belum dikuatkuasakan lagi.

Bagi kesalahan rogol sumbang mahram (*incestuous rape*) hukuman minimum 15 tahun tadi ini dipinda kepada 8 tahun. Ini adalah kerana jika hukuman minimum mandatori dikekalkan pada 15 tahun, ia adalah terlalu tinggi dan ini tidak menggalakkan orang ramai melaporkan kesalahan rogol sumbang mahram. Jawatankuasa mencadangkan hukuman bagi kesalahan rogol menyebabkan kematian mangsa yang membawa satu jenis hukuman sahaja iaitu hukuman mati digantikan dengan hukuman mati atau penjara tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun, dan hendaklah dikenakan tidak kurang daripada 10 sebatan. Ini adalah atas pertimbangan bahawa mungkin terdapat kes di mana tertuduh tidak berniat menyebabkan kematian mangsa yang dirogol.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 ialah fasal yang memperkenalkan seksyen 377CA. Seksyen 377CA merupakan satu-satunya seksyen yang dicadangkan dalam pindaan asal. Ahli-ahli Yang Berhormat dipohon untuk merujuk kepada Lampiran 1, Laporan Jawatankuasa. Di bawah pindaan asal yang dicadangkan melalui seksyen tersebut, seseorang melakukan kesalahan jika dia melakukan hubungan seks dengan orang lain dengan memasukkan benda di dalam faraj atau dubur dan jika sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan.

Setelah mempertimbangkan isu-isu yang telah dibangkitkan, jawatankuasa berpendapat bahawa seksyen 377CA yang asal tidak begitu jelas dan boleh membawa kepada ketidakadilan. Jawatankuasa bersetuju bahawa isu "keizinan" dalam seksyen 377CA perlu diberi perhatian sewajarnya dan mencadangkan supaya seksyen tersebut dipinda dan memasukkan perkataan dengan izin "*without the other person's consent*".

Selain itu pengecualian diadakan menunjukkan dengan jelas bahawa seksyen 377CA tidak terpakai kepada kemasukan apa-apa benda ke dalam faraj atau dubur seseorang bagi maksud perubatan atau penguatkuasaan undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jam hampir pukul 1.00.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa boleh sempurna sambung pada pukul 2.30 petang.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menyambung hormat.

## 2.32 ptg.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Fasal 9 ialah Fasal yang meminda seksyen 390. Jawatankuasa telah berhadapan dengan satu isu yang cukup hangat iaitu isu curi ragut. Beberapa orang mangsa curi ragut telah hadir sendiri dan membuat representasi. Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa kes curi ragut menjadi semakin ganas dan pesalahnya pula semakin kejam di mana terdapat kes-kes curi ragut yang melibatkan kematian mangsa. Setelah mempertimbangkan secara teliti semua representasi yang dibuat, jawatankuasa mencadangkan bahawa kesalahan cuti ragut diletakkan secara jelasnya bawah kesalahan rompak, bawah seksyen 390 dan bukannya kesalahan curi di bawah seksyen 379.

Kesalahan curi hanya membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 7 tahun, manakala hukuman bagi kesalahan rompak adalah tidak lebih daripada 14 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat. Di bawah pindaan ini, curi ragut adalah kesalahan rompak yang membawa hukuman yang lebih berat dan hasrat ianya akan memberi mesej yang jelas kepada bakal pesalah. Sehubungan dengan itu, jawatankuasa mencadangkan bahawa hormat yang jelas bagi kes curi ragut dimasukkan sebagai hormat E di bawah seksyen 390. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 14 hingga 25 adalah fasal-fasal yang meminda beberapa seksyen bagi menghapuskan perbezaan bagi kesalahan pencerobohan jenayah yang dilakukan pada waktu siang atau malam walaupun tidak ada representasi dibuat berkenaan dengannya.

Antara peruntukan yang difikirkan patut dipinda oleh Jawatankuasa ialah seksyen 457 dan seksyen 460. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya baca seksyen 457 dalam Bahasa Inggeris;

*"Whoever commit lurking house breaking by night, or house breaking by night in order to commit any offence punishable with imprisonment shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years and shall also be liable to fine and if the offence intended to be committed is theft, the term of the imprisonment may be extended to 14 years and for every second or subsequent offence shall in either case be liable to fine or whipping."*

Seksyen 460 dengan izin, *"If, at the time of committing lurking house breaking by night or house breaking by night, any person guilty of such offence shall voluntarily cause or attempt to cause death or grievous hurt of any person, every person jointly concernd in committing such lurking house breaking by night or house breaking by night shall be punished with imprisonment for a term which may extend to 20 years and shall also be liable to fine."*

Perbezaan waktu siang atau malam ini tidak lagi praktikal dan berkesan pada masa ini. Oleh yang demikian, Jawatankuasa mencadangkan supaya peruntukan kesalahan-kesalahan yang dilakukan pada waktu malam dihapuskan dan di sebaliknya menambahkan hukuman tanpa mengira waktu kesalahan dilakukan. Akibat pindaan ini, pindaan-pindaan berikut perlu dibuat kepada seksyen-seksyen berikut. 444, 446, 447, 448, 453, 454, 455, 456, 457A dan 458. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 26 ialah fasal yang meminda seksyen 130B Akta Kanun Keseksaan Pindaan 2003 iaitu Akta A 1210 berhubung dengan takrif "terrorist act". Jawatankuasa telah menerima beberapa representasi berhubung dengan takrif "terrorist act" ini. Mereka berpendapat bahawa takrif "terrorist act" adalah terlalu luas dan boleh merangkumi keadaan-keadaan yang tidak diingini.

Jawatankuasa setelah meneliti takrif "terrorist act" di New Zealand dan Australia telah menggunakan suatu takrif baru bagi "terrorist act" yang lebih tepat. Dalam takrif ini "terrorist act" hanya merangkumi kesalahan politik, keagamaan dan ideologi dan tidak begitu luas dan tidak begitu luas seperti dalam tafsiran yang asal. Harus diingatkan bahawa penguatkuasaan dari segi tangkapan siasatan dan perbicaraan bagi kesalahan keganasan dijalankan seperti yang diperuntukkan di dalam Kanun Tata Cara Jenayah yang saya akan sentuh apabila saya bincang pindaan kepada Kanun Tata Cara Jenayah selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada Rang Undang-undang Kanun Tata Cara Jenayah Pindaan 2004 pula.

Jawatankuasa juga turut menerima banyak maklum balas daripada orang ramai berhubung dengan pindaan kepada beberapa peruntukan dalam Kanun Tata Cara Jenayah. Jawatankuasa telah mempertimbangkan secara terperinci semua maklum balas dan pandangan orang ramai serta Laporan Suruhanjaya Di Raja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan

Polis Diraja Malaysia. Selepas ini disebut ataupun dirujuk sebagai Laporan Suruhanjaya PDRM dan perundangan berkaitan di beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand dan Singapura. Kuasa mencadangkan beberapa pindaan kepada rang undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2004 yang asal. Pindaan tersebut adalah sebagaimana dalam Lampiran 7 kepada laporan jawatankuasa. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terdiri daripada 34 fasal dan izinkan saya untuk menjelaskan mengenai fasal-fasal penting seperti yang berikut. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A berhubung hak-hak seseorang yang ditangkap. Jawatankuasa telah mempertimbangkan secara terperinci semua maklum balas dan pandangan orang ramai serta laporan Suruhanjaya PDRM dan telah membuat perbandingan tatacara tangkapan dan reman.

Beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand dan Singapura. Jawatankuasa juga telah mempertimbangkan syor Suruhanjaya PDRM untuk meminda seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 28 dan Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah yang dibaca secara bersama membernarkan penangkapan tanpa waran dan penahanan seseorang selama tidak lebih daripada 24 jam tidak termasuk masa yang perlu untuk perjalanan dari tempat penangkapan polis ke mahkamah majistret untuk membolehkan polis menyelesaikan penyiasatan.

Sekiranya penyiasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh tersebut orang yang ditangkap perlu dibawa ke hadapan majistret untuk mendapatkan perintah yang membernarkan penahanan selanjutnya bagi satu tempoh tidak melebihi 15 hari jumlahnya. Walau bagaimanapun, dari segi amalan undang-undang ini telah membawa kepada banyak penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis yang memohon tempoh reman yang maksimum dan permohonan ini biasanya diluluskan oleh majistret. Terdapat juga laporan berlakunya penderaan fizikal dan mental terhadap suspek oleh polis sepanjang tempoh reman dan kes kematian suspek semasa reman.

Suruhanjaya berpendapat bahawa amalan ini merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Di negara-negara seperti Hong Kong, Australia dan Singapura, tempoh tahanan reman yang dibenarkan adalah jauh lebih pendek dan perintah berantai atau seumpamanya tidak dilayani. Secara ringkas, jawatankuasa berpendapat bahawa pegawai penyiasat tidak sepatutnya mengamalkan dasar tangkap dahulu siasat kemudian. Prinsip ini adalah selaras dengan syor yang terdapat dalam Laporan Suruhanjaya PDRM.

Sehubungan dengan itu, jawatankuasa mencadangkan satu seksyen yang baru iaitu Seksyen yang baru iaitu Seksyen 28A yang khusus menyatakan hak-hak orang yang ditangkap, *rights of person arrested*. Melalui seksyen ini, jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak polis diwajibkan memaklumkan kepada orang kena tangkap sebab-sebab beliau ditangkap dan memberikan kemudahan kepada orang yang telah ditangkap itu untuk menghubungi seorang peguam dalam tempoh 24 jam dari masa dia ditangkap. Pindaan ini mencerminkan hak asasi

yang dijamin atas seseorang yang ditangkap sebagaimana terkandung seperti di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu jawatankuasa ini juga menghendaki pihak polis memberi kemudahan kepada orang kena tangkap untuk menghubungi ahli keluarga atau rakannya selepas dia ditangkap. Ini akan membolehkan mereka yang terdekat untuk mengetahui tempat beradanya orang kena tangkap. Oleh itu hak orang kena tangkap untuk menghubungi seorang peguam atau ahli keluarga atau rakannya hendaklah dipatuhi dan tidak boleh diabaikan kecuali dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja. Pengecualian hanya boleh diberi oleh seorang anggota polis yang berpangkat tidak kurang daripada Timbalan Penguasa Polis, dengan izin DSP dalam tiga keadaan iaitu:

- (i) jika orang kena tangkap diberi kemudahan tersebut, rakan jenayah orang kena tangkap itu akan mengambil langkah untuk mengelakkan dari ditangkap;
- (ii) menyembunyi, reka keterangan dengan izin, *fabricate* ataupun membinasa keterangan berkaitan kes atau mengugut saksi-saksi; dan
- (iii) dengan mengambil kira keselamatan orang lain, penyoalan atau perakaman sesuatu pernyataan adalah sangat diperlukan dan tidak boleh di tangguh. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *having regard to the safety of other person, the “questioning” or recording of any statement is so urgent that it should not be delayed.*

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 117. Melalui pindaan yang dicadangkan, tempoh reman telah dibahagikan kepada dua kategori supaya lebih adil. Kategori reman ini dibahagikan berdasarkan hukuman kesalahan yang disiasat. Kategori pertama merangkumi kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun. Bagi kategori ini jawatankuasa berpendapat tempoh reman tidak melebihi tujuh hari adalah munasabah. Majistret diberi kuasa untuk membenarkan reman tidak melebihi empat hari bagi permohonan pertama dan tidak melebihi tiga hari bagi permohonan kedua.

Tempoh reman tujuh hari ini tidak termasuk tempoh tahanan 24 jam di bawah Seksyen 28. Manakala kategori kedua pula merangkumi kesalahan yang membawa hukuman mati atau hukuman penjara 14 tahun atau lebih. Bagi kategori ini jawatankuasa berpendapat tempoh reman tidak melebihi 14 hari adalah munasabah. Majistret diberi kuasa untuk membenarkan reman tidak melebihi tujuh hari bagi permohonan pertama dan tidak melebihi tujuh hari bagi permohonan kedua. Tempoh reman 14 hari ini tidak termasuk tempoh tahanan 24 jam di bawah seksyen 28.

Untuk menangani penyalahgunaan amalan perintah tahanan berlarutan atau apa yang dikenali sebagai perintah berantai atau dengan izin *chain smoking*, seorang pegawai penyiasat yang memohon tahanan reman dikehendaki mencatat dalam diari penyiasatannya apa-apa tahanan reman suspek sejurus sebelum sesuatu permohonan baru dibuat. Majistret diwajibkan

mengambil kira tempoh tahanan yang terdahulu itu sebelum permohonan baru dipertimbangkan. Tidak kira sama ada tempoh tahanan itu ada kaitan dengan permohonan baru itu atau tidak. Selepas mengambil kira semua fakta termasuk tempoh tahanan terdahulu, majistret akan menentukan tempoh reman yang sepatutnya diberi yang adil berdasarkan peruntukan pindaan seksyen 117 yang baru.

Seterusnya untuk mengukuhkan hak-hak orang kena tangkap. Orang kena tangkap diberi peluang untuk diwakili seorang peguam semasa prosiding reman. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan bahawa orang kena tangkap tidak di reman selanjutnya tanpa alasan yang kukuh dan munasabah. Jawatankuasa berpendapat dengan adanya pindaan-pindaan ini, maka ianya akan mengimbangkan hak seorang individu dengan hak pihak penguat kuasa dan penyiasat. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 dan 14 bertujuan untuk meminda seksyen 112 dan 113 masing-masing berhubung pernyataan beramaran. Isu yang dibangkitkan oleh orang ramai ialah berhubung dengan kuasa-kuasa siasatan polis di bawah seksyen 112 dan 113 Kanun Tatacara Jenayah.

Buat masa ini seksyen 113 membenarkan pihak polis untuk merakam pernyataan orang kena tangkap bertujuan menggunakan pernyataan tersebut sebagai keterangan.

Pernyataan tersebut biasanya disebut pernyataan beramaran, dengan izin *caution statement*. Suruhanjaya PDRM telah mengesyorkan bahawa seksyen 113 dimansuhkan di atas beberapa sebab. Setelah mengkaji Laporan Suruhanjaya PDRM, mengambil kira pandangan orang ramai serta badan-badan tertentu dan Peguam Negara, Jawatankuasa berpendapat peruntukan ini haruslah dimansuhkan kerana kebolehterimaan sesuatu pernyataan beramaran di bawah seksyen 113. Mahkamah lazimnya menolak pernyataan beramaran ini sebagai keterangan dan ini telah menjelaskan imej polis.

Lagipun tatacara untuk mengemukakan pernyataan beramaran di bawah seksyen tersebut mengambil masa yang lama dan boleh dianggap membuang masa mahkamah dan semua pihak yang terlibat kerana akhirnya ia akan ditolak oleh mahkamah.

Satu lagi faktor yang diambil kira oleh Jawatankuasa untuk memansuhkan peruntukan ini adalah pihak polis sering kali menggunakan sebagai tonggak kepada siasatan mereka dan mengabaikan keterangan lain yang ada dan akhirnya menjelaskan pengumpulan bukti serta siasatan dalam sesuatu kes. Dengan pemansuhan seksyen 113 dan pindaan susulan kepada seksyen 112, keadaan undang-undang berkaitan dengan siasatan polis adalah sama seperti sebelum tahun 1976. Setelah mempertimbangkan semua representasi, Jawatankuasa berpendapat seksyen 113 perlu dipinda.

Akibat utama pindaan ini ialah pihak polis tidak boleh merakam pernyataan beramaran dari orang kena tangkap. Semua pernyataan akan dirakam di bawah seksyen 112 dan pernyataan tersebut tidak boleh digunakan sebagai keterangan di mahkamah, selain daripada keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 113 baru.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya baca seksyen 113 yang baru:-

- (1) *except as provided in this section, no statement made by any person to a police officer in the course of police investigation made under this Chapter shall be used in evidence;*
- (2) *when any witness is called for the prosecution or for the defence, other than the accused the court shall, on the request of the accused or the prosecutor refer to any statement made by that witness to a police officer in the course of the police investigation under this Chapter and may then, if the court thinks fit in the interest of justice, direct the accused to be furnished with the copy of it and the statement may be used to impeach the credit of the witness in the manner provided by Evidence Act 1950 [Act 56];*
- (3) *where the accused had made a statement during the course of a police investigation such statement may be admitted in evidence in support of his defence during the course of the trial;*
- (4) *nothing in this section shall be deemed to apply to any statement made in the course of an identification parade or falling within section 27 or paragraph 32 (a) of the Evidence Act 1950;*
- (5) *when any person is charged with any offence in the relation to:  
(a) the making; or  
(b) the contents.  
of any statement made by him to a police officer in the course of police investigation made under this Chapter, that statement maybe used as evidence in the prosecution's case.*

Jawatankuasa sedar terdapat beberapa akta lain di negara ini yang mengandungi peruntukan mengenai rakaman pernyataan beramaran seperti di dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997 iaitu Akta 575 dan Akta Warisan Kebangsaan 2006. Jawatankuasa mengesyorkan supaya akta-akta tersebut dipinda supaya selaras dengan peruntukan seksyen 112 yang dipinda dan peruntukan baru seksyen 113 yang dicadangkan dalam laporan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 bertujuan untuk memansuhkan seksyen 115. Setelah Jawatankuasa mendengar pandangan dan komen dari pihak mahkamah, Peguam Negara dan mempertimbangkan laporan Suruhanjaya PDRM mengenai tatacara rakaman pengakuan oleh seseorang Majistret, Jawatankuasa mencadangkan bahawa seksyen tersebut dimansuhkan sahaja. Ini adalah kerana Jawatankuasa berpendapat bahawa seorang Majistret bertugas untuk mendengar dan membicarakan kes dan beliau sepatutnya tidak dibebankan dengan tugas merakamkan pengakuan dari orang kena tangkap. Tambahan pula jika seorang Majistret itu

kurang berpengalaman untuk merakamkan suatu pengakuan dan sekiranya pengakuan yang dirakam itu dicabar di mahkamah, kredibiliti Majistret itu akan dipersoalkan oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua Fasal 10 ialah Fasal untuk meminda seksyen 107. Kesukaran untuk membuat laporan polis juga merupakan salah satu aduan oleh orang ramai. Antara kesukaran yang dikemukakan ialah pengadu diminta untuk membuat laporan hanya di balai polis tertentu sahaja dan ada sesetengah laporan yang hendak dibuat oleh orang ramai tidak diterima atas pelbagai alasan seperti kerugian yang dialami adalah terlalu kecil dan isu yang dikemukakan hanyalah isu rumah tangga. Kesukaran ini juga turut disebabkan oleh faktor seperti kejadian yang hendak dilaporkan berlaku dalam kawasan pentadbiran polis yang berlainan atau berada di lokasi yang menyulitkan.

Selain itu, ada pihak yang mendakwa bahawa anggota polis di balai polis tidak mesra terhadap pengadu, bersikap acuh tak acuh, kurang berminat dan mengambil masa yang lama untuk memberi maklum balas.

Suruhanjaya PDRM setelah mengkaji seksyen 107(1) Kanun Tatacara Jenayah berpendapat bahawa laporan polis hanya boleh dibuat di balai polis. Suruhanjaya PDRM mengesyorkan bahawa laporan polis dibenarkan dibuat dengan cara yang paling mudah seperti melalui *e-mail*, laman *web*, SMS atau telefon di mana-mana balai polis atau pondok polis atau kepada mana-mana anggota polis yang sedang meronda.

Sehubungan itu Jawatankuasa bersetuju supaya seksyen 107(1) Kanun Tatacara Jenayah dipinda untuk membolehkan mana-mana pegawai polis yang bertugas sama ada di dalam atau di luar balai polis untuk menerima sebarang laporan yang dibuat oleh sesiapa jua.

Dengan pindaan ini orang awam boleh membuat laporan polis di mana-mana balai polis atau pondok polis atau kepada mana-mana anggota polis yang sedang meronda. Jawatankuasa bagaimanapun tidak dapat menerima syor Suruhanjaya PDRM supaya laporan polis dibenarkan dibuat melalui *e-mail*, laman *web*, SMS dan telefon. Ini kerana pengadu diperlukan untuk menandatangani laporan tersebut. Tatacara ini bertujuan mengelakkan mana-mana orang daripada membuat laporan palsu yang merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 ialah Fasal yang meminda seksyen 13. Seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengetahui berlakunya mana-mana kesalahan yang tersenarai di bawah seksyen 13 itu hendaklah melaporkannya kepada pihak polis. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang asal melalui Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 13 dengan hanya memasukkan kesalahan di bawah seksyen 376, 377C dan 377E Kanun Keseksaan yang wajib dilaporkan.

Jawatankuasa telah mengkaji peruntukan ini dan bercadang supaya kesalahan di bawah seksyen-seksyen 372, 372A, 372B, 376B dan 377CA Kanun Keseksaan yang juga merupakan kesalahan seksual turut dimasukkan sebagai kesalahan yang wajib dilaporkan.

Jawatankuasa berpendapat adalah perlu untuk memasukkan kesalahan-kesalahan seksual ini di bawah seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah supaya mana-mana orang yang mempunyai maklumat tentang kesalahan tersebut bertanggungjawab untuk memberi maklumat itu kepada polis. Ini akan membolehkan kesalahan seksual itu disiasat dan orang yang melakukan kesalahan itu dihadapkan ke mahkamah.

Beberapa pihak telah merayu supaya kesalahan rogol di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan tidak dijadikan sebagai kesalahan yang wajib dilaporkan. Mereka berhujah bahawa mungkin terdapat keadaan di mana ibu bapa yang mengetahui anaknya dirogol dan enggan membuat laporan untuk mengelakkan nama baik anaknya tercemar dan peluang perkahwinannya terjejas. Setelah mempertimbangkan hujah-hujah pihak berkenaan, jawatankuasa berpendapat seksyen 376 hendaklah dijadikan sebagai satu kesalahan yang wajib dilaporkan demi kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 ialah fasal yang memasukkan seksyen baru 20A. Pada bulan Jun tahun 2005, negara telah digemparkan dengan kejadian rakaman video seorang tahanan wanita yang telah diarahkan oleh seorang anggota polis melakukan ketuk ketampi dalam keadaan berbogel bagi tujuan membuat pemeriksaan tubuh. Kejadian yang berlaku di balai polis Petaling Jaya itu telah mencetuskan ketidakpuasan hati dan kegusaran orang ramai berhubung dengan tindakan pihak polis itu serta mempersoalkan kewajaran tatacara yang dijalankan oleh pihak polis terhadap tahanan dalam lokap.

Berikut itu kerajaan telah menujuhkan suatu suruhanjaya untuk menyiasat insiden tersebut. Suruhanjaya itu dinamakan Suruhanjaya Untuk Menyiasat Prosedur Tetap Operasi Kaedah-kaedah atau Peruntukan-peruntukan Berhubung Dengan Pengendalian Pemeriksaan Tubuh Berkenaan Dengan Penangkapan Dan Penahanan Oleh Polis.

Setelah mengambil kira cadangan dalam laporan Suruhanjaya tersebut dan pandangan-pandangan lain jawatankuasa mencadangkan Kanun Tatacara Jenayah dipinda dengan mengadakan suatu peruntukan yang khusus mengenai pemeriksaan tubuh. Dan peruntukan ini akan diguna pakai oleh pihak polis dan semua agensi penguatkuasaan. Tatacara Pemeriksaan Tubuh itu akan dimasukkan sebagai Jadual kepada Kanun Tatacara Jenayah dan Jadual itu boleh dipinda oleh Menteri yang bertanggungjawab berhubung dengan hal ehwal keselamatan melalui suatu perintah.

Empat jenis pemeriksaan tubuh diperkenalkan iaitu

- (i) pemeriksaan secara menepuk iaitu *pat down search*;
- (ii) pemeriksaan dengan menanggalkan pakaian atau *strip search*;
- (iii) pemeriksaan intim atau *intimate search*; dan
- (iv) pemeriksaan intrusif Atau *intrusive search*.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada tatacara terperinci berhubung dengan keempat-empat jenis pemeriksaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Lampiran 7 rang undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 ialah fasal yang memasukkan seksyen baru 107A. Seksyen baru 107A bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang telah membuat suatu laporan polis meminta pihak polis memberikan laporan mengenai status penyiasatan berhubung dengan laporan polis yang dibuat olehnya. Pihak polis diperlukan memberi laporan kedudukan penyiasatan tersebut jika kesalahan itu adalah kesalahan lazim ditangkap dengan izin, *seizable offence*. Selepas empat minggu telah luput dari tarikh maklumat itu dilaporkan dan pemberian laporan itu juga tidak akan menjelaskan penyiasatan atau pendakwaan sesuatu kes.

Pemberi maklumat boleh melaporkan kepada pendakwa raya jika pihak polis gagal memberikan laporan kedudukan penyiasatan itu kepadanya. Pendakwa raya hendaklah memberi arahan kepada Ketua Polis Daerah untuk mengemukakan laporan kedudukan itu kepada pemberi maklumat.

Seksyen 107A(7) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang asal memperuntukkan kegagalan mematuhi arahan pendakwa raya itu adalah suatu kesalahan. Perkara yang sama juga diperuntukkan dalam cadangan pindaan bagi subseksyen 110(4). Seksyen tersebut adalah berkaitan dengan hukuman yang boleh dikenakan terhadap seorang anggota polis yang ingkar mematuhi arahan pendakwa raya berkaitan dengan subseksyen 110(1) dan (2) iaitu gagal mengemukakan suatu laporan yang berhubung dengan suatu kesalahan yang boleh ditangkap.

Peruntukan subseksyen 107A(7) sama-sama Seksyen 110(4) dan 120 telah menerima tentangan yang hebat daripada orang ramai, persatuan polis dan bekas polis serta badan-badan yang lain seperti SUHAKAM. Ini adalah kerana kegagalan membekalkan laporan status serta kegagalan mengemukakan suatu laporan yang berhubung dengan kesalahan yang boleh ditangkap kepada pendakwa raya dalam masa yang ditentukan, dijadikan suatu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 19 ialah fasal yang meminda seksyen 120. Cadangan pindaan kepada seksyen 120 adalah bertujuan untuk memperketat peruntukan yang sedia ada. Pegawai polis yang membuat siasatan diwajibkan mengemukakan suatu laporan penyiasatannya bersama dengan kertas siasatan mengenai siasatan itu kepada pendakwa raya dalam tempoh satu minggu selepas tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh pemberian maklumat di bawah seksyen 107. Kegagalan berbuat demikian adalah suatu kesalahan di bawah subseksyen 120(3).

Jawatankuasa telah dibanjiri dengan bantahan terhadap peruntukan kesalahan seksyen 107(7), 110(4) dan 120(3). Antara alasan-alasan yang mereka hujahkan ialah orang ramai tidak akan menyertai pasukan polis dengan adanya peruntukan sedemikian. Ini akan menyukarkan pengambilan anggota baru dan Kanun Tatacara Jenayah adalah suatu kanun berkenaan dengan tatacara dan tidak ada peruntukan penghukuman di dalamnya. Mereka juga berhujah

mengapakah peruntukan-peruntukan sedemikian diwajibkan untuk pihak polis sahaja dan tidak untuk agensi penguatkuasaan yang lain dan kegagalan mengemukakan laporan sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu, lebih bersifat perbuatan kecuaian dan bukannya suatu jenayah.

Oleh itu, adalah tidak wajar untuk menjadikannya sebagai satu kesalahan jenayah dan sebaliknya adalah memadai untuk pegawai yang berkenaan dikenakan tindakan tatatertib sahaja. Terdapat juga pihak yang menyokong peruntukan yang dicadangkan. Mereka yang menyokong peruntukan tersebut menyatakan bahawa apabila suatu laporan polis dibuat, amat sukar untuk mereka mendapat maklum balas tentang status penyiasatan yang telah dijalankan, ekoran daripada laporan polis mereka.

Mereka berpendapat, dengan adanya peruntukan kesalahan dalam peruntukan tersebut, pihak polis akan menjadi lebih bertanggungjawab dan perlu memberi maklum balas mengenai satu status siasatan yang dijalankan kepada orang ramai dengan sewajarnya. Setelah mempertimbangkan semua maklum balas termasuk pandangan Peguam Negara sendiri serta laporan Suruhanjaya PDRM, jawatankuasa bersetuju supaya peruntukan kesalahan di bawah subseksyen 107(7), 114(4) dan 120(3) itu dimansuhkan.

Walau bagaimanapun jawatankuasa telah mengambil kira bahawa jika seorang pegawai polis yang gagal mematuhi kehendak seksyen 107A, 110 dan 120 tindakan masih boleh diambil terhadapnya di bawah seksyen 175 Kanun Keseksaan. Iaitu suatu peruntukan berkenaan kegagalan seseorang untuk mengemukakan dokumen kepada penjawat awam dalam kes-kes yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 ialah fasal yang memperkenalkan bab baru 12A. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bab ini memperkenalkan tiga seksyen yang membincangkan tatacara jenayah berkaitan tangkapan dan siasatan dengan kes-kes keganasan. Manakala jenis-jenis kesalahan keganasan dalam kanun keseksaan. Tiga seksyen yang dicadangkan di bawah seksyen baru ini ialah seksyen 106A, 106B dan 106C. Seksyen baru 106A mentakrifkan beberapa ungkapan termasuk ungkapan kesalahan keganasan. Seksyen 106B, memberi pegawai polis kuasa, untuk menangkap tanpa waran seseorang yang telah melakukan atau yang sedang melakukan atau disyaki dengan alasan munasabah untuk melakukan atau sedang melakukan kesalahan keganasan.

Seksyen baru, 106C memberikan kuasa kepada Pendakwa Raya untuk membenarkan mana-mana pegawai polis untuk memintas komunikasi tertentu jika Pendakwa Raya berpendapat bahawa komunikasi itu berkemungkinan mengandungi maklumat yang berhubung dengan perlakuan kesalahan keganasan. Maklumat yang diperolehi demikian, sama ada sebelum atau selepas orang yang berkenaan dipertuduh, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicarannya.

Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka berhubung dengan cadangan seksyen 106A, 106B dan 106C itu. Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah tentang takrif kesalahan keganasan, kuasa-kuasa penangkapan yang diberi kepada pihak polis, kuasa untuk memintas komunikasi dan sama ada istilah atau ungkapan dengan izin, “*...considers that it is likely to contain..*” di bawah 106C adalah terlalu luas dan merupakan standard yang terlalu rendah. Mereka mencadangkan perkataan itu digantikan dengan perkataan dengan izin, “*has reasonable grounds to suspect*”. Di samping itu, beberapa pihak telah menyuarakan bahawa tahap untuk tangkapan dilakukan di bawah seksyen 106B iaitu, “*reasonable grounds for suspecting*” adalah terlalu rendah.

Mereka mengesyorkan bahawa tahap dengan izin, *reasonable grounds for believe*, adalah lebih adil. Setelah mempertimbangkan semua maklum balas, pendapat dan pandangan orang ramai, kuasa memutuskan bahawa peruntukan yang sedia ada adalah wajar, dan selaras dengan undang-undang yang sedia ada dan undang-undang sedemikian diperlukan demi kepentingan awam.

Tahap yang ditetapkan adalah seimbang dengan undang-undang lain, berkaitan dengan tatacara tangkapan. Kuasa-kuasa ini adalah perlu untuk membanteras kesalahan keganasan. Kuasa Pendakwa Raya sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 106C adalah wajar kerana tindakan segera perlu diambil untuk beliau memberi kuasa kepada pegawai polis bagi memintas komunikasi tertentu. Perlu ditekankan bahawa Pendakwa Raya di negara kita adalah bebas dan tidak terlibat dalam siasatan kes-kes jenayah. Lagipun peruntukan yang sama terdapat di dalam Akta Culik 1961 (Act 365), Akta Pencegah Rasuah 1997 (Akta 975) dan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 ialah fasal yang memasukkan seksyen baru 51A. Banyak yang baru Tuan Yang di-Pertua. Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka untuk mewajibkan pihak pendakwaan membekalkan kepada pihak pembelaan, mana-mana dokumen atau laporan yang akan menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan sebelum perbicaraan-perbicaraan dimulakan.

Pemberian apa-apa dokumen atau laporan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam kesnya kepada pihak pembelaan akan memberi peluang kepada pihak pendakwaan dalam kesnya kepada pihak pembelaan akan memberi peluang kepada pihak pembelaan untuk menyediakan kes mereka dengan lebih sempurna. Ini akan membawa keadilan bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada semua pihak. Selain itu, ia akan menjimatkan masa mahkamah, di mana pihak pembela tidak akan memohon untuk penangguhan jika dokumen-dokumen tersebut diberi lebih awal.

Jawatankuasa berpendapat bahawa fakta-fakta yang menguntungkan kepada pembelaan yang diperoleh semasa siasatan hendaklah diberi kepada pihak pembelaan demi keadilan sesuatu kes. Walau bagaimanapun ada pengecualian bagi *sub paragraph (c)*, di mana

pegawai pendakwa boleh tidak membekalkan fakta-fakta yang menguntungkan tertuduh, atas alasan ia akan menjelaskan kepentingan awam atau dengan izin, *public interest*. Perlu diingati bahawa keputusan pegawai pendakwa untuk tidak membekalkan suatu fakta yang menguntungkan tertuduh oleh sebab kepentingan awam, tidaklah muktamad. Ini adalah kerana pihak pembela boleh memohon kepada mahkamah untuk menentukan sama ada suatu fakta itu dilindungi oleh kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua Fasal 21 dan 22 ialah fasal-fasal yang meminda seksyen 173 dan 180 masing-masing. Perenggan 173H dan seksyen 180 adalah berhubung dengan tahap pembuktian yang diperlukan pada akhir kes pendakwaan untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya untuk membolehkan pihak tertuduh dipanggil bagi membela diri.

Dalam tahun 1997, seksyen tersebut telah dipinda melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997, Akta A979. Pindaan tersebut telah dibuat untuk mengatasi penghakiman dalam kes Koo Hee Chiang lawan Pendakwa Raya, dan Arulpragasan a/l Sandaraju lawan Pendakwa Raya yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, di mana mahkamah telah menggunakan tahap *maximum evaluation* di akhir kes pendakwaan seperti yang dijelaskan dalam huriaian kepada Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997 dan ucapan menteri berkenaan semasa Rang Undang-undang itu di bentang di Dewan Rakyat.

Hasrat Parlimen ketika membuat pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan dalam kes Haw Tua Tau lawan *Public Prosecutor* 1981 2MLJ 49 yang telah menggunakan tahap minimum *evaluation* di akhir kes pendakwaan. Walau bagaimanapun perkembangan undang-undang tidak memenuhi hasrat tersebut memandangkan ungkapan prima facie tidak ditaksirkan dalam pindaan tersebut.

Ini telah mengakibatkan kes-kes seperti ‘Lui Kau Chai’ lawan pendakwa raya dan Balakrishnan lawan pendakwa raya memberi tafsirannya tersendiri yang telah mengakibatkan situasi undang-undang yang tidak tertentu. Untuk memberi penentuan kepada tahap pembuktian kepada akhir kes pendakwaan, Jawatankuasa berpendapat satu tafsiran kepada ungkapan prima facie perlu diadakan.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa telah mengambil kira representasi orang ramai telah meminda perenggan 173(h) dan seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan tafsiran kepada ungkapan *prima facie* bagi perbicaraan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi. Jawatankuasa berpendapat bahawa tafsiran prima facie adalah seperti berikut. Dengan izin, “*A prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.*”

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada perenggan 173(ha) bertujuan memperuntukkan secara khusus tiga pilihan pembelaan kepada tertuduh iaitu sama ada beliau hendak memberi

keterangan bersumpah dari kandang saksi, memberi keterangan dari kandang tertuduh atau berdiam diri. Cadangan pindaan asal juga memperuntukkan bahawa jika tertuduh memilih untuk memberi pernyataan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh dan pembelaannya berkaitan dengan pernyataan beramaran yang merupakan sebahagian daripada keterangan pendakwaan, beliau boleh diperiksa balas oleh pendakwa.

Orang ramai membantah dengan keras cadangan pindaan yang membolehkan pendakwaan menyoal balas tertuduh mengenai pemberian pernyataan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh jika pembelaan yang menyentuh pernyataan beramarannya yang telah menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan. Mereka menghujahkan bahawa prosedur ini adalah bertentangan dengan undang-undang sedia ada. Jawatankuasa setelah mempertimbangkan maklum balas serta kandungan undang-undang bersetuju dengan pandangan orang ramai bahawa adalah tidak adil untuk membenarkan pihak pendakwaan memeriksa balas tertuduh mengenai pemberian pernyataan tidak bersumpah. Sehubungan itu, Jawatankuasa mencadangkan peruntukan ini dimansuhkan. Ini adalah selaras dengan pindaan seksyen 113 yang telah dijelaskan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 24 ialah fasal yang memperkenalkan seksyen baru 272B. Jawatankuasa telah menerima beberapa pandangan positif daripada orang ramai berhubung dengan seksyen baru 272B ini yang diperkenalkan melalui Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah pindaan 2004. Seksyen baru ini akan membolehkan seorang saksi selain tertuduh dengan kebenaran mahkamah untuk memberikan keterangan secara langsung melalui rakaman video atau siaran televisyen dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan demi kepentingan keadilan.

Secara keseluruhan seksyen baru ini mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai kerana memberikan peluang kepada saksi untuk memberi keterangan secara bebas tanpa rasa takut atau terancam. Namun begitu, terdapat beberapa bantahan terhadap seksyen 272B ini kerana pemakaian seksyen itu tertakluk kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam subseksyen 2. Mereka berpendapat bahawa subseksyen 2 telah menyempitkan pemakaian seksyen 272B. Dalam perenggan A dan B misalnya, jenis-jenis kesalahan yang dinyatakan adalah terhad kepada kesalahan yang melibatkan dengan izin *assault on, or an injury or a threat of injury* dan beberapa kesalahan seksual yang lain sahaja.

Perenggan C pula bermaksud bahawa menteri boleh menetapkan kesalahan-kesalahan lain setelah berunding dengan ketua hakim negara dan pendakwa raya. Dalam keadaan tersebut, subseksyen 2 itu dikatakan boleh menimbulkan masalah apabila ada keadaan kesalahan-kesalahan lain yang tidak terjatuh di bawah perenggan A dan B yang mana mahkamah fikirkan wajar supaya keterangan seorang secara melalui video atau televisyen diberikan oleh saksi.

Meskipun perenggan C membolehkan kesalahan-kesalahan lain ditetapkan oleh menteri setelah berhubung dengan ketua hakim negara dan pendakwa raya tetapi ia melibatkan

beberapa proses tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan tersebut. Proses ini akan mengambil masa yang panjang untuk suatu kesalahan lain itu ditetapkan sebagai kesalahan yang membolehkan keterangan secara langsung melalui video atau televisyen yang diberikan oleh saksi.

Kuasa memutuskan untuk memotong subseksyen 2 supaya semua jenis kesalahan boleh dibicarakan dengan menggunakan keterangan secara langsung melalui video atau televisyen. Walaupun pendakwa raya atau peguam tertuduh boleh memohon untuk keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh seorang saksi namun kebenaran untuk mengumukakan keterangan tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 ialah fasal yang meminda seksyen 127A. Seksyen 127A adalah berhubung dengan liabiliti bagi kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia atau dengan izin *extra territorial offences*. Pindaan kepada subseksyen 127A (1) bertujuan untuk meluaskan pemakaian seksyen 127A itu kepada kesalahan berkaitan dengan kesalahan keganasan di bawah Bab 6 Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 25 ialah fasal yang meminda seksyen 289. Di bawah seksyen 289 seorang lelaki yang berusia lebih daripada 50 tahun tidak boleh dikenakan hukuman sebat jika disabitkan atas apa jua kesalahan. Banyak pihak telah memberi pandangan berhubung dengan hukuman sebat kepada penjenayah berumur lebih daripada 50 tahun untuk kesalahan seksual. Cadangan pindaan kepada seksyen 289 ini bertujuan membentarkan hukuman sebat dilaksanakan ke atas pesalah lelaki yang berusia 50 tahun atau lebih yang disabitkan bagi kesalahan di bawah seksyen 376 (*rape*), 377C (*buggery with animal*) atau 377E (*inciting a child to an act of gross indecency*). Menurut pandangan dan pendapat orang ramai, faktor usia tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mereka terlepas dari hukuman sebat kerana kesalahan itu amat serius dan menjijikkan.

Sebalik pandangan yang menyokong pindaan tersebut, terdapat pula pandangan yang membantahnya. Antara alasan yang diberikan bahawa hukuman sebat ke atas pesalah yang berusia lebih 50 tahun adalah membahayakan kerana faktor kesihatan pesalah itu perlu diambil kira. Malah lebih baik menurut mereka hukuman penjara yang lebih lama dikenakan ke atas mereka kerana hukuman sebat itu tidak membawa kepada sebarang perubahan dan kesalahan tetap dilakukan oleh mereka walaupun undang-undang mengenai sebatan sudah lama diperkenalkan dalam kes-kes sedemikian. Berdasarkan semua pandangan yang diterima, jawatankuasa bersetuju untuk mengekalkan pindaan itu dan menambahkan seksyen 377CA sebagai salah satu lagi kesalahan yang melibatkan hukuman sebat walaupun pesalah itu umurnya melebihi 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 27 ialah fasal yang meminda seksyen 293. Jawatankuasa mencadangkan supaya perintah khidmat masyarakat diwujudkan sebagai suatu pilihan bagi

pemulihan pesalah muda selain pemenjaraan. Pelaksanaan perintah khidmat masyarakat yang dicadangkan adalah berdasarkan model dari negara Singapura.

Jawatankuasa telah mendengar maklum balas daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Berdasarkan pandangan mereka perintah khidmat masyarakat boleh dikenakan ke atas pesalah muda yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun. Sehubungan itu, jawatankuasa mencadangkan supaya perintah khidmat masyarakat diperkenalkan bagi semua jenis kesalahan bagi pesalah muda.

Tempoh bagi khidmat masyarakat Yang Berhormat boleh dikenakan hendaklah tidak melebihi 240 jam pada keseluruhannya. Jawatankuasa juga memutuskan bahawa pelaksanaan perintah khidmat masyarakat itu dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 29, merupakan fasal yang meminda seksyen 295. Seksyen baru 295 1A mengehendaki mahkamah mengarahkan pesalah yang dihukum di bawah seksyen 376, 377C atau 377E kanun keseksaan menjalani pengawasan polis bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun selepas tamat menjalani hukuman penjara.

Jawatankuasa seterusnya memutuskan untuk menambahkan seksyen 377CA bagi tujuan yang sama. 376 adalah “*rape*”. 377C adalah “*carnal intercourse against the order of nature*”. 377E adalah “*inciting the child to an act of gross indecency*”. 377CA ialah *sexual connection object by object*.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 30 merupakan fasal yang memperkenalkan seksyen baru 295A berhubung dengan kaunseling pemulihan. Banyak pihak telah menyuarakan tentang perlunya diperkenalkan kaunseling pemulihan kepada pesalah-pesalah seksual. Setelah Jawatankuasa mendengar representasi serta mengadakan perbincangan dengan Jabatan Penjara, Jawatankuasa bersetuju untuk mengadakan suatu peruntukan yang khusus bagi membolehkan mahkamah membuat perintah kaunseling pemulihan sebagai tambahan kepada perintah di bawah subseksyen 2951A. Perintah ini hanyalah boleh dikenakan kepada pesalah yang dihukum di bawah seksyen 376, 377C, 377CA atau 377E kanun keseksaan.

Jawatankuasa juga memutuskan bahawa kaunseling pemulihan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi penjara. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, perintah khidmat masyarakat dan kaunseling pemulihan merupakan konsep hukuman baru yang memberi penekanan kepada aspek khidmat masyarakat dan pemulihan. Tuan Yang di-Pertua, demikianlah di antara pindaan yang telah dipertimbangkan dan dicadangkan Jawatankuasa berhubung dengan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

Dukacita dimaklumkan bahawa semua cadangan dan pindaan yang dikemukakan ini telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh semua tujuh-tujuh orang Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas. Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui terdapat banyak isu dan maklum balas yang diterima daripada orang ramai.

Jawatankuasa telah meneliti dan menimbang Laporan Suruhanjaya PDRM yang mengandungi 155 cadangan pemberian. Perlu dinyatakan bahawa Jawatankuasa telah mempertimbangkan setiap isu dan maklum balas serta cadangan dalam Laporan Suruhanjaya PDRM secara mendalam. Namun, rasa sedar akan bidang kuasanya dan telah memberi cadangan dan syor hanya terhadap perkara-perkara yang berada dalam bidang kuasa Jawatankuasa itu.

Jawatankuasa juga sedar dan ingin menekankan bahawa pindaan susulan berterusan perlu dilakukan demi mengemaskinikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya pindaan susulan juga dilakukan kepada undang-undang penguatkuasaan yang lain supaya selaras dengan pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya hasrat murni Jawatankuasa dalam proses penggubalan undang-undang ini adalah untuk memenuhi harapan rakyat yang inginkan ketulusan dan keberkesanan perundungan serta tuntutan cabaran penguatkuasaan yang dipikul oleh agensi-agensi yang terlibat. Kuasa telah mengamalkan sikap yang terbuka dengan mengkaji sedalam-dalamnya pandangan dan maklum balas orang ramai. Hasilnya, beberapa perubahan yang ketara telah disyorkan kepada peruntukan-peruntukan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

Penyertaan aktif semua lapisan masyarakat dan institusi-institusi yang berkaitan melambangkan kesuburan dan kematangan demokrasi berparlimen. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat kerana memberi sumbangan yang amat bererti dalam membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugasnya dan menyiapkan laporan ini iaitu pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Parlimen, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Perundungan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Jawatankuasa juga merakamkan terima kasih kepada semua orang ramai dan juga wakil-wakil daripada pelbagai pihak pertubuhan dan Jabatan Kerajaan yang telah tampil ke hadapan menyuarakan pandangan serta cadangan-cadangan yang membina termasuklah mereka yang telah menghantar memorandum dan e-mail, mengirim surat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian. Terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dan

rang undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pegawai. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang dan kesempatan untuk bersama-sama membahaskan cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan 2004.

Tuan Yang di-Pertua, pertama izinlah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian dan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan rang undang-undang ini. Negara kita terkenal sebagai sebuah negara yang stabil, sebuah negara yang selamat aman dan makmur.

Di mana rakyatnya mengamalkan budaya yang penuh dengan adat sopan, penyayang dan hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan kaum dan agama. Hari ini jika dibandingkan dengan banyak negara yang lain, Malaysia pada amnya masih mampu mempertahankan budaya ini. Rakyat Malaysia boleh bersyukur kerana kita mempunyai satu negara yang stabil, selamat dan makmur.

Namun demikian, sejak kebelakangan ini terdapat satu aliran keganasan di negara kita yang amat membimbangkan. Hampir setiap hari kita mendengar dan dikejutkan dengan berita-berita keganasan dan penganiayaan ke atas wanita seperti kes-kes rogol.

Tuan Yang di-Pertua, rogol isteri adalah satu penganiayaan yang melampau yang dilakukan oleh suami terhadap isteri dan merupakan salah satu unsur keganasan rumah tangga, dengan kata lain ia merupakan satu kelakuan jenayah. Penganiayaan yang dimaksudkan adalah tindakan kasar atau bersifat paksaan yang dilakukan oleh suami ke atas isteri ketika melakukan hubungan seks sedangkan hubungan suami isteri perlu dilakukan dengan perasaan kasih sayang, hormat-menghormati dan dengan persetujuan isteri itu sendiri. Isteri perlu dilayan dengan lemah lembut, begitu juga si-isteri melayan suami dengan lemah lembut, dengan kasih sayang....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Baru hendak buka.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tahukah si-suami ini sebenarnya bagi dia isteri adalah harta. Jadi, tidak timbul maksudnya suami melihat isteri ini sebagai suatu benda yang hendak dizalimi dan sebagainya. Ini cukup jelas sebenarnya. Saya harap Yang Berhormat jangan keliru. Bagi suami isteri adalah hartanya, jadi saya tidak tahuolah kenapa Yang Berhormat hendak bangkitkan tentang suami merogol isteri. Saya rasa tidak timbul perkara ini. Saya tidak tahuolah, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat pula dari segi pengalaman kalau si-suami mahu, isteri tidak mahu, kenapa isteri tidak mahu dan macam mana hendak jadikan supaya isteri itu mahu supaya tidak timbul *marital rape* ini, dengan izin.,

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, memang beliau ini mungkin hendak menghangatkan situasi jadi awal-awal lagi sudah mengusik saya. Kalau Yang Berhormat sabar, saya akan sampai ke tahap bagaimana suami menganggap bahawa isteri itu miliknya dan boleh membuat apa sahaja tetapi bagi saya masa untuk sampai ke tahap itu.

Tetapi hendak bertanya tentang apa yang harus dibuat kalau si-isteri itu tidak hendak masa si-suami hendak. Saya rasa Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi boleh menjelaskan sebagai seorang suami yang bijaksana. Sebab kita ini ada masa ketikanya yang kita merajuk, yang kita kepingin hendak dipujuk, memang sesuai untuk si-suami melakukan sedemikian untuk mungkin memberi satu penghargaan, satu perasaan kasih sayang kepada seorang wanita. Bukan cara paksaan tetapi ada masa dan ketikanya wanita terpaksa menolak. Itu juga saya akan huraikan kemudian. Kalau Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad boleh bersabar sebab apa yang saya hendak sampaikan ini bertindik. Saya hendak ikut kepada perenggan-perenggan. Jadi, terima kasih atas perhatian. Saya sedar ini satu ejekan... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi apabila kita hendak melayan suami dan begitu jugalah melayan isteri, perlulah kita melakukan sebaik mungkin, secara kasih sayang, perasaan, mungkin sentuhan dan bisikan itu Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad lebih mengetahui. Saya rasa adalah tidak adil dan tidak patut apabila seorang isteri dipaksa untuk melakukan hubungan dalam keadaan keganasan tanpa menghiraukan perasaan isteri dan tanpa belas kasihan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya kes penganiayaan rogol oleh suami terhadap isteri adalah sesuatu yang mengaibkan dan kadangkala seorang isteri yang baru menjalani pembedahan bersalin telah dirogol oleh suami yang menyebabkan jahitan pembedahan pecah, isteri sering dipukul, dipaksa dan kemudian dirogol oleh suami. Tidak cukup dengan kelakuan seperti itu, suami pula menggunakan kata-kata yang lucu semasa melakukan hubungan yang tidak dipersetujui oleh isteri itu. Selain itu, suami melakukan kekerasan dan merogol isteri di bawah pengaruh alkohol, ketika dalam keadaan mabuk dan ada kalanya semasa isteri haid. Jadi, mungkin terjawablah sedikit di antara persoalan yang diluahkan oleh Yang Berhormat tadi. Ada juga kalanya apabila suami sudah terjangkit dengan penyakit-penyakit yang menjangkit seperti sifilis, HIV Aids dan tidak kurang pula kes-kes di mana isteri sedang sarat mengandung. Jadi yang saya sebutkan ini yang bersebab.

Penganiayaan dan keganasan terhadap isteri ini tidak hanya mempunyai kesan terhadap fizikal semata-mata malah yang lebih penting ialah terhadap mental dan perasaan isteri itu dan seterusnya ini akan menyebabkan kemurungan, stress dan tekanan kepada isteri. Oleh yang demikian, cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan 2004 mestilah dilihat mampu menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita seperti ini. Izinkan saya menyentuh beberapa seksyen yang terkandung di dalam cadangan ini.

Yang pertama ialah seksyen 375(f) – Rogol dengan keizinan dalam keadaan tertentu. Deskripsi rogol baru yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu (f), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

*"(f) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her"*

Adalah bertujuan untuk melindungi wanita yang memberi keizinan kepada hubungan seks tetapi keizinan itu diberi secara tidak rela. Contoh-contoh kesalahan rogol sedemikian yang semakin berleluasa ialah termasuk seperti berikut:

*(i) rogol oleh bomoh ke atas pelanggan wanita yang mempercayai nasihat palsu bomoh tersebut bahawa mereka akan sembuh daripada penyakit ataupun masalah peribadi mereka akan selesai sekiranya mereka melakukan hubungan seks dengan bomoh tersebut.*

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** 375(f) ini sebenarnya ia boleh disalahgunakan, *abuse*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, terutama kepada lelaki. Yang Berhormat bagi contoh pasal bomoh. Saya tidak tahu kalau maksudnya kita spesifik kepada bomoh sahaja sebab kalau hendak dijadikan contoh-contoh lain banyak seperti pembantu rumah, kadang-kadang dia sakit hati dengan kita sebagai majikan. Dengan adanya 375(f) ini, orang boleh gunakan segala-galanya untuk menganiayai orang lelaki sebenarnya. Saya takut *abuse* akan berlaku, dengan izin, terhadap fasal ini. Sebab saya ambil contoh tadi tentang pembantu rumah, kita tahu kalau pembantu rumah ini dia macam-macam perangai.

Jadi, saya bimbang, itu sahaja Yang Berhormat, sebab kita lihat dahulu macam kes antara Bill Clinton dengan Monica Lewinsky kalau tidak salah saya. Bila sudah jadi baru dia hendak letupkan, cerita tersebut. Akhirnya ini yang saya takut, menyalahgunakannya akan berlaku. Saya sebenarnya yang ini saya tidak berapa setuju. Kalau bomoh itu saya tidak tahu.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, sebenarnya memang banyak kes. Saya baru bermula dengan satu sahaja. Contohnya kes rogol juga telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan tadi. Pegawai polis terhadap tahanan wanita di dalam penjara yang di bawah kawalan Pegawai Polis itu sendiri juga boleh berlaku. Umpamanya rogol oleh majikan, kepada wanita di mana majikan tersebut diugut akan disingkir daripada jawatannya sekiranya wanita itu enggan ataupun tidak mahu melakukan seks dengan beliau.

Dan, jangan pula lupa kadang-kadang dalam kes umpamanya wanita yang terencat akal, yang kurang siuman, yang dijaga oleh orang tertentu dan juga diambil kesempatan. Dari sudut mengambil kesempatan ini, memang kita tidak boleh dinafikan itu akan berlaku. Itu sebabnya

perenggan (*f*) ini dimasukkan tetapi kita tahu bahwasanya kalaualah tuduhan sekarang ini dalam keadaan moden, keadaan sofistikated, DNA boleh di *check*, segala tuduhan itu dapat diperiksa oleh pihak-pihak yang tertentu, maka saya rasa penyalahgunaan lebih serius kepada wanita akan dianaya kalau dibandingkan kepada lelaki teraniaya.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, sedikit lagi penjelasannya Yang Berhormat. Saya bangkitkan ini Yang Berhormat, sekarang ini peredaran masa berlaku. Dahulu orang perempuan memang dia malu untuk memberitahu bahawa dia dirogol dan sebagainya tetapi sekarang ini ramai yang semakin berani, jadi saya takut dia gunakan ini. Dia kata dia dirogol oleh majikannya, tetapi sebenarnya tidak berlaku dan dia tidak malu pun. Kalau dia pergi mahkamah, keluar surat khabar dan sebagainya, dia mengatakan dia dirogol sebab sekarang ini orang dah berani, yang dipentingkan ialah dia dapat duit. Dia hendak gunakan ini sebagai ugutan untuk dapat duit.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya rasa Yang Berhormat amat silap di sana. Kes yang dilaporkan Yang Berhormat hanya 10%. Ada 90% lagi yang tidak berani untuk melaporkan kes-kes yang sebenarnya berlaku. Begitulah seriusnya masalah ini di dalam masyarakat kita. Jadi, kalau yang sekarang ini ramai tidak melapor, kenapa?. Sistem itu sendiri tidak *friendly*. Apabila kita menuduh seseorang itu merogol, pertama yang tertuduh itu pula seolah-olah jadi *victim*. Yang diperiksa habis-habisan bukan yang melakukannya, yang jadi mangsa. Mangsa itu pula dipersoalkan. Dia mestilah membuktikan, dia mestilah diperiksa di hospital, mestilah ada kesan mani, kesan itu semua sehingga kalau tidak cukup bukti, tidak bersabit kesalahan.

*The man who actually has done the job, is scot free.* Itu sebabnya wanita kadang-kadang biarlah dia menahan malu, keadaan yang berlaku sekarang ini cuma 10% yang melaporkan. 90% lagi yang berlaku ini tidak terlapor, itulah malangnya. Jadi, saya amat tertarik kepada peranan (*f*) di bawah seksyen 375 ini. Keizinan *consent* tidak harus dikelirukan dengan penyerahan ataupun *submission*. Ini kerana kedua-duanya berbeza seorang mangsa rogol dalam keadaan tertentu terdesak memberikan keizinan secara paksa dan tidak rela kerana si perogol mempunyai kuasa sama ada hubungan profesional ataupun hubungan amanah ke atas diri beliau.

Oleh itu, deskripsi rogol jenis ini amat perlu dimasukkan dalam kanun keseksaan. Namun demikian, saya turut berpendapat bahawa unsur penyalahgunaan kuasa haruslah dinyatakan dengan jelas kerana ini merupakan satu ciri utama kesalahan jenis ini. Oleh itu, saya mengesyorkan bahawa deskripsi berikut dapat dipertimbangkan dan diguna pakai, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

*“(f) with her consent, when the accused been a person in the position of trust power of authority or a person with whom the compliant is in a relationship of dependency abuses such position to obtain consent.”*

Ia sama tetapi, dia lebih kemas mungkin atau lebih spesifik seperti yang dikhuatirkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah Seksyen 375 dan 375(a). Kesalahan suami merogol isteri ataupun *marital rape*. Saya bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Pilihan bahawa satu kesalahan baru diwujudkan di bawah seksyen 375(a) iaitu, *husband causing hurt in order to have sexual intercourse*. Namun demikian, saya masih merayu supaya pengecualian *marital rape* tetap dimansuhkan dari seksyen 375 kerana ini adalah satu kesalahan yang serius. Dengan izin, *the present, the Penal Code - there is a provision that marital rape is not recognized as a crime*.

Hasil daripada kajian Pertubuhan *All Women Association* atau AWEM menunjukkan statistik yang amat mengejutkan. Antara tahun 2000 hingga 2002, 52% daripada golongan yang merupakan mangsa keganasan rumah tangga telah dipaksa supaya melakukan hubungan seks dengan suami mereka dan keganasan fizikal telah digunakan semasa hubungan tersebut dilakukan. Ini kajian dibuat dan ada bukti menunjukkan sehingga didapati 52% daripada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga. Selain daripada kecederaan fizikal, seorang wanita yang dirogol oleh suaminya kemungkinan besar akan mengalami tekanan emosi, psikologi yang teruk akibat keganasan dan pengkhianatan oleh suami sendiri yang dianggap melakukan sedemikian ke atas diri mereka.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Silakan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, adakah keadaan hari ini begitu serius suami merogol isteri sehingga kita kena mengadakan perkara pindaan ini? Sebab saya berpendapat bahawa kalaulah itu yang ada, itu satu-satunya isteri, tidak mungkin saya rasa. Kecualilah dia ada dua, tiga, empat, kemudian sepatutnya giliran dia nombor satu, tiba-tiba dia terpaksa pergi juga ke nombor empat, dia cepat-cepat rogol dan lepas itu pergi yang nombor satu... *[Ketawa]* Yang itu saya ingat mungkin lah. Tetapi kes-kes yang macam itu saya rasa tidak banyak. Jadi, saya tidak nampak keperluan sangatlah untuk kita masukkan hal *marital rape* ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, masalah yang di hadapan kita ialah satu masalah besar. Sungguhpun mungkin yang ada di dalam Dewan ini perkara ini tidak berlaku di antara Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, jadi sama juga seperti saya. Saya sampai tidak terbayang perkara sehina ini boleh berlaku dalam satu institusi keluarga. Itu anggapan kita, kerana kita mempunyai naluri yang halus, kita penyayang, kita tidak sangka bahwasanya ini boleh berlaku di luar sana. Tetapi realitinya berbeza. Ini yang kita mesti tahu. Kalau tidak saya rasa kementerian tidak akan bentangkan undang-undang ini. Kementerian tidak akan didesak oleh persatuan-persatuan sampai 70 persatuan dan pertubuhan yang duduk berhadapan dengan kementerian.

Ini kerana kes-kes yang diterima oleh persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan ini yang telah menunjukkan sehingga ada angka yang boleh mengatakan sekarang ini, sejak tahun 2000. Dalam masa dua tahun, 2000 kepada 2002, 52% daripada mangsa-mangsa ini dirogol oleh suaminya sendiri, bukan orang luar. Orang luar lain cerita lagi, jumlahnya berbeza lagi. Tetapi ini kita cerita tentang suami merogol isteri dan saya sudah sebut apa kes-kesnya. Semasa wanita itu haid, masa dia mengandung, masa dia dibedah. Adakah ini perikemanusiaan? Itu sebabnya perlindungan perlu dan kita adalah orang yang seharusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat, orang-orang yang matang, di mana wanita yang *helpless*, yang tidak terdaya di luar itu, menaruh harapan kepada kita untuk mencari satu peruntukan yang boleh melindungi mereka.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, Ialuan. Yang Berhormat, kita memang berasa dukacita dengan kes-kes rogol yang berlaku di negara kita, terutamanya pada anak-anak sekolah, anak-anak kecil dan sebagainya, yang dibunuhan dan sebagainya. Sebab itu, saya lebih suka melihat pertama, tentang definisi "rogol". Yang kedua, ialah hukuman itu. Sebab itu saya kadang-kadang, saya lebih suka hukuman itu lebih berat, sampai hukum bunuh kalau boleh ataupun rampas harta dan sebagainya. Ini saya tengok macam semakin diringankan.

Jadi sebab itu, yang soal *marital rape* ini, bagi saya itu lebih kepada satu perkara yang bukan menjadi isu yang besar, lebih kepada masalah-masalah yang lain sebenarnya. Sebab kalau yang ini, ada isteri Yang Berhormat, ini bukan tujuan saya untuk berjenaka, hendak cakap kotor dan sebagainya. Ada isteri, saya tidak tahu lah, mungkin kerana perkembangan semasa, terpengaruh dengan budaya barat, dia suruh suami gunakan gari, gunakan tali pinggang dan sebagainya. Itu isteri yang suruh, sampai cedera. Saya tidak tahu kenapa.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *yet to be proven* lah, siapa yang menyuruh siapa. *I am only listening to you but* saya rasa serahkan kepada jawatankuasa ataupun pihak yang berkuasalah terhadap keadaan ini. Tetapi saya ingin menjawab kepada apa yang dipersoalkan awal tadi oleh Yang Berhormat, iaitu ada sesetengah golongan lelaki yang menganggapkan bahawa seorang isteri adalah hak suami dan isteri wajib melayan kehendak suami termasuk kehendak seksual atas dasar agama. Akan tetapi, tiada sebarang agama yang menggalakkan mahupun membenarkan hubungan seks antara suami dengan isteri secara paksa dan tanpa kerelaan isteri.

Prinsip yang terpakai dan patut ditegakkan dalam hubungan antara suami isteri adalah keadilan. Prinsip keadilan ini boleh didapati dalam semua agama. Misalnya di bawah undang-undang syariah, penganiayaan suami terhadap isteri dianggap sebagai satu kesalahan *matrimonial*. Butir-butir kesalahan sedemikian terkandung dalam seksyen 127 dan 128 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 iaitu seperti berikut:

- (i) Seksyen 127 menganiayai isteri. Seseorang yang menganiayai isteri atau menipu harta isterinya adalah melakukan sesuatu kesalahan dan

hendaklah dihukum denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan penjara itu;

- (ii) Seksyen 128 tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri. Seseorang yang tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isterinya mengikut hukum syarak adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan penjara itu; dan
- (iii) hubungan seks secara paksa boleh dikatakan tergolong dalam kesalahan menganiaya isteri dan paling kurangnya tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri.

Selain itu dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, *“Tanda orang-orang yang bertakwa adalah orang yang berakhhlak mulia dan orang yang melayan isteri-isteri mereka dengan baik adalah orang yang paling berakhhlak mulia”*.

Oleh yang demikian, tidak ada dasar dari segi undang-undang syariah untuk mengatakan bahawa seorang suami berhak memaksa isteri beliau untuk melakukan hubungan seks tanpa keredaan isterinya. Pihak Parlimen harus peka kepada keperluan masyarakat khususnya golongan isteri yang dirogol oleh suami untuk mendapatkan perlindungan undang-undang yang sewajarnya. Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah seksyen....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Pohon laluan. Boleh saya pohon laluan?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sila, sila.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dan juga apa yang dicelah oleh rakan-rakan yang lain. Saya hendak tahu bahawa tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa suami merogol isteri boleh dianggap seperti isteri dalam keadaan haid, maka dikatakan suami merogol isteri. Tetapi pada pandangan saya, bila isteri dalam keadaan haid, yang kita tahu bahawa seseorang wanita bila dalam keadaan haid, dia tidak boleh memuncak kerana ianya akan mendatangkan kesan, boleh menyebabkan pelbagai penyakit kepada isteri.

Saya rasa, kalau kata suami mengehendaki perkhidmatan isteri semasa dalam haid, bererti ini bukan merogol, tetapi satu penderaan, penganiayaan yang dibuat oleh suami. Dalam rumah tangga, saya tidak nampak istilah merogol, suami merogol isteri ataupun isteri merogol suami kecuali di dalam keadaan-keadaan tertentu yang mana mungkin si isteri ini sudah mempunyai teman istimewa, teman yang lain dan rasa tidak langsung mempunyai nafsu kepada suami. Ini baru datang kes rogol. Maknanya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya agak tertarik dengan kegunaan istilah “perkhidmatan” berbanding dengan “layanan”.... [Ketawa] Saya tertarik juga. Yang Berhormat cukup halusi bahasa nampaknya. Sila.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana saya katakan tadi, maknanya bila kata suami merogol, kerana isteri dipaksa, dia ada pelbagai. Sekarang ini, yang hendak kita bincangkan ialah isteri teraniaya. Maknanya suami hendakkan sesuatu dalam keadaan mabuk, dia pukul isteri dan sebagainya hendakkan itu. Tetapi kalau suami paksa dalam keadaan kerana isteri tidak hendak memberikan perkhidmatan...

**Seorang Ahli:** Perkhidmatan lagi.

**Seorang Ahli:** Layanan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Layanan yang baik kepada suami....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus, dia bukan tidak bagus, bagus. Nyatakan kepada masyarakat, kadang-kadang ada layanan, kadang-kadang isteri rela beri perkhidmatan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, maknanya istilah kalau dia perlukan perkhidmatan isteri, itu dikatakan rogol ataupun sebenarnya kalau dipukul isteri ataupun dalam keadaan isteri yang baru bersalin, suami hendakkan juga perkhidmatan isteri, itu kah dikatakan rogol? Pada saya itu adalah penganiayaan. Kerana tidak berhati perutnya si suami itu, maka dia hendakkan benda itu walaupun isteri dalam keadaan sakit. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sebenarnya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang "perkhidmatan", kadang-kadang "layanan", kadang-kadang "benda" itu pula... [Ketawa] [Dewan gamat seketika]

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Saya rasa beliau telah menjelaskannya sebenarnya perbezaan di antara rogol dengan penganiayaan. Jadi tidak perlulah. Ini adalah pengertian. Walau macam mana pun, undang-undang ini adalah di hadapan kita dan kita semuanya berhak untuk membahaskannya, menyuarakan pandangan kita dan tujuan kita bukan menghina di antara lelaki atau perempuan.

Kita juga mahu dilihat di luar sana, sama ada sebagai seorang wanita, sebagai seorang bapa ataupun kaum bapa yang bertanggungjawab. Apabila kita sentuh tentang naluri ataupun bercerita tentang wanita, yang kita sebut ini sama ada dia ibu kita, sama ada dia isteri kita dan mungkin anak gadis kita akan melalui perkara-perkara seperti ini dijauhkan Allah kalau boleh, jangan. Tetapi dia tidak akan lari, suatu hari mungkin kita akan berhadapan dengan kes-kes seperti ini. Jadi kalaulah ia berlaku kepada anak gadis kita, perlukah tidak kita mahu melindungi anak kita. Perlukah kita mengharapkan ada satu perundangan yang khusus, yang boleh melindungi anak gadis kita.

Jadi kita tidak boleh *narrow*, terlalu sempit dalam pandangan kita. Tujuan kita ialah melindungi dan ini bukan bahan jenaka ataupun bahan untuk kita memperkecilkan. Di luar sana, ribuan wanita yang menjadi mangsa dalam keadaan senyap, dalam keadaan berdiam diri tetapi

dalam keadaan terseksa zahir dan batinnya. Jadi saya merayuh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat perkara di hadapan kita sebagai satu perkara yang serius dan memerlukan sokongan dan bantuan daripada semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah Seksyen 376 iaitu hukuman penjara minimum bagi kesalahan merogol.

Saya berpendapat bahawa hukuman minimum mandatori iaitu penjara lima tahun harus dikenakan secara amnya untuk menggambarkan betapa beratnya kesalahan ini. Sekiranya tidak, hukuman minimum mandatori dikenakan, ini bermakna seorang perogol mungkin dihukum penjara bagi tempoh sesingkat satu atau dua tahun ataupun kurang dari itu.

Iaitu hukuman yang lebih ringan daripada pencurian satu motosikal umpamanya. Seolah-olah tidak begitu berat dan itulah keadaannya sebelum pengenalan hukuman minimum ke atas kesalahan rogol ini dikemukakan. Jawatankuasa Pilihan juga telah mencadangkan bahawa orang yang telah disabit kesalahan jenayah seksual dikenakan kaunseling mandatori. Kajian menunjukkan bahawa pesalah-pesalah kes rogol tidak ingin memikul tanggungjawab bagi kesalahan mereka dan untuk mencapai peluang memulihkan akhlak yang lebih tinggi, lebih banyak masa diperlukan.

Hukuman penjara minimum lima tahun akan memberikan pesalah-pesalah tersebut tempoh kaunseling yang lebih lama dan ini kemungkinan besar akan meningkatkan kadar pemulihan akhlak yang lebih berhasil. Sebab utama Jawatankuasa Pilihan membuat cadangan untuk memansuhkan hukuman minimum mandatori ini adalah untuk mengelakkan masalah penjejasan kepentingan pesalah remaja yang dipenjarakan akibat hubungan seks secara suka sama suka.

Oleh itu saya mengesyorkan bahawa pengecualian bagi hukuman minimum mandatori dihadkan khusus kepada pesalah remaja dalam keadaan yang disebutkan dan bukan bagi semua pesalah. Kalau tidak, pesalah-pesalah dewasa juga akan terlepas dari hukuman yang seharusnya disabitkan dengan izin *if so, therefore the removal of the minimum sentence should apply only to the situation and not across the board*, dengan izin.

Perkara yang keempat yang ingin saya...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya, sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut kesalahan-kesalahan *juvenile* ini akan diberikan dan dilakukan *community service* dengan izin, khidmat masyarakat untuk apa kesalahan sekalipun sedangkan ada remaja ini kesalahannya ialah merogol, membunuh. Jadi Yang Berhormat bersetujukah maksudnya orang yang *juvenile* ini yang melakukan bunuh dan juga rogol ini melakukan khidmat masyarakat? Sepatutnya mereka ini dapat hukuman yang lebih berat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sebenarnya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ialah untuk meniadakan kalau saya betul dalam saya punya pengertian perundungan ini untuk meniadakan langsung ataupun mengetepikan peruntukan penjara lima tahun mandatori tetapi apa yang saya cadangkan, sebab di antara sebabnya ialah untuk supaya jangan kes-kes *juvenile* ataupun kes-kes remaja yang mana ada membuat kesalahan hubungan suka sama suka terpaksa di penjara selama lima tahun, saya rasa itulah tujuannya untuk mengelakkan.

Tetapi saya memberi cadangan supaya jangan sama sekali mengetepikan kesalahan rogol ini ataupun seksyen ini jangan dimansuhkan sama sekali sehingga pesalah dewasa pun akan menikmati daripada cadangan daripada jawatankuasa ini. Sepatutnya kita mengehadkan hanya kepada atau dikurangkan dia punya waktu dari lima tahun mungkin cuma dua tahun tetapi hanya kepada *juvenile*. Yang ditetapkan itu mestilah *across the board*. Itu maksud saya tadi. Jadi saya mengesyorkan bahawa pengecualian bagi hukuman minimum mandatori itu dihadkan khususnya hanya kepada pesalah remaja dalam keadaan tertentu dan bukan kepada semua pesalah. Lebih kurang *if so, therefore the removal of the minimum sentence should apply only to this situation and not across the board*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah keganasan rumah tangga ataupun *domestic violence*. Saya membaca cadangan yang dikemukakan *Joint Action Group* untuk mewujudkan keganasan baru iaitu keganasan rumah tangga kepada jawatankuasa. Saya juga turut kecewa atas kegagalan Jawatankuasa Pilihan untuk menerima cadangan kami supaya menjadi keganasan rumah tangga satu kesalahan baru di bawah kanun keseksaan. Keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan yang paling serius di Malaysia berdasarkan kekerapan dalam masyarakat kita. Adalah dianggarkan lebih kurang 39% daripada wanita Malaysia mengalami penderaan oleh suami atau teman lelaki mereka di mana penderaan tersebut berlaku di dalam rumah atau di kalangan keluarga iaitu di persekitaran yang seharusnya selamat dan dipenuhi dengan kasih sayang.

Akibat ketiadaan sebarang peruntukan yang menjadikan keganasan rumah tangga satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan ataupun Akta Keganasan Rumah Tangga, pihak polis yang terlibat dalam kes-kes sedemikian terpaksa membawa tuduhan ke atas pesalah di bawah peruntukan-peruntukan lain seperti mengakibatkan kecederaan dengan sengaja, dengan izin *voluntary causing hurt* di bawah seksyen 321, Kanun Keseksaan. Tuduhan mengakibatkan kecederaan dengan sengaja ataupun *voluntary causing hurt* di bawah seksyen Kanun Keseksaan adalah tidak sesuai bagi kes-kes keganasan rumah tangga atas sebab-sebab berikut. Maksud “*hurt*” di bawah seksyen 319 Kanun Keseksaan yang dinyatakan sebagai ‘*bodily pain, disease or infirmity*’ adalah terhad kepada kecederaan fizikal semata-mata dan ini langsung tidak mengambil kira kecederaan emosi dan psikologi yang serius dialami oleh mangsa akibat keganasan tersebut.

Kejadian keganasan rumah tangga lazimnya berlaku secara berulang kali bagi tempoh yang berpanjangan di mana mangsa mengalami penderaan fizikal, *verbal*, seksual, emosi dan psikologi secara bertubi-tubi dalam tempoh berbulan-bulan malah bertahun-tahun dalam sesetengah kes. Dengan itu hubungan di bawah tuduhan *voluntary causing hurt* yang dirangka khas untuk kejadian-kejadian persendirian dan berasingan ataupun *isolated case*. Sememangnya tidak setimpal dengan kesalahan keganasan rumah tangga. Hukuman bagi kesalahan *voluntary causing hurt* tidak mengambil kira faktor hubungan yang rapat antara pesalah dengan mangsa. Banyak negara lain yang telah pun mengiktiraf melalui undang-undang umpamanya *California Penal Code* bahawa kesalahan keganasan terhadap mangsa yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pesalah memerlukan pertimbangan khas dan haruslah diberikan hukuman yang lebih berat berdasarkan hukuman tersebut.

Cadangan *Joint Action Group* yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas turut melindungi mangsa-mangsa yang bukan ahli keluarga melalui talian darah tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan pesalah itu; *A person who ordinarily share a household with the other person*. Secara alternatif sekiranya cadangan jawatankuasa belum dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan kesalahan keganasan rumah tangga yang baru...

Maka saya ingin mencadangkan hukuman di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada berikut dalam kanun keseksaan haruslah dipertingkatkan dalam kes-kes keganasan rumah tangga:

- (i) Seksyen 323 – *Punishment for voluntary causing hurt*;
- (ii) Seksyen 325 – *Punishment for voluntary causing grievous hurt*;
- (iii) Seksyen 341 – *Punishment for wrongful restraint*;
- (iv) Seksyen 342 – *Punishment for wrongful confinement*;
- (v) Seksyen 350 – *Criminal force*;
- (vi) Seksyen 351 – *Assault*;
- (vii) Seksyen 426 – *Punishment for committing mischief*; dan
- (viii) Seksyen 506 – *Punishment for criminal intimidation*.

Tuan Yang di-Pertua, keganasan dan penganiayaan seksual terhadap kaum wanita akan menjadi batu penghalang dalam usaha mencapai kesaksamaan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat. Ia mengakibatkan kecederaan kepada fizikal, seksual dan psikologi terhadap golongan wanita. Ia juga adalah lambang kepada keruntuhan nilai peradaban dan ketamadunan manusia dan merupakan satu jenayah serta melanggar hak asasi manusia.

Oleh itu, setiap individu di mana sahaja mereka berada mesti tidak boleh bertoleransi tentang sebarang tindakan keganasan dan penganiayaan terhadap wanita. Dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Saripah Aminah kemudian Datuk Idris bin Buang, kemudian Haji Tajul Urus. Silakan Yang Berhormat.

#### **4.22 ptg.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berdiri membentangkan rang undang-undang selama lebih kurang dua jam sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes di mahkamah diadili dengan melihat merit kes dan bukan aspek teknikalnya. Ini mungkin menimbulkan tanda tanya bukankah sesuatu kes itu dihakimi berdasarkan bukti. Seorang teman bertanya, apa yang bermerit dan apa pula yang teknikalnya. Pengadilan kes di mahkamah secara umumnya tertakluk kepada dua aspek utama iaitu isu prosedur dan substantif.

Kepatuhan prosedur dengan mudah dapat difahami sebagai cara dan bagaimana sesuatu kes itu dipersembahkan kepada mahkamah dan substantif pula menjurus terhadap penilaian fakta dan pertimbangan undang-undang yang membentuk asas dan keterangan kes tersebut. Kedua-dua pendekatan tersebut diwarisi oleh kita melalui falsafah perundangan – *common law* dengan izin.

Salah satu falsafah utama *common law* ini ialah mewujudkan keterdugaan dalam undang-undang iaitu *predictability in law* agar apa yang dicapai ialah keterdugaan keadilan, *predictability of justice* dengan izin, yang boleh difahami oleh akal waras, *common sense* dengan izin oleh kebanyakan kita apabila mengadu nasib kepada sistem perundangan dan sistem pengadilan.

Usaha ke arah mewujudkan keterdugaan undang-undang tersebut telah diterjemahkan kepada penggubalan undang-undang yang bukan sahaja bersifat substantif malah menjangkau kepada kepatuhan prosedur.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah keterdugaan undang-undang telah mewujudkan prinsip anutan berdasarkan kes-kes terdahulu, '*stare devises*' dengan izin yang banyak membantu pengamal, penggubal dan pemutus undang-undang. Keterdugaan itu penting kerana sebagai pengamal undang-undang keterdugaan dan keadilan '*stair predictability*' of justice dengan izin ataupun keterdugaan ketidakadilan, *predictability of injustice* dengan izin, mesti mampu diandaikan untuk tujuan menasihat anak guam dan difahami oleh akal.

Sebagai contoh, kes 'Azahan bin Mohamad Aminullah' versus Pendakwa Raya tahun 2005 merupakan satu kes berkaitan dengan kesalahan jenayah rogol. Tertuduh telah dituduh di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol anak perempuannya yang berumur 15 tahun di sebuah ladang kelapa sawit pada tahun 1996. Pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan, tertuduh yang tidak diwakili, memohon bantuan guam dan perbicaraan telah ditangguhkan.

Pada tarikh pendengaran berikutnya, tertuduh memohon penangguhan lagi kerana peguam yang diperuntukkan kepadanya oleh Biro Bantuan Guaman, tidak hadir di mahkamah. Permohonan bagaimana pun telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen dari meneruskan perbicaraan tanpa tertuduh dibela oleh peguam. Dalam keterangan utamanya pengadu mendakwa bahawa tertuduh juga telah beberapa kali merogolnya sebelum kejadian pada tahun 1996.

Pada penutup kes pendakwaan, pertuduhan terhadap tertuduh dipinda berkaitan dengan waktu kejadian rogol tersebut sementara tiga pertuduhan baru telah juga dikemukakan terhadapnya mengenai kesalah serupa yang didakwa dilakukan masing-masing pada tahun 1996, 1994 dan 1991. Tertuduh kemudiannya dipanggil untuk membela diri dan beliau memilih untuk memberi keterangan dari kandang iaitu dakwaan rogol terhadapnya adalah direka oleh pengadu atas dorongan isterinya yang curang.

Kenyataan itu ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen sebagai penafian semata-mata dan tertuduh disabitkan di atas kesalahan keempat-empat pertuduhan itu dan dihukum penjara selama 18 tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan. Tertuduh kemudiannya merayu di Mahkamah Tinggi tetapi rayuannya ditolak oleh Yang Arif Hakim dan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen. Tertuduh kemudiannya merayu lagi di hadapan Hakim Mahkamah Rayuan.

Alasan utama rayuan perayu adalah bahawa beliau telah dituduh dan dibicarakan atas empat pertuduhan dalam satu perbicaraan. Di mana kesemua pertuduhan tersebut didakwa berlaku dalam tempoh lima tahun, sesuatu yang bertentangan dengan Seksyen 164(1) Kanun Prosedur Jenayah yang menyebabkan perbicaraan menjadi tidak sah. Dalam kes tersebut, Yang Amat Arif Hakim Gopal Sri Ram memutus bahawa kesilapan-kesilapan kritikal dalam perbicaraan tertuduh telah menyebabkan kegagalan atau salah laksana keadilan.

Sekali gus menjadikan sabitan terhadapnya tidak selamat. Ini juga merupakan satu kes yang penuh dengan kesilapan berat yang disebabkan oleh penyiasatan dan pendakwaan yang lemah dan memandangkan bahawa tertuduh telah pun terpenjara selama tujuh tahun, dan pertuduhan asal adalah berkaitan dengan kesalahan yang dikatakan dilakukan lapan tahun lalu maka perbicaraan semula untuk kes itu adalah tidak wajar.

Dalam satu kes lagi, Tuan Yang di-Pertua, Nasrul Anwar bin Abdul Samad *versus Public Prosecutor 2005*.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ya? Tertib mesyuarat.

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH EPRATURAN MESYUARAT 13(2)**

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa:

“Menurut Peraturan 13(2) perbahasan ke atas rang undang-undang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** 13 atau 17 Yang Berhormat?

**Dato' Joseph Salang Gandum:** “13(2), dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 ditangguhkan bagi memberi laluan kepada Usul Yang Berhormat Menteri Luar sebagaimana yang tertera sebagai nombor tiga di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas usul ini dibahas dan diputuskan, perbahasan ke atas kedua-dua rang undang-undang di atas disambung semula untuk diputuskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah kemukakan Usul.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**USUL MENTERI LUAR NEGERI****PENCEROBOHAN ISRAEL KE ATAS LUBNAN DAN PALESTIN**

**4.30 ptg.**

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 26(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

**BAHAWA** Dewan ingin mengambil maklum mengenai isu pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin serta menyelesaikan krisis Israel-Palestin yang semakin meruncing.

**BAHAWA** Dewan ini menekankan rejim Israel bertindak kejam dengan memperluaskan operasinya ke atas Lubnan dan Palestin. Apa yang berlaku di Lubnan dan Palestin bukanlah isu keagamaan tetapi jenayah kemanusiaan kerana menyerang orang awam termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua. Keadaan ini bertambah parah apabila Israel tidak menghiraukan kritikan antarabangsa dan terus melakukan pemusnahan termasuklah mengebom Pos Pemantauan PBB di Wilayah Lubnan oleh tentera Israel.

**BAHAWA** Malaysia mengutuk di atas kezaliman, keganasan dan pemusnahan yang dilakukan oleh rejim Israel ke atas rakyat Lubnan dan Palestin yang mengakibatkan ramai kehilangan tempat tinggal, kerosakan infrastruktur dan kematian.

**DENGAN INI** mengambil ketetapan seperti berikut:

- (i) menggesa semua pihak untuk tidak mengambil tindakan melulu bagi mengelakkan ramai orang awam, kanak-kanak, wanita dan orang tua menjadi mangsa di dalam kancah pererangan ini. Ianya telah mengakibatkan banyak kemusnahan harta benda dan infrastruktur dan meminta semua pihak agar tidak mengambil tindakan yang membolehkan keadaan kemanusiaan berada di tahap yang lebih rumit dan penuh penderitaan;
- (ii) mengutuk dan mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan Israel yang terus melakukan pencerobohan di Lubnan dan Palestin dan mengakibatkan ramai rakyat orang awam termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua terbunuh dan hilang tempat perlindungan;
- (iii) meminta agar satu gencatan senjata dapat diadakan dengan serta-merta dan meminta komuniti antarabangsa dan Majlis Keselamatan PBB serta pihak-pihak yang terlibat mematuhi gencatan tersebut di bawah perhatian PBB;
- (iv) mendesak agar pihak-pihak yang terlibat menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah serta kemerdekaan Lubnan di bawah kuat kuasa Kerajaan Lubnan seperti yang termaktub di bawah Majlis Keselamatan Resolusi PBB 1664 dan 1680; dan
- (v) mendesak Israel dan Palestin untuk kembali kepada proses damai menurut pelaksanaan seperti yang di garis oleh "*Quartet Performance-Based Roadmap*" kepada "*Permanent Two State Solution*" terhadap konflik Israel-Palestin seperti yang di garis di bawah Resolusi 1515 Majlis Keselamatan PBB.

Dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul seperti mana dicadangkan yang dibawa atas nama Yang Berhormat Menteri Luar dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar tadi dibuka untuk di bahas dan kerana Dewan dalam proses membahaskan. Sila duduk Yang Berhormat bila saya bercakap. Juga perkara-perkara yang cukup penting kepada masyarakat kita, kini kita ada dua perkara di

hadapan kita yang hendak dibahaskan. Maka saya akan mengehadkan masa supaya kita dapat balik semula untuk terus membahaskan rang undang-undang tadi.

Saya lihat banyak pihak yang bangun tadi untuk berucap dalam perkara ini. Saya akan membenarkan tidak lebih 10 minit bagi tiap-tiap seorang sebelum mengemukakan Usul ini untuk diputuskan dan kemudian kembali kita membahaskan rang undang-undang tadi.

Silakan, Yang Berhormat Tuan Tajul Urus.

Selepas itu Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, kemudian itu Yang Berhormat Puan Mumtaz dan selepas itu Yang Berhormat Tuan M. Munusamy. Jangan lupa, kalau saya sudah beri peluang sekarang mungkin terjejas peluang di bawah. Saya akan mengutamakan yang tidak bercakap di bawah rang undang-undang, maka Yang Berhormat buatlah pilihan.

#### **4.38 ptg.**

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Usul yang baru dibawa oleh Menteri Luar tadi. Saya memanjatkan kesyukuran kepada *Allah SWT* kerana telah mengizinkan kita untuk bersetuju untuk menyokong usul Palestin pada 27 Julai 2006 ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun puluhan rakyat Palestin telah dibunuhi, seluruh penduduk Gaza dinafikan bekalan air, elektrik dan keperluan harian, reaksi kebanyakan negara terhadap krisis kemanusiaan yang sangat genting ini amat dingin khususnya daripada negara-negara Arab dan negara Islam sendiri. Ini menambah lagi kekecewaan dan kemarahan para pejuang Hizbulah apatah lagi banyak penyokong dan aktivisnya sendiri masih terkurung di penjara-penjara Israel.

Harus diingat penahanan tanpa bicara terhadap ratusan rakyat Palestin dan Lebanon oleh Israel adalah bercanggah dengan Konvensyen Ke-4 Geneva berhubung dengan hak asasi manusia. Mereka adalah sebahagian daripada kira-kira 10,000 tahanan politik termasuk sekurang-kurangnya 400 wanita dan kanak-kanak yang masih meringkuk dalam penjara Israel semata-mata kerana mereka menentang pencerobohan dan rampasan tanah air mereka.

Tuan Yang di-Pertua, penganalisis berhujah bahawa penderitaan tidak terhingga rakyat Palestin khususnya di Gaza akibat keganasan melampaui batas tentera rejim Zionis itu menjadi pendorong kepada Hizbulah untuk bertindak. Tentera Israel menurut seorang ahli akademik Israel dahagakan pererangan kerana itulah alasan tawanannya dua rakyat askar mereka oleh Hizbulah telah dijadikan alasan untuk menghancurkan Lebanon. Beratus-ratus orang kebanyakan kanak-kanak telah terbunuhi, lapangan terbang Beirut dibom, jalan raya, jambatan dan stesen jana kuasa dimusnahkan. Kediaman penduduk dijadikan sasaran serangan dan sekatan ke atas Lebanon dikenakan menerusi laut, darat dan udara.

Jelaslah Tel Aviv adalah penceroboh dan penganas. Motif jahatnya ialah untuk menghapuskan Hizbulah yang menjadi matlamat sejak sekian lama tetapi sehingga hari ini masih gagal. Negara Israel adalah sebuah negara yang ganas dan semakin menganas kerana

ibu mereka Amerika Syarikat juga adalah sebuah negara pengganas menyokong keganasan rejim Zionis ini. Amerika Syarikat lah yang telah menjual senjata kepada Israel menjadikan Israel hari ini adalah negara pembunuhan manusia yang terbanyak di dunia ini dengan penuh kezaliman atas sokongan daripada Amerika.

Di saat inilah entah berapa ramai rakyat Islam yang mati dibunuh oleh rejim Zionis, janji Allah kepada orang Islam ialah kemenangan tetapi bagaimanakah kita ingin mencapai kemenangan itu kerana kemenangan tidak boleh datang secara bergolek. Maka dengan ini bangkitlah wahai umat Islam. Di sini, Malaysia selaku Pengerusi OIC yang disegani boleh memainkan peranan yang relevan dalam menyatukan secara kolektif suara negara-negara Islam bagi mendesak Israel untuk meletakkan senjata dan menghormati perjanjian antarabangsa yang telah mereka ingkari, Insya-Allah. Dengan itu saya menyokong usul yang dibawa.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat cukup prihatin terhadap masa mungkin saya benarkan bila kita bahas.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diberi penghormatan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Dr. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya terlebih dahulu ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membawa usul yang sebegini penting di Dewan yang mulia ini sebenarnya. Bahkan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengambil inisiatif untuk melobi PBB supaya mengadakan persidangan khas iaitu yang pertama ialah untuk menuntut supaya berlaku gencatan senjata.

Yang kedua mestilah berlaku pertukaran tahanan-tahanan yang menjadi isu utama kenapa Israel melakukan serangan dan penjajahan terhadap Lebanon. Kita mengucapkan jutaan terima kasih ini kerana kerajaan mempunyai sikap yang prihatin bahawa apa juga yang dilakukan oleh Israel yang melakukan keganasan bukan sahaja kepada Palestin tetapi kepada manusia yang ada di Lebanon itu sebagai satu perbuatan yang cukup zalim. Tindakan kerajaan ini membuktikan bahawa kita menyokong perjuangan keamanan sejagat yang melampaui batas agama, batas kaum, batas etnik bahkan batas sempadan antara negara. Sebab itulah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah ulang lagi sekali lagi perjuangan, keamanan sejagat dan seterusnya?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Iaitu Malaysia membuktikan bahawa apabila kita membawa usul di Dewan Negara ini dengan melobi PBB dan sebagainya membuktikan bahawa

Malaysia mendukung perjuangan keamanan sejagat yang melampaui batas agama, batas kaum, batas etnik dan juga batas sempadan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menghubungi sendiri Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan bahkan beliau juga telah melobi kepada lima buah negara yang menjadi anggota Majlis Keselamatan PBB bahkan beliau juga telah menghubungi Perdana Menteri China, Perdana Menteri Kanada, untuk sama-sama menjayakan supaya berlakunya persidangan khas ini untuk menghentikan kezaliman rejim Zionis Israel ini terhadap umat manusia yang ada di Palestin dan juga di Lebanon.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini cukup genaplah 16 hari serangan tentera Zionis terhadap Lebanon ini dan hari ini juga kita melihat dan kita difahamkan bahawa Condoleezza Rice...

**Tuan Yang di-Pertua:** Condoleezza...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Condoleezza Rice datang ke negara kita untuk apa? Sedangkan kita melihat pengeboman terus berlaku dan berleluasa di Lebanon. Kita melihat bagaimana orang awam dibunuh, jambatan di bom, lapangan terbang di bom, sekolah hospital dan sebagainya juga dimusnahkan oleh mereka. Kenapa ini tidak dapat diberhentikan dengan segera? Tidak ada satu rasa perikemanusiaan langsung kepada rejim Zionis ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itulah kita tidak boleh melupakan apa yang telah dilakukan oleh tentera Zionis ini di Shabra dan Shatila sebagai contohnya. Hampir tiga 3,000 orang yang terkorban dan pada hari ini kita melihat mereka meneruskan kezaliman itu. Mereka telah menangkap lebih kurang lapan anggota kabinet Hamas, sebuah kerajaan yang dipilih secara demokratik. Mereka telah menawan sepuluh menteri Hamas dan 20 anggota Hamas dan ini cukup menyediakan kita termasuklah Timbalan Perdana Menteri Hamas, Palestin juga ditangkap. Tidakkah ini satu kekejaman yang cukup jelas yang dilakukan oleh rejim Zionis ini? Dan kemudian kita lihat sekarang ini mereka melakukan operasi yang begitu jauh masuk ke kawasan Lebanon ini dengan melakukan serangan-serangan yang tidak berperikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat dari segi sejarah kelahiran Palestin ini sendiri sebagai satu paksaan sebenarnya iaitu kawasan orang Palestin diambil untuk menubuhkan sebuah kerajaan rejim Zionis Israel ini. Jadi apakah mereka orang Palestin ini tidak mempunyai hak untuk memperjuangkan untuk membebaskan negara mereka? Untuk memperjuangkan untuk mempertahankan negara mereka? Inilah yang mengecewakan kita semua. Inilah yang menyebabkan kita mestilah menuntut, menyokong usul yang dibawa oleh kerajaan kita ini iaitu mengutuk tindakan ini dan mestilah PBB mencari penyelesaian yang segera untuk mewujudkan kedamaian ini iaitu menghentikan serangan Israel terhadap Lebanon ini - mewujudkan gencatan senjata dan kembali berunding antara pihak-pihak yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini adalah masalah akibat daripada tindakan Israel sendiri. Israel mempunyai sikap logik yang begitu sukar. Mereka menolak kerajaan Hamas yang

dilantik secara demokratik. Mereka sebenarnya adalah orang yang tidak boleh menerima kewujudan kerajaan Hamas ini. Sebab itulah mereka walaupun terpaksa mencari satu isu yang kecil seperti kehilangan dua anggota tenteranya yang ditawan oleh Hizbullah dan satu pula yang ditawan oleh kumpulan pejuang daripada Palestin. Maka mereka menjadikan ini sebagai asas sebenarnya untuk menyerang sama ada Palestin ataupun untuk menyerang Lebanon.

Ini juga berpunca daripada sikap Amerika sendiri yang memberikan lampu hijau kepada tentera Zionis rejim Israel ini. Bahkan kita dukacita kerana Amerika dari dulu hingga sekarang, dari sejak PBB ditubuhkan menggunakan kuasa veto untuk mempertahankan Israel ini. Sebab itulah masalah ini tidak boleh diselesaikan. Sebab itu kita tidak lagi boleh bergantung kepada standard keamanan yang diletakkan dan ditentukan oleh Amerika ini kerana standard mereka itu adalah standard untuk mewujudkan ketidakstabilan, kedua untuk mewujudkan ciri-ciri yang tidak beretika ataupun apa yang dikatakan sebagai pemusnah kepada *human rights* itu sendiri dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan berat sebelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat memberi peluang pula kepada kawan-kawan dalam Dewan untuk mengemukakan pandangan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua dua minit lagi. Sebagai contohnya dalam isu nuklear, Amerika mengatakan kepada India mereka boleh meneruskan aktiviti nuklear mereka. Alasan Amerika ialah kerana India tidak terlibat tidak menjadi anggota kepada negara-negara nuklear tetapi negara-negara seperti North Korea ataupun Iran mereka memberi tekanan atas alasan mereka adalah anggota. Inilah standard yang digunakan oleh Amerika. Takrif keganasan ialah bahawa apa yang dilakukan oleh Israel tidak ganas tetapi yang dilakukan oleh pejuang-pejuang Palestin untuk membebaskan negara mereka dianggap sebagai pengganas.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita menuntut supaya PBB menyegerakan persidangan khas ini dan kita menuntut supaya resolusi Majlis Keselamatan PBB 1664 dan juga 1680 mestи dihormati oleh semua pihak. Tuan Yang di-Pertua saya menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz binti Md Nawi.

#### **4.50 ptg.**

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Tuan M. Munusamy.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** *Alhamdulillah*, usul ini dibawa juga ke Dewan Negara. Ini menunjukkan kepekaan negara kita dalam menghadapi keadaan genting dan semasa, kerana ini menunjukkan bahawa walaupun kita berada jauh daripada negara Palestin dan Lubnan tetapi atas dasar kemanusiaan, kita turut sama merasakan penderitaan yang dialami oleh mereka dan anak-anak mereka yang berada di sana. Penderitaan ini telah dialami oleh rakyat Lubnan dan Palestin tanpa kesalahan yang mereka lakukan setelah pihak Barat dan pihak Amerika telah

secara sedar membuat serangan ekonomi dan serangan minda sehingga berjaya melemahkan jiwa dan nurani kebanyakan manusia di dunia.

Mereka kemudiannya pula menukar taktik dengan menyokong gerakan daripada Israel untuk membunuh dan meruntuhkan segala kehidupan rakyat Palestin dan Lubnan. Jadi perbuatan ini adalah perbuatan yang tidak dapat kita maafkan. Selaku itu daripada forum dan kuorum di Dewan Negara ini, saya dengan itu menyokong usul daripada kerajaan untuk mengutuk perbuatan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Israel ke atas Lubnan dan Palestin. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan M. Munusamy, kemudian Dato' Dr. Norraesah, Dato' Haji Idris, kemudian Dato' Rhina Bhar, kemudian Datuk Hajah Azizah. Sila.

#### 4.51 ptg.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berucap dalam usul. Derita rakyat Palestin dan Lubnan hari ini adalah satu jenayah politik yang harus dihentikan oleh Israel secepat mungkin. Israel, satu-satunya negara dalam dunia yang tidak menghiraukan sebarang undang-undang antarabangsa dan kritikan antarabangsa harus dihentikan daripada bermaharajalela di bumi Palestin dan selatan Lubnan. Masyarakat dunia harus bersatu padu mengecam keras keangkuhan Rejim Zionis ini kerana kalau tidak dikawal, konflik ini boleh menghancurkan Asia Barat dengan penglibatan negara-negara lain.

Setakat ini kuasa-kuasa besar terutama Amerika Syarikat tidak menyatakan komitmen untuk menyelesaikan sengketa. Pihak Amerika memang mengharapkan kegagalan Kerajaan Hamas kerana berpendapat bahawa Kerajaan Hamas memang tidak berupaya mewujudkan keamanan di Asia Barat, malah tidak bersedia untuk berdamai. Sikap angkuh seterusnya membawa kepada hujah mereka supaya Kerajaan Hamas tidak seharusnya dibantu oleh masyarakat antarabangsa dan seharusnya dipulaukan. Maka tidak hairanlah tanggapan pihak Israel untuk mengadakan gencatan senjata dengan pihak Hizbullah dan tuduhan melulu terhadap peranan Iran dan Syria dalam sengketa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah suara masyarakat antarabangsa? Berapa ramai lagi rakyat Palestin dan Lubnan harus mati dibunuh, terkorban sebelum kita sedar generasi terbesar dalam sejarah manusia berlaku di depan mata kita, manakala pertubuhan-pertubuhan antarabangsa berbicara mengenai masa depan negara Palestin. Dalam dunia *realism* hari ini dengan satu kuasa besar Amerika, masyarakat antarabangsa hanya mampu menconteng beberapa ayat dalam media antarabangsa, manakala Amerika berkuasa, bermaharajalela, menghakis, menghancur dan menguburkan suatu bangsa iaitu bangsa Palestin yang hanya menuntut hak asasi mereka untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat di atas tanah mereka yang dirampas daripada mereka pada tahun 1948.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, NAM dan OIC sudah tentu membantah sekeras-kerasnya tindakan Israel ini dan kita bertanggungjawab bukan sahaja sebagai penggerusi pertubuhan-pertubuhan tersebut. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita melaungkan harapannya supaya ASEAN tidak bertolak ansur dengan perlakuan dan penindasan rakyat Palestin oleh Israel dan mengutuk tindakan Israel yang menggunakan kuasa keterlaluan di Gaza dan di Tebing Barat.

Bagi saya dan juga Parti MIC, ini bukanlah soal orang Islam atau bukan Islam. Soal Palestin adalah soal masyarakat dunia sejagat. Kalau kita tidak mengambil tindakan sekarang, seolah-olah adakah kita layak dipanggil sebagai sebuah masyarakat dunia. Bila di satu sudut dunia orang dibunuh kerana dia berbangsa Palestin, apakah *moral judgment* kita sebagai masyarakat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru sebagai Ahli Parlimen untuk Dewan yang mulia ini mengambil langkah berani dalam usaha mendesak setiap pertubuhan antara Parlimen-Parlimen di dunia untuk mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kolot dan *barbarian*, dengan izin, Rejim Zionis demi menyelamatkan Palestin dari kehancuran. Dengan kata-kata ini saya dan masyarakat India dalam negara ini menentang sekeras-kerasnya kekejaman yang berlaku di Palestin dan di Lubnan. Dengan itu, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Dr. Norraesah, kemudian Dato Haji Idris, kemudian Dato' Rhina Bhar.

#### **4.56 ptg.**

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk membahas usul yang amat penting untuk keamanan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Israel merupakan satu negara yang kecil sahaja tetapi menunjukkan gah dan kuasa *military* nya yang begitu besar dan menjadi satu kumpulan *terrorist* yang amat-amat besar atau terbesar di dunia ini. Sungguhpun kita tidak dapat meyakinkan PBB untuk menerima *state terrorism* itu adalah sesuatu yang amat penting yang sebenarnya mengugat keamanan negara dunia itu, tetapi pada hari ini kita harus bersuara dengan tegas bahawa tidak ada jalan yang lain bagi PBB melainkan untuk mencari keamanan yang berlanjutan dan berpanjangan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap tindakan Israel.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dahulu bermakna konsep *state terrorism* itu tidak begitu jelas dalam pemikiran banyak orang, hari ini melihat di kaca TV dan sebagainya, jelaslah apa maksudnya *state terrorism* itu. Adakah itu, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Itu yang dimaksudkan. Ianya amat jelas, amat ketara dan amat terpapar pada pandangan kita semua. Maka tidak ada jalan lain bagi Amerika Syarikat iaitu mereka yang memberikan apa yang saya kata, dengan izin, *unequivocal support* terhadap Israel. Jadi kekuatan Israel itu seperti yang kita semua mengetahui adalah datangnya daripada *support* yang diberikan oleh Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, PBB tidak mempunyai suara yang begitu kuat pada pandangan saya. Hanya Amerika Syarikat yang dapat menidakkan ataupun memberi arahan dengan secara terang ataupun tidak terang supaya Israel memberhentikan segala pencerobohan dan keganasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ungkapan bahasa Perancis, tindakan yang diambil oleh Amerika Syarikat dan juga Israel yang begitu ketara bolehlah dianggap sebagai apa yang dikatakan sebagai "*gigantism military*" iaitu dalam erti kata lain ianya adalah satu ungkapan yang menunjukkan bahawa skala *military* dan cita-cita *military* Israel adalah dalam bentuk ataupun dalam aspek, dalam keadaan *pathologic* ia merupakan satu organisma yang begitu membesar dan ianya menyebabkan organisma itu sakit.

Sekarang ini Israel adalah dalam keadaan yang sakit, dalam keadaan gila-gila sebab tidak ada lagi perikemanusiaan, tidak ada lagi *passion* dan *compassion* untuk menentukan bahawa nyawa yang tidak berdosa itu tidak akan terbunu. Tetapi sekarang ini segala bentuk keganasan diarahkan bukan kepada *targets* ataupun sasaran-sasaran *military* tetapi kepada sasaran publik ataupun awam. Maka inilah sesuatu yang amat menggerunkan kita semua. Keamanan yang tidak dapat dicapai di Middle East ataupun di Asia Barat akan membawa kesan dan impak yang amat negatif kepada seluruh dunia. Kalau...  
...

**Tuan Pengerusi:** Saya pernah dengar seorang jeneral dari sebuah negara menyatakan ungkapan "*military option will never put right political and strategic blunders*". Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam Dewan ini tentu sekali bersetuju dengan pandangan itu, tetapi apakah kita ini mempunyai daya untuk memberhentikan tindakan *military* yang tidak akan mencapai apa jua penyelesaian kepada keruncungan yang sedemikian meningkat.

Tetapi *the power of the world* dengan izin iaitu Amerika Syarikat mempunyai keupayaan itu dan kita merayu, kita mendesak kepada Madam Rice yang datang ke negara kita ini supaya mereka melihat bahawa negara Malaysia satu negara yang moderat, negara Islam yang moderat. Ini juga sekarang tidak dapat lagi menahan segala perasaannya untuk menentang dengan sekeras-kerasnya tindakan kezaliman yang diambil oleh Israel terhadap Lubnan dan Palestin.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong segala Usul yang dibentangkan dan saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh kawan-kawan saya tadi dan saya menyokong dengan sekuat-kuat mungkin Usul ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Dato' Haji Idris.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama-sama rakan-rakan yang telah memberi pandangan masing-masing untuk menyokong Usul ini. Saya ingin menambah sedikit tentang apa yang boleh saya istilahkan sebagai dengan izin, *the rape of the Palestinian people, in occasion of Lebanon* dan *terrorism* yang paling nyata

telah dilakukan oleh Israel. Kalau saya boleh istilahkan Israel ini sebagai seekor serigala yang dijinakkan dan diberi makan, dilatih untuk menyerang dan membunuh oleh Amerika Syarikat sampai ianya tidak dapat mengawal diri sendiri.

Bagaimanakah pihak Palestin dan juga Lebanon dapat membela diri? Dunia tahu mereka ini lemah tanpa senjata yang moden. Seperti mana yang kita tahu pihak Palestin hanya boleh membaling batu. Dengan adanya Hizbullah yang kita tahu mereka pun lemah. Jadi, saya rasa yang boleh menahan serigala ini daripada menyerang berterusan ialah Amerika Syarikat. Dan Amerika Syarikat tidak boleh menafikan pandangan dunia iaitu peranan Amerika Syarikat begitu ketara dalam menyokong Israel berabad-abad sudah. Mereka boleh kita istilahkan sebagai bersubahat dengan apa yang telah dilakukan oleh Israel.

Saya pun ada membaca satu majalah antarabangsa yang setakat ini Perdana Menteri Israel, Datuk Ehud Olmert sebenarnya mencari nama, ingin hendak menempah nama di kalangan rakyatnya. Rakyatnya menuduh dia lemah sebagai seorang yang telah menjadi Datuk Bandar Jerusalem, beliau berada di *the right place, at the right time* dengan izin hingga menjadi Perdana Menteri bila Sharon jatuh sakit dan ramai yang musuh politik beliau memerlukan beliau kerana tidak mempunyai kewibawaan untuk menjadi Perdana Menteri.

Maka ada tuduhan mengatakan Perdana Menteri Israel ini menunjuk dan dengan desakan beberapa orang Jeneral beliau, maka terjadilah *terrorism* ini. Beberapa minggu yang lalu telah tercatat di dalam majalah tersebut, beliau pernah berkata beliau tidak peduli sama ada orang-orang Palestin, orang-orang di Gaza akan menderita atau tidak. Saluran elektrik, air dan sebagainya di padam, ditutup dan dihentikan dengan sengaja. Malah, serangan demi serangan dibuat dan juga penangkapan terhadap orang-orang tertentu termasuk menteri-menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen Palestin dibuat berterusan hinggalah berlakunya satu peristiwa yang menjadi sebab kecil sahaja untuk mereka mencetuskan peperangan.

Dan ini saya rasa satu tindakan yang begitu hipokrit, yang begitu kejam dan yang begitu angkuh. Satu *atrocity* yang tidak dapat di ampun. PBB harus menekankan pada Amerika Syarikat untuk membawa Israel ini ke pengadilan antarabangsa sebagai penjenayah ke atas manusia itu sendiri. Bagaimanakah kita hendak menegakkan *global justice*? Siapakah jadi penghulu kita? Kalau Amerika lah menjadi penghulu kita, tidak dapat saya terima sama ada kita dapat mencapai kepuasan di dalam keadilan. Saya rasa Amerika harus memberi, menunjuk kepada masyarakat dunia tentang betapa jujurnya terhadap masyarakat dunia, beliau boleh menahan serigala itu daripada menyerang.

Mereka boleh mempertahankan orang-orang yang menderita seperti orang di Gaza dan orang di Palestin dan Lebanon itu daripada lebih menderita lagi dengan masuk campur untuk memberhentikan kekejaman ini. Saya rasa, saya ingin memberi tahniah dan syabas kepada Kementerian Luar Negeri kerana telah membawa Usul ini dan syabas kepada kerajaan Malaysia kerana sama bercampur untuk mendesak gencatan senjata dibuat serta-merta. Tidak ada masa

untuk dilengah-lengahkan lagi. Sekian, dengan ini saya menyokong usul ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Dato' Dato' Rhina Bhar. Lepas itu Datuk Haji Roslan.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahas Usul yang dibawa oleh Kementerian Luar Negeri yang mengutuk tindakan Israel yang menceroboh dua negara yang bermaruah dan berdaulat iaitu Lebanon dan Palestin. Bukankah manusia dilahirkan di muka bumi ini sebagai satu bangsa dan satu keturunan? Bukankah kita manusia berjanji untuk hidup memakmurkan muka bumi ini? Tetapi, mengapa kita masih boleh melihat ada golongan yang terus menceroboh dan menyerang negara lain tanpa mengenal erti kasih dan sayang sesama manusia.

Apakah golongan ini sudah tidak mengaku bahawa mereka juga adalah makhluk yang sama dengan orang yang mereka serang dan bunuh atau mereka ini sudah menjadi makhluk yang lain dari manusia. Mungkin boleh saya katakan mereka ini sebagai binatang. Maka, marilah kita sama-sama merayu untuk mereka menyedari bahawa diri mereka adalah juga manusia dan jangan hidup untuk menzalimi sesama manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Usul dan duduk, saya akan mengambil kesempatan untuk menjelaskan apa telah terjadi pada tengah hari ini. Saya ingin menerangkan bahawa apa yang saya maksudkan diskriminasi adalah ditujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana tidak memberi laluan kepada saya, walhal Yang Berhormat memberi laluan kepada Yang Berhormat lain. Saya memahami Peraturan Mesyuarat bukannya saya tujuan kepada Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati dan saya akur kepada prosiding.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul. Terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat. Banyak orang sokong Yang Berhormat ini. Popular Yang Berhormat ini. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan kemudian Datuk Hajah Azizah.

#### **5.10 ptg.**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong....

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Datin Paduka Nor Hayati.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** ...Usul yang telah dibawa oleh Kementerian Luar Negeri dalam membawa Usul pencerobohan yang sedang berlaku di Lubnan dan Palestin oleh rejim Israel ini yang merupakan isu ini bukan lagi isu keagamaan. Ianya sebagaimana yang dikatakan ialah merupakan satu isu jenayah kemanusiaan. Pencerobohan dan serangan ini sudah menjadi-jadi sehingga tidak langsung peduli ke atas bantahan negara-negara lain. Serangan yang berlaku sejak 12 Julai dahulu bertubi-tubi ini telah mengorbankan bukan sahaja harta benda, tetapi nyawa orang-orang awam yang tidak berdosa termasuklah kanak-kanak,

wanita dan orang tua. Malah pengebom termasuk kepada Pos Pemantauan PBB di wilayah Lebanon sehingga terkorban empat anggota PBB.

Saya menyokong penuh di atas kesedaran yang diambil dan keinsafan yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia untuk mengutuk Israel dengan sekeras-kerasnya di atas keganasan, kezaliman serta pemusnahan yang berlaku oleh rejim Israel ke atas rakyat Lubnan dan Palestin yang mengakibatkan ramai yang tidak berdosa kehilangan tempat tinggal, kerosakan infrastruktur dan kemudahan asas, serta kematian. Kita sedih dengan drama kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Britain dan Perancis yang langsung tidak peduli tentang kekejaman ini. PBB tidak dengan cepatnya mengambil tindakan untuk menyekat kezaliman ini.

Perkataan "*might is right*" dengan izin telah berleluasa dengan meluasnya di kalangan kuasa-kuasa besar hanya apabila empat anggota PBB terkorban barulah mula pihak PBB tergesa-gesa mengutuk Israel di atas pencerobohan ini. Kita sering dengar kuasa-kuasa besar yang meminta dunia memerangi keganasan dan sering dikaitkan dengan negara-negara orang Islam tapi apa yang berlaku sekarang ialah adakah ianya merupakan pencerobohan ini. Bukankah ia merupakan satu keganasan juga. Dengan satu suara mereka ini meminta dunia memerangi keganasan, satu suara lagi ianya membekal alat-alat keganasan kepada Israel.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang lidah bercabang seperti ini sudah tentulah dilaknat oleh Allah S.W.T. kalau dipandang dari segi sejarah, patutlah ada di antara manusia dalam dunia ini yang begitu benci kepada kaum ini sehingga satu ketika dahulu yang mengorbankan begitu ramai penganut fahaman ini. Saya tidak berniat untuk menimbulkan apa-apa reaksi keagamaan dalam Dewan yang mulia hari ini. Tetapi sebagai orang Islam saya tidak boleh lari daripada mengutuk kekejaman yang tak terlarang oleh rejim Israel ini oleh kuasa-kuasa besar.

Dengan keadaan sekarang ini gencatan senjata perlulah disegerakan oleh pihak yang terbabit. Meminta segera Majlis Keselamatan PBB serta yang terlibat mematuhi gencatan senjata dan meminta pihak PBB memainkan peranannya yang sebenar agar dipandang tidak berat sebelah. Agar integriti PBB dapat dihormati.

Perkara sengketa antara Israel dengan Palestin ini perlulah dikembalikan ke meja rundingan agar kesemua rakyat di tempat yang terlibat itu merasai apa yang sepatutnya dirasai oleh rakyat di dunia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan Malaysia dan juga kepada Kementerian Luar Negeri yang telah menggesa kepada kita untuk terus mengutuk kekejaman Israel. Inilah jihad orang-orang Islam yang berada di Malaysia. Setidak-tidaknya boleh kita mengatakan secara meluas sebagaimana kita di Dewan yang mulia ini mengutuk kekejaman ini dalam hati kita pun sebagai orang Islam patut mengutuk setidak-tidaknya apa yang telah berlaku kepada orang-orang Lebanon dan Palestin di atas kekejaman yang telah berlaku.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad kemudian Datin Paduka Nor Hayati. Selepas itu Che Puan Sri Kelana.

**5.15 ptg.**

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Israel telah menunjukkan ia adalah negara ganas. Ia hanya kenal keganasan dan sekarang ini keganasan itu disokong sepenuh oleh Amerika Syarikat. Israel mahu menghancurkan Palestin. Israel mahu menguasai seluruh rantau timur tengah, begitu juga Amerika. Mereka bersekutu untuk menjajah seluruh kawasan yang kaya dengan minyak itu dan seterusnya menguasai dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak usah berselindung di sebalik kata-kata manis dan berdiplomasi. Apa perlunya, Israel dan Amerika tidak pernah merasa perlu untuk memberi perhatian kepada kata-kata manis yang dikeluarkan oleh sesiapa. Adakah kita mengharapkan Israel boleh diajak menghormati resolusi-resolusi bangsa-bangsa bersatu sebelum ini? Sudah beratus-ratus resolusi yang diluluskan oleh badan dunia itu semuanya tidak diendahkan. Tidak ada sebarang tindakan boleh diambil PBB kerana Amerika akan menggunakan kuasa vetonya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil itu mesti berterusan. Keadaan di Timur Tengah sekarang ini sangat genting. Israel nampaknya mahu melihat seluruh rantau timur tengah terbabit dalam kancah peperangan. Selepas Lubnan mereka akan menyerang Syria. Mereka kemudian mahu menyerang Iran. Kalau boleh seluruh dunia hendak diporak-perandakan. Iraq sekarang ini berada diambang perang bersaudara. Beratus-ratus terbunu setiap hari. Sambil orang-orang Iran-Iraq bermusuhan bunuh-membunuh sesama sendiri, Israel dan Amerika mengaut keluar sumber minyak negara itu dengan percuma.

Kami rasa Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang wanita kami rasa begitu sedih kerana terkorban begitu banyak nyawa wanita-wanita dan anak-anak yang tidak berdosa di Palestin dan Lubnan. Kami lihat di kaca televisyen, mereka tidak berdosa Tuan Yang di-Pertua. Kami juga rasa sedih kerana umat Islam sejumlah 1.5 bilion ini tidak berdaya memberi perlindungan kepada saudara-saudara seagamanya di dua buah negara kerdil ini. Malaysia sebagai Pengerusi OIC kena bekerja lebih keras lagi, menjalin kesepakatan bukan sahaja umat Islam tetapi seluruh umat manusia yang cintakan kedamaian dan keadilan...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh duduk. Sila Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Kesat air mata dahulu. Sekejap lagi sambung balik. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan rasa simpati. Sebenarnya perjuangan kita bukanlah untuk orang Islam. Kita lihat di Palestin dan Lubnan orang Kristian dan agama lain juga ramai yang terkorban. Jadi perjuangan kita bukan hanya untuk Islam tapi untuk semua agama...[Tepuk]

Dan satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kita dengar, desak bantah, desak bantah. Itu saya tidak mahu bercakap, bercakap emosional sedikit.

Kementerian Luar nanti kata kita desak, kita bantah. Sepatutnya hari ini, kita lihat apa yang berlaku di Palestin dan Lubnan, kita jangan mengalu-alukan kedatangan Rice di Malaysia. Kita patut halau dia balik sahaja. Ini bantahan kita, kenapa kalau dia tahu Amerika yang berpunca, makna Rice tidak patut hadir ke Malaysia pada hari ini. kalau dia hadir, maknanya dia menunjukkan bahawa dia berkuasa besar. Malaysia bantah desak, tetapi dia boleh hadir ke negara kita. Inilah masalah kita hari ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat. Kita bukan mengatakan hanya negara-negara Islam sahaja, itu sebab saya menyebut di sini, Malaysia sebagai Penggerusi OIC, kena bekerja lebih keras lagi, menjalankan kesepakatan bukan sahaja umat Islam, tetapi seluruh umat manusia yang cintakan kedamaian dan keadilan. Kita mesti bersatu dan bertindak dalam kesatuan itu. Dengan ini saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, kemudian Che Puan Sri Kelana, lepas itu Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed kemudian Dato' Ikhwan Salim.

#### **5.21 ptg.**

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebagai menghormati kata-kata yang daripada Tuan Yang di-Pertua, supaya menghormati masa yang telah diberi dan juga jangan mengulang apa yang telah disebut oleh rakan-rakan ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan isu yang sama, maka menjadi di antara juru cakap yang terakhir, hampir semua isi yang hendak disampaikan telah pun disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain.

Namun sebagai rakyat Islam yang mencintai keamanan, saya juga turut mengutuk perbuatan zalim Israel yang telah bertindak kejam ke atas Lubnan dan juga Palestin. Yang saya kira bukan lagi menjadi isu keagamaan, tetapi telah merupakan isu jenayah kemanusiaan kerana telah menyerang orang-orang, kanak-kanak, wanita dan juga orang-orang tua.

Jadi, sebelum saya menyokong isu ini, saya ingin mengambil kesempatan sebagai rakyat yang mencintai keamanan untuk meluangkan masa bagi menyertai tujuan murni pemuda UMNO Malaysia yang akan mengadakan satu perarakan aman ke Kedutaan Amerika Syarikat selepas sembahyang Jumaat esok 28 Julai dan perarakan akan bermula dari Masjid KLCC.

Dengan kenyataan ini, saya dengan ini mohon menyokong usul ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya.

#### **5.22 ptg.**

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan satu usul yang berkait dengan isu pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin. Peristiwa malang itu, kerap kali membuatkan hati saya sedih, sebak, geram dan kasihan di atas penderitaan rakyat Palestin yang selama ini dibayangi kekejaman pihak Israel dan tentera Yahudi. Lebih mengejutkan, tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel yang menceroboh, menyerang dan membunuh golongan tidak berdosa di sebuah negara berdaulat seperti Lubnan.

Tindakan tentera Israel yang seumpama seperti haiwan langsung tidak mempedulikan masyarakat dunia yang menggesa tindakan ketenteraan dihentikan segera supaya konflik itu tidak merebak ke rantau lain. Tetapi apa yang kita lihat sekarang kezaliman tentera Israel semakin berani dan disasarkan pula kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Lihat sahaja empat anggota pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Selatan Lubnan maut dalam serangan yang dianggap badan dunia itu sebagai satu tindakan yang disengajakan. Bukankah Israel tahu bahawa pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seramai dua ribu orang yang digelar pasukan sementara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan yang dikenali sebagai UNIFIL telah ditempatkan sejak 1978 bagi memantau kegiatan Israel dan Hizbullah.

Dunia tidak mudah tertipu dengan pelbagai helah yang dilakukan oleh Israel apatah lagi di dukung kuat oleh Amerika Syarikat. Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dengan fizikal saya sedia ada, tidak termampu untuk turun ke Palestin atau Lubnan bagi membantu mereka yang menjadi mangsa kekejaman tentera Israel, tetapi apa yang termampu bagi saya telah mengeluarkan pandangan dan pendapat yang boleh saya anggap sebagai satu Jihad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah. Terdapat ajaran, kalau tidak boleh perang dengan tangan, perang dengan mulut. Kalau tidak boleh perang dengan mulut, perang di dalam hati.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Namun, pembabitan dalam Jihad itu tidak semestinya menentu keupayaan yang tinggi kerana setiap orang boleh terbabit secara tidak langsung dalam Jihad mengikut kemampuan masing-masing. Inilah Jihad saya kepada saudara-saudara Palestin dan Lubnan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita amati sekarang, keadaan umat Islam di bumi Palestin dan Lubnan semakin kacau bilau. Apa yang sedang berlaku di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat di bumi Palestin cukup menyayat hati. Mereka terus tertindas rumah dan tanah, kebun dirampas sewenang-wenangnya untuk dijadikan perkampungan Yahudi. Rakyat Palestin yang ditindas demikian tidak boleh mengharap pembelaan daripada sesiapa. Rejim Yahudi tidak menghiraukan teguran masyarakat antarabangsa atau dari mana-mana pun negara Eropah maupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB.

Begitu bongkah sekali sikap rejim Yahudi terhadap masyarakat antarabangsa hanya kerana ia mendapat restu Presiden George W. Bush yang tanpa berselindung menyatakan bahawa Israel menjadi mangsa pejuang berani mati dan bukan sebaliknya. Jadi, mengikut pandangannya, Israel berhak mengambil apa sahaja tindakan untuk menghalang berlakunya pengeboman berani mati. Bush seolah-olah telah memberi Israel *blank cheque* untuk bertindak sesuka hati terhadap rakyat Palestin. Tentera Zionis terus memusnahkan pelbagai bangunan sejarah dekat pintu Maghribi di Masjid Al-Aqsa, Baitulmuqaddis untuk mengorek terowong di masjid itu dan mendirikan penempatan Yahudi di bekas runtuhan syaraf dan di pinggir Maghribi. Terowong itu adalah untuk mengukuhkan cengkaman pencerobohan tentera ke atas tapak suci itu serta melindungi pelawat Yahudi ke situ serta Bandar Lama Judas. Rakyat Palestin....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi peluang kepada rakan-rakan seperjuangan.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, dasar Israel mengenakan sekatan dan perintah berkurung terhadap Wilayah Palestin menyebabkan hampir separuh penduduk Palestin berpendapatan rendah kadar di bawah paras kemiskinan mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu terkandung dalam laporan sidang PBB mengenai perdagangan dan pembangunan yang menyifatkan pembangunan ekonomi Palestin menuju keruntuhan. Penjajahan tentera juga melemahkan struktur dan perseimbangan ekonomi Palestin dan mustahil bagi pihak berkuasa Palestin memenuhi tuntutan domestik dan antarabangsa untuk melaksanakan pembaharuan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada usaha serius baik oleh negara maju maupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mewujudkan kembali keamanan di Lubnan dan Palestin dalam masa terdekat ini berikutan serangan tidak terhenti-henti oleh Israel yang direstui Amerika Syarikat sejak dua minggu lalu. Amerika dan Sekutunya menyalahkan Hizbulullah yang mencetuskan serangan udara yang tidak terhenti oleh Israel ke atas Lubnan apabila ia menyerang terhadap tentera Israel di sempadan hingga menyebabkan lapan askar Yahudi maut dua kali di tahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka, dengan kata-kata itu.....

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Lagi sekali saya menggesa masyarakat Malaysia dan dunia supaya bergabung tenaga bagi menegakkan keamanan, kestabilan dan keselamatan yang lebih terjamin. Biarlah suara masyarakat yang digerakkan secara *holistic* dapat memberi tekanan kepada rejim Zionis ini yang diibaratkan sebagai penyakit kanser dunia.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

**5.29 ptg.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini terasa macam ada sesuatu yang menusuk kalbu, meresapi jiwa dan seterusnya menggoncang perasaan sehingga kadang kala tanpa disedari air mata berlinangan. Keinsafan, kesyukuran dan kebanggaan bercampur baur dengan perasaan sedih dan hiba tanpa sebab kian memuncak apabila mengenangkan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia adalah berkat kepimpinan kerajaan yang mantap serta doa rakyat kita semua. Tuan Yang di-Pertua, usaha keji Yahudi Zionis menakluki bumi suci ini telah dimulakan seawal tahun 1917 yang mana Kerajaan British telah mengeluarkan deklarasi *Balfour, Balfour Declaration* yang menyatakan bawa Palestin adalah tanah air bagi Yahudi sesungguh pun pada ketika itu orang Yahudi dianggarkan hanya 8% sahaja dari keseluruhan populasi Palestin dan mereka hanya menepati 2.5% sahaja dari keseluruhan bumi Palestin.

Kejatuhan daulah Islamiah Othmaniah pada tahun 1924 seolah-olah membuka ruang lebih luas untuk mereka mencapai impian yang mana sebahagianya telah direalisasikan pada tahun 1948. Maka dengan tertegaknya negara Israel lanjutan dari itu, bermulalah penyingkiran beratus-ratus ribu umat Islam keluar dari Palestin oleh pihak tentera yang ditekan oleh kelompok Yahudi seperti '*agunnah, levir* dan *hegemony*' yang didalangi oleh pihak British.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya umat Islam dahagakan maruah dan harga diri dan mereka merindui jihad dan sanggup mengorbankan nyawa dan harta dalam menempuh perjalanan hidup penuh onak dan duri untuk merampas semula hak mereka dan menghapuskan keseluruhan entiti-Zionis. Walau bagaimanapun perlu ditarik perhatian di sini bahwasanya masalah mengembalikan semula maruah yang tercaltar dan menghapuskan dalang zionis itu bukanlah tanggungjawab rakyat Palestin sahaja, atau bangsa Arab atas tiket nasionalisme dan assabiyah melainkan ianya adalah masalah dan tanggungjawab yang perlu dipikul di atas bahu seluruh umat Islam sedunia.

Pada 29 Mac 1979, semasa lawatan Presiden Anwar Sadat ke Jerusalem untuk memeterai perjanjian damai *Mesir-Israel, Egypt-Israel Peace Treaty*, dengan izin, Iman Masjid Al-Aqsa telah bertanya tujuan kunjungannya, seraya berkata tempat suci ini telah dibuka oleh Umar, dibebaskan oleh Sallehudin, dengan tujuan apa kedatangan kamu ini Sadat? Sungguh pun perjanjian yang menemukan Presiden Sadat, Presiden Qatar, Perdana Menteri Israel Menachem Begin, itu berakhir dengan pembunuhan ke atas Presiden Sadat, namun kemelut yang melanda Palestin tidak berakhir di situ sahaja. Masalah Masjid Al-Aqsa Palestin dan negara Zionis yang telah menjadi kanser yang membengkak dalam diri umat Islam tidak boleh diselesaikan dengan solusi tumpal sulam yang bersifat sementara. Penyelesaiannya adalah dengan mencatas entiti-Zionis dari akar umbinya dan dari setiap hasta tanah Palestin yang didudukinya, mereka dan bukannya sedikit di sana, sedikit di sini.

Penyelesaian ini bukanlah bagai sebuah mimpi di siang hari sebagaimana yang didendangkan oleh para penguasa agen-agen dan mereka yang mudah mengaku kalah iaitu orang-orang yang mencintai dunia dan sanggup dalam kehinaan dan kehilangan maruah dan harga diri. Hanya dengan mengerakkan bala tentera kaum Muslimin untuk menganyang tentera Israel dan menghapuskan entiti Israel ini barulah masalah kanser di dalam tubuh umat Islam ini akan selesai. Namun nuansa untuk mengerakkan bala tentera kaum Muslimin ini hanya akan benar-benar dapat dimanifestasikan apabila daulah Islam tertegak.

Pada waktu ini, pemimpin-pemimpin boneka kaum Muslimin sekadar menempatkan bala tentera ini di dalam kem-kem mereka sahaja, mengilatkan senjata mereka sedangkan kaum Muslimin di Palestin, menjerit mengharapkan kaum Muslimin membantu mereka. Tuan Yang di-Pertua, kita menyaksikan ledakan emosi yang dipacu oleh tekanan ke atas kaum Muslimin di sana-sini, tenaga yang melonjak di dalam diri umat Islam itu tidak sekadar disebabkan oleh Masjidil-Haram dan Baitul-Maqdis dan tanah yang penuh keberkatan itu sahaja.

Sebaliknya terdapat insentif dan fakta motivasi dan pemangkin yang lebih besar dan kuat. Jika status Masjid Al-Aqsa yang kesuciannya di sisi umat Islam dapat menggegarkan emosi mereka dan tindakan Al-Quran yang merupakan kallamullah itu sendiri memiliki kesucian yang lebih agung yang tidak terbanding di hati umat Islam, mengapakah emosi umat Islam tidak terbangkit disebabkan Al-Quran? Mengapakah umat masih berdiam diri apabila Allah menyeru agar Islam diterapkan sedangkan hakikatnya hari ini Islam dihinakan. Masih relevan lagikah pengharapan kita kepada undang-undang antarabangsa seperti resolusi PBB nombor 242 yang menuntut rejim Tel Aviv mengundurkan diri dari wilayah yang didudukinya seperti di tebing barat dan Semenanjung Gaza yang ternyata gagal, ternyata memalukan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pencerobohan Masjid Al-Aqsa dan Baitul-Maqdis adalah satu kemelut yang amat sedih, umat Islam sudah terlalu letih untuk bersedih dan menangis, bukankah sekutu Israel iaitu Amerika Syarikat telah memporak-perandakan negara, Al-Quran yang menjadi khilafah kepada umat Islam dan mempadang jarak, padang tekukur daulah Islamiah itu menjadi lebih daripada lima puluh negeri-negeri kecil. Mengapakah sentimen umat Islam tidak terusik demi Al-Quran dan Sunah yang dipinggirkan dan hukum syarak yang diperlekehkan. Tindakan Al-Quran dan As-Sunah lebih besar kesuciannya berbanding dengan Masjid Al-Aqsa dan bukankah hanya dengan tertegaknya kalimah Allah melalui sebuah negara Islam, masalah Palestin akan dengan mudahnya dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kini telah sampai masanya umat Islam bertindak tanpa berlengah-lengah lagi untuk menegakkan Islam dengan asas akidah yang mendasari kehidupan dan perbuatan mereka. Palestin dan seluruh umat Islam di dunia ini akan dibebaskan dari kezaliman manusia kepada keluasan rahmat Allah. Setelah umat yang kini lesu mencapai martabat khairul-ummah, umat terbaik yang bakal mendirikan semula khilafah dan menobatkan *dinn* Nya ke puncak tertinggi yang akan menyatukan kaum Muslimin dan menyebar luaskan risalahnya dan

mara ke mercu tertinggi sebagai sebuah kuasa besar dunia, merealisasikan Islam bukan sekadar penyelesaian sebahagian isu yang melanda penganutannya malah menyerlah sebagai *Rahmatullil-amin*.

Akhir kata, akhir sekali saya ingin menyeru agar kita berganding bahu, menggembung tenaga dalam usaha merealisasikan khilafah ‘Allah-Mihraj Al-Nabuyah’. Ayuh bangkitlah wahai umat Islam, sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong agamanya. Sekian saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun kurang sihat sikit, tetapi saya rasa usul ini begitu penting dan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Keangkuhan Israel, kesombongan Amerika, kelalaian PBB, membolehkan kezaliman di Lebonan dan Palestin. Itulah rasa saya sebuah negara Israel yang kononnya angkatan tenteranya kelima terkuat di dunia dari segi kelengkapan, berperang dengan dua negara, saya kira hendak beli pistol pun susah.

Jadi, apakah harus kita buat? Saya lihat antara lain PBB terus gagal, tetapi itulah sahaja forum, mungkin buat masa ini yang kita ada, dan sudah tentulah antara lain kita harus gunakan forum yang wujud itu. Lupakah kita kepada Iraq? Selepas diserang atas alasan *weapons of mass destruction* dengan izin, jika tidak *weapons of mass destruction*, apakah pandangan PBB terhadap ini? Saya hairan dan saya ingin menyeru agar kerajaan terus memberi sokongan untuk menentukan keadilan berlaku di Timur Tengah. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan usul ini. Tidak panjang yang ingin saya katakan. Dunia tahu, Amerika adalah merupakan sebuah negara yang mempunyai kuasa yang begitu besar dalam dunia hari ini. Kepada Presiden Bush, ingatlah sebagai seorang manusia, kamu adalah merupakan presiden kepada negara yang besar yang mempunyai kuasa yang besar, Israel adalah merupakan negara yang kecil, rintihan manusia, permintaan manusia, di muka bumi hari ini untuk mahukan negara ini, manusia yang ada di muka bumi ini hidup dalam keadaan aman dan makmur.

Maka saya bagi pihak semua manusia yang ada di atas muka bumi ini inginkan supaya kamu, Presiden Bush, ingatlah beritahu kepada Israel bahawa apa yang mereka buat hari ini adalah merupakan satu pencerobohan, satu keganasan yang boleh mengakibatkan hancurnya dunia Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan itu saya minta kepada Mr. Bush, Presiden Amerika, janganlah menjadi seorang manusia yang bacul, janganlah menjadi manusia penakut, janganlah menjadi manusia yang hanya semata-mata pentingkan diri untuk terus menjadi pemimpin kuasa besar kerana semata-mata takutkan kepada sebuah negara kecil itu.

Dengan ini saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

#### 5.40 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata mungkin saya orang yang terakhir diberi peluang untuk turut sama dalam perbahasan menyokong usul mengutuk Rejim Israel dan puak-puak yang bersekutu dengannya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masa Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah bercakap tadi saya duduk di luar sambil-sambil minum, saya tengok dia menangis. Kali ini saya tidak mudah terasa nak turut sama menangis. Biasanya saya apabila menengok orang perempuan menangis saya pun mudah menangis Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya ingat masa anak buah Mahmud Abas berkelahi dengan anak buah Ismail Inayah dan Perdana Menterinya, saya terasa sakit hati, sedih dan mula di situlah saya merasakan bahawa terlalu jauh penyelesaian akan tercapai di bumi Palestin.

Kerana satu syarat yang menjadi perkara yang kita banggakan selama ini di negara kita, negara yang mempunyai rakyat berketurunan pelbagai kaum dan kebudayaan ini bahawa perpaduan adalah mutlak. Jadi kedudukan di Palestin pun begitu juga saya ingat Tuan Yang di-Pertua. Kalau puak-puak, kalau anak buah Mahmud Abas dengan Ismail Inayah tidak boleh bersatu sampai bila pun masalah ini tidak akan selesai. Saya menyebut ini bukan bermakna saya tidak menyokong usul yang dibawa atas nama Menteri Luar Negeri kita, saya kuat menyokong. Tetapi kita haruslah berhadapan dengan realiti. Kepada Hamas, matlamat perjuangan Hamas ialah hendak menghancurkan wujudnya negara Palestin.

Amerika Syarikat tidak akan membenarkan siapa-siapa pun sekarang menghancurkan negara Palestin yang telah diusahakan wujudnya sekian lama dengan segala kekuatan yang ada padanya. Walaupun dia tahu di belakang kegiatan-kegiatan ini terdiri Iran, dengan kekuatan-kekuatan yang ada pada Iran terdirinya negara-negara Islam yang lain. Dan Israel juga tidak akan membenarkan negara dia dihancur oleh Palestin, oleh umat-umat Islam. Itulah kedudukan yang sebenarnya.

Hari ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini dengan segala kesungguhan, segala kesedihan kita mengutuk pencerobohan, ke ganasan dan segala-gala yang ada hubungannya yang dilakukan oleh Israel terhadap kemanusiaan dan kita menyokong sebarang inisiatif, sebarang usaha yang dijalankan oleh negara kita untuk ini. Saya rasa adalah lebih mudah daripada Malaysia dan sahabat-sahabat kita negara-negara OIC memujuk pemimpin-pemimpin Palestin supaya bersatu daripada meminta Israel jangan

menghancurkan Palestin daripada meminta Amerika Syarikat, walaupun kita kutuk Amerika Syarikat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Hamzah tadi. Kita kecam pemimpin dia, kita seranah dan sebagainya ini tidak akan menyelesaikan masalah kalau orang-orang Islam, kalau orang-orang Palestin daripada kedua-dua belah pihak itu sendiri tidak bersatu. Entah berapa kali lagi kita akan bersidang di dalam Dewan ini untuk mengemukakan perkara yang sama. Entah berapa kali lagi kita akan bercakap perkara-perkara yang sama.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato. Silakan Yang Berhormat.

**5.46 ptg.**

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, peristiwa September 11 menyebabkan Amerika Syarikat menentang habis-habisan keganasan seluruh dunia. Malah atas dasar itu maka sebuah negara Afghanistan dijatuhkan dan dibebaskan kononnya daripada keganasan. Atas desakan daripada Israel, Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat menyerang Iraq kerana Israel tidak mahu melihat ada negara-negara lain yang boleh berdiri bersama dengan Israel. Begitulah juga strategi Israel sebenarnya menyerang Lubnan atas tujuannya untuk Amerika Syarikat campur tangan kerana kita tahu bahawa Presiden Lubnan adalah Kristian yang bertauke Syria.

Kita juga tahu kebanyakan daripada tentera-tentera Lubnan adalah merupakan daripada puak-puak Syiah dan begitu juga dengan tentera-tentera Hizbullah. Dan ini akan mengundang Iran untuk sama-sama berserta dalam konflik ini. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong apa yang Dato' Hamzah sebut tadi yang disarankan kepada kawan baik dia saudara Bush. Dan saya ingin hendak menambahkan lagi atas dasar prinsip keganasan yang diperjuangkan oleh Amerika Syarikat, kita mahu Amerika Syarikat meneruskan dasar menentang keganasan ini dengan mengambil tindakan kepada Kerajaan Israel. Dan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, PBB hendaklah bersidang untuk membawa Israel ke muka pengadilan antarabangsa supaya boleh dibicarakan dan diambil tindakan yang sepatutnya. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Luar Negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat habiskan ucapan dalam masa tiga minit?

**5.48 ptg.**

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Dua minit pun tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya... Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk ...silakan.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin turut bersama-sama sebagai rakyat yang prihatin kerana Kerajaan Malaysia walaupun kecil telah menunjukkan sifat-sifat keperwiraan, sifat-sifat yang menyentuh perasaan dunia antarabangsa. Kita tidak bercakap soal bangsa tetapi kita bercakap soal negara sejagat, keselamatan sejagat

dan Malaysia dengan ini tidak bersetuju dengan sifat-sifat *barbarian*. Saya rasa inilah perkataan yang wajar kita tujukan kepada pihak-pihak iaitu pada Zionis yang mempunyai semangat untuk menawan empat penjuru alam itu adalah hakikat yang sebenarnya.

Wujudnya Zionis adalah untuk menawan dunia dan kerana dibantu oleh Amerika Syarikat. Oleh itu sebagai kita khalifah di bumi Allah ini, kita akan berjuang mati-matian untuk menegakkan hak dan menentang yang batil dan kita berharap PBB mengambil inisiatif untuk ke hadapan menegakkan *human rights*, hak asasi manusia yang telah di *champion* kan oleh negara-negara maju. Dan dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Kerajaan Malaysia.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sehingga ini kita mempunyai 17 orang Ahli Dewan Negara yang berucap untuk menyokong Usul tadi. Ia merupakan satu perempat daripada keanggotaan Dewan Negara.

Sila Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk menjawab.

#### **5.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang jitu yang diberikan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini di atas usaha-usaha kerajaan untuk menghentikan perperangan di Lubnan dan Palestin. Saya juga sangat mengalu-alukan cadangan untuk Parlimen dunia memainkan peranan penting dalam menyelesaikan dan konflik di Lubnan dan Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memastikan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia akan terus berusaha untuk menyelesaikan konflik di Lubnan dan Palestin sama ada melalui OIC atau forum-forum antarabangsa yang bersesuaian. Mengenai lawatan Setiausaha Amerika Syarikat ke Malaysia, sudah menjadi dasar Kerajaan Malaysia untuk tidak menghalau tetamu yang datang mengunjungi kita dan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN dan masyarakat berkenaan. Sebaliknya Malaysia boleh mengambil kesempatan dalam lawatan Madam Rice ke Malaysia untuk menyampaikan pandangan dan pendirian Malaysia secara langsung kepada beliau dalam usaha kita mencari penyelesaian konflik di Lubnan dan Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin yang jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip piagam Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB, Undang-undang Antarabangsa dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak Islam Kesepuluh, Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Malaysia mendesak Israel untuk menghentikan keganasan yang dilakukan ke atas negara dan rakyat Lubnan dan Palestin.

Malaysia turut menyeru agar masyarakat antarabangsa dan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu terutamanya ahli Quartet, menggesa Israel untuk menghentikan segala bentuk tindakan ketenteraan di Lubnan dan Palestin. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Malaysia telah

mengeluarkan beberapa kenyataan berkaitan isu tersebut kerana yakin isu ini akan menimbulkan kemarahan negara-negara Islam dan masyarakat antarabangsa jika ia tidak dibendung. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pengurus Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telah menggesa agar diadakan gencatan senjata dengan serta-merta.

Beliau telah turut menulis kepada Ketua-Ketua Negara Anggota Tetap Majlis Keselamatan PBB dan Quartet agar bersama-sama menggesa diadakan gencatan senjata serta-merta. Beliau telah juga bercakap dengan beberapa pemimpin-pemimpin negara untuk mencari jalan penyelesaian kepada konflik tersebut. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Luar Negara sendiri telah memanggil duta-duta besar negara anggota tetap dan bukan tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyampaikan pendirian Malaysia dan meminta supaya pendirian ini disampaikan kepada kerajaan mereka dalam usaha untuk mendapatkan gencatan senjata serta-merta dan seterusnya mencari penyelesaian yang adil dan kekal dalam menangani konflik tersebut.

Malaysia juga telah mengetengahkan konflik Timur Tengah ini di setiap kesempatan yang ada termasuk di mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur di mana beberapa kenyataan bersama Menteri-Menteri Luar ASEAN telah dikeluarkan mengcam tindakan keganasan Israel terhadap rakyat Lubnan dan Palestin. Malaysia turut merasa hampa di atas kegagalan persidangan antarabangsa di Rome yang telah diadakan pada 26 Julai 2006 iaitu kelmarin untuk mencapai kata sepakat ke arah mewujudkan gencatan senjata serta-merta dengan alasan pihak Hizbullah masih lagi menjadi ancaman kepada Israel dan keamanan di rantau itu.

Demi menjaga kepentingan rakyat Lubnan dan Palestin yang dicerobohi oleh Israel, Malaysia selaku pengurus Sidang Kemuncak Kesepuluh OIC akan terus mengadakan konsultasi dengan pemimpin-pemimpin Islam dalam rangka usaha untuk mencari jalan penyelesaian termasuk menggesa Israel untuk bersetuju kepada cadangan gencatan senjata serta-merta dan kembali ke meja rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, saya ingin sekali lagi menegaskan supaya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan supaya menyokong segala usaha dan tindakan kerajaan ke arah mewujudkan gencatan senjata serta-merta dan mencari penyelesaian secara menyeluruh ke atas krisis di Lubnan dan Palestin seperti mana yang terkandung dalam usul yang telah pun disokong seramai 17 Ahli Dewan serta seorang lagi Ahli Dewan yang sama turut mencelah dalam perbahasan yang telah berlangsung tadi. Saya mohon mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed untuk menyambung ucapan.

### 5.59 ptg.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes Nasrul Anwar bin Abdul Samad verses *Public Prosecutor* pada tahun 2005, isu di mahkamah adalah sama ada relevan, sama ada *element penetrations* ataupun tusukan dapat dibuktikan oleh mangsa dalam suatu kes rogol.

Hakim Datuk Augustine Paul telah memutuskan bahawa pihak Pendakwa Raya gagal membuktikan kes terhadap tertuduh kerana mangsa ragu-ragu tidak dapat membuktikan bahawa zakar mangsa telah menusuk kemaluannya. Maka saya ingin mencadangkan bahawa definisi yang jelas berhubung perkataan "tusukan" atau "penetration" ini dimasukkan dalam kanun keseksaan.

Satu lagi kes yang terbaru yang mencuri perhatian saya, di mana prosedur teknikal undang-undang telah membawa pelepasan kepada suspek-suspek Geng Deva. Dalam kes ini, Makmah Tinggi telah memerintahkan ketiga-tiga suspek yang dipercayai anggota Geng Deva agar dilepaskan serta merta setelah mendapat perintah tahanan reman terhadap mereka tidak sah, dalam *Mingguan Malaysia* bertarikh 15 Julai 2006. Ini kerana mahkamah berpendapat, perintah reman mengikut seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Alor Setar, dengan perintah tahanan daripada Mahkamah Majistret di sini, melibatkan hal dan keadaan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perbandingan perundangan Islam dengan perundangan di negara-negara yang mengamalkan perundangan sivil, seperti Jerman dan Indonesia, kebergantungan kepada kes-kes terdahulu *binding precedent* dengan izin, tidak wujud. Dalam sistem pengadilan Islam penentuan keadilan sesuatu kes dibuat dengan hanya menilai fakta dan keterangan kes tersebut. Dan penekanan yang minimum terhadap tuntutan prosedur kerana yang ditekankan adalah bukti. Persoalan di sini ialah, sejauh manakah keterdugaan undang-undang yang diterjemahkan melalui peranan undang-undang prosedur seperti Kanun Prosedur Jenayah itu membantu agar masyarakat dapat melihat "*justice must not only be done, but seen to be done*" dengan izin.

Apabila melihat tertuduh-tertuduh terlepas atas kesalahan-kesalahan teknikal, undang-undang yang wujud atas nama keproseduran tanpa mahkamah diberi peluang untuk menilai keterangan yang berkaitan secara keseluruhannya. Kecenderungan berlebihan terhadap keproseduran akan menyasarkan tujuan asal hakikat kewujudan undang-undang itu. Setiap usaha ke arah mewujudkan keterdugaan undang-undang ini seharusnya dapat melewati ujian akal waras, *commonsense*, rakyat yang sentiasa peka menilai tahap sistem keadilan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah dan saranan tersebut, saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Haji Idris.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan usul. Tahniah juga kepada Jawatankuasa Khas yang telah dipilih oleh Parlimen yang telah memberi ruang kepada semua lapisan masyarakat untuk memberi pandangan terhadap pindaan-pindaan di dalam rang undang-undang ini. Saya ingin menyokong rang undang-undang ini tetapi ingin memberi sedikit pandangan jika boleh di mana saya rasa ada beberapa aspek mungkin yang boleh diterima pakai untuk masa hadapan. Untuk membolehkan undang-undang ini menjadi satu undang-undang yang lebih lengkap.

Saya lihat mengenai *provision* ataupun peruntukan kaunseling yang telah dimasukkan untuk si pesalah khususnya si perogol yang berusia muda dan juga khidmat masyarakat ataupun *community service*. Saya rasa ada satu aspek khususnya pada orang-orang yang dahulunya dibela iaitu mangsa baiknya dari segi wanita ataupun kanak-kanak ataupun golongan yang lemah dalam masyarakat kita. Iaitu bagaimana kaunseling untuk mereka, mungkin dapat diperuntukkan dalam Kanun Acara Jenayah di masa hadapan. Di mana dibolehkan kaunseling dibuat ataupun dikhususkan untuk para mangsa. Ada mereka telah mengalami penderitaan bukan sahaja jadi mangsa kejadian itu sendiri tetapi juga menempuh masa-masa dengan traumatis sekali semasa penyiasatan dibuat oleh pihak berkuasa. Dan juga trauma yang akan ditempuh semasa memberikan kesaksian di dalam mahkamah.

Sebagai pengalaman peribadi saya sendiri, saya pernah menjadi seorang anggota polis juga menyiasat dan sebagainya. Ini saya rasa perlu diambil kira kerana mangsa-mangsa tidak boleh memberikan kesaksian dengan betul kerana terlalu traumatis, kadang-kadang mereka tidak berani untuk memperkatakan dengan sejelas-jelasnya kerana takut. Itu satu aspek. Aspek yang lainnya adakah kita boleh mengambil kira tentang bagaimana si mangsa boleh diberi ganti rugi ataupun diberi apa yang dikata dalam bahasa undang-undang, *restitution* sebaik-baik yang boleh. Sebagai mangsa rogol atau penderaan atau mangsa kekejaman apa juga dari segi seksual luar tabii atau sebagainya.

Mungkin mereka telah hilang kepercayaan diri sendiri untuk meneruskan hidup. Kehilangan ini harus difikir. Mungkin mereka telah mengalami kecederaan fizikal ada ringan ada yang lebih teruk, apa lagi mereka yang telah meninggal dunia mungkin pewarisnya menuntuk atas nama si mangsa tentang kehilangan yang telah dialami. Mungkin ada kehilangan peluang untuk berkahwin, kehilangan peluang untuk berkerja kerana ada yang tidak berani untuk turun kerja, takut kerana trauma dan fobia yang telah dilalui dan dialami. Jadi, mungkin pihak yang berkuasa boleh menimbang perkara ini di mana boleh diperuntukkan di dalam Kanun Tatacara Jenayah ataupun *Criminal Procedure Code* ini. Kuasa kepada pihak-pihak tertentu mungkin

mahkamah untuk meletakkan perintah ke atas pesalah di mana pesalah itu mungkin mempunyai taraf hidup yang lebih baik mempunyai nafkah yang lebih, mempunyai kemampuan yang lebih daripada, yang mungkin mempunyai kemampuan.

Mereka boleh diberi hukuman untuk membayar ganti rugi yang boleh mencerminkan penderitaan yang dialami dan yang terus dialami supaya si mangsa boleh terus hidup sebaik-baiknya. Bukan sahaja si mangsa, mungkin ada kehilangan atau kerugian yang dialami oleh pihak yang bergantung kepada si mangsa. Kalau dia, si mangsa memberi nafkah ataupun tempat ibu bapa atau adik beradiknya bergantung, dari segi nafkah dan sebagainya, harus mahkamah mengambil kira juga ganti rugi boleh diberi kepada *dependents* dengan izin si mangsa. Baiknya si suami, anak-anak ataupun ibu bapa dan yang lain-lain.

Saya tertarik juga dan sangat menyokong pertambahan hukuman terhadap beberapa seksyen di dalam Kanun Keseksaan yang meliputi kes-kes seperti curi ragut , pergaduhan, *house breaking* ataupun pecah rumah dan yang lain-lainnya, hendaklah kita membuat penelitian yang baik, sebaik-baiknya sebelum seseorang pesalah itu disyorkan untuk masyarakat haruslah ada *public interest*, kepentingan awam mengatasi segala-galanya. Begitu juga dengan kaunseling sebenarnya pada si pesalah. Laporan kaunseling, laporan prestasi mereka adalah dibawa ke satu pemeriksaan kalau boleh di bawah satu badan untuk satu-satu rekomen untuk masa hadapan mereka. Ya, jadi itu sahaja rasa saya tentang...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan ya.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Ya boleh.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan pengalaman Yang Berhormat sebagai seorang pegawai polis dan juga peguam, saya hendak tanya satu soalan kepada Yang Berhormat iaitu tentang ada rakyat Malaysia yang tukar jantina, tukar jantina kepada wanita, wanita itu tanda tanyalah, di luar negaralah. Selepas itu dia berkahwin di sana, dia balik ke Malaysia. Apabila balik ke Malaysia ini sudah tentulah sama ada kahwin di luar negara, dia balik Malaysia, sah tidak sah itu saya tidak tahulah Yang berhormat Menteri. Selepas itu dia balik ke Malaysia ini, kita sebagai orang Islam kita kena buat lapor kepada polis kah, kepada mahkamah syariah kah kepada siapa sahaja yang bertanggungjawab. Apabila kita membuat laporan, apakah kesalahan mereka lakukan, adakah zina ataupun dengan izin, *homosexual*, sebab dia tukar jantina. Dan kalau ditangkap, kesalahan itu apa dia lakukan? Zinakah atau homoseksual kah? Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Saya rasa saya cuba juga hendak menjawab tetapi pihak berwajib boleh menjawab lebih jelas. Bagi pandangan saya seorang wanita tetap seorang wanita. Kalau dia hendak tukar jantina di luar negara dia bukan lagi, bukan boleh menjadi wanita dahulu. Sebab definisi wanita ini dia mesti wanita yang wujud, lahir sebagai wanita, datang haid, melahirkan anak dan sebagainya. Mungkin dari segi rupa, dari segi fizikal mungkin wanita, tapi dari segi *spiritualnya*, jiwanya bukan wanita.

Jadi kalau dia balik ke negara ini, pandangan saya, dia dengan ‘suaminya’ itu mungkin melakukan sesuatu kesalahan di luar tabii’ dan kita rakyat Malaysia yang melihatnya kalau dia diumumkan harus melaporkan kepada pihak berkuasa di bawah seksyen 13 sebagai satu kes yang harus atau wajib dilaporkan. Kalau kita tidak melaporkan, kita sendiri yang melakukan kesalahan, semua rakyat Malaysia melakukan kesalahan, tidak melaporkan di bawah Seksyen 13.

Jadi Yang Berhormat Dato’ Musa telah tepat menunjukkan ada satu mungkin aspek yang juga diambil kira juga dan kes-kes begini, saya rasa ada dua, tiga kes telah berlaku secara umum di mana pernikahan di luar negara antara dua insan dan sedemikian balik ke negara kita dan telah mengisyiharkan mereka suami isteri dan sebagainya, itu pandangan saya.

Sebelum saya mengakhiri saya rasa ada dua perkara tentang ganti rugi kepada si mangsa di mana jika seorang mangsa telah dijangkiti HIV ataupun AIDS oleh si pesalah itu tadi. Saya rasa itu hukuman mati patut diberi, saya rasa satu hari nanti kita ingin undang-undang ini terus ke situ. Sebab seseorang pesalah yang tahu dia ada HIV ataupun AIDS, tidak kira si mangsa kalau dia telah dijangkiti, hidupnya berkecai buat selama-lamanya, itu sahaja.

Dengan kata-kata sedemikian saya ingin mengucapkan sekali lagi pada Yang Berhormat Menteri kerana telah membuat satu memang Rang Undang-undang ini dengan begitu teliti, profesional, semua pihak termasuk pembangkang, masyarakat peguam dan warga seluruh Malaysia termasuk juga yang pesalah-pesalah diambil kira pandangan mereka. Itu adalah satu cara yang begitu baik menunjukkan *good governance* dalam Barisan Nasional. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada ramai lagi yang hendak berucap. Saya minta Yang Berhormat Dato’ Dr. Norraesah berucap dan selepas itu Yang Berhormat Munusamy, Yang Berhormat Mumtaz, Yang Berhormat Dato’ Dr. Hajah Nik Azizah, Yang Berhormat Dato’ Azizah dan Datin Paduka Norhayati.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ini lepas pada Dato’ Idris giliran saya, jadi ikut giliranlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat Dato’ Dr. Norraesah hendak ber peluang dahulu kepada Yang Berhormat Tajul Urus...

**Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat *sporting* sekali saya bagi kepada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Tajul Urus.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Dato’ Dr. Norraesah kerana telah memberi peluang kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membuat pembentangan dengan baik sekali.

Saya hanya ingin menyentuh Seksyen 377CA iaitu “Sexual connection by object” yang berbunyi dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

*“377CA. Any person who has sexual connection with another person by the introduction of any object into the vagina or anus of the other person shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years and shall also be liable to whipping”*

Tuan Yang di-Pertua, tujuan di sebalik subseksyen ini ialah untuk melindungi pihak lelaki dan perempuan yang dipaksa mengadakan hubungan seks dengan menggunakan objek ke dalam kemaluan atau dubur. Oleh itu Seksyen 377CA mencadangkan bahawa dengan izin; *the insertion* iaitu memasukkan objek ke dalam kemaluan atau dubur tanpa keizinan *without a consent* adalah satu kesalahan. Kesalahan di bawah Seksyen 377CA ialah *sexual connection by object*.

Persoalannya adakah kesalahan di bawah seksyen 377CA membawa erti rogol kerana adalah perkara yang penting dan elemen yang penting yang paling penting yang perlu pihak pendakwa buktikan dalam kesalahan kes rogol ialah elemen *penetration* dengan izin. Saya tidak dapat hendak mencari satu perkataan untuk menterjemah perkataan “penetrasji” ini iaitu memasukkan atau tusukan, kemasukan atau tusukkan yang tepat. Oleh itu saya akan guna perkataan “*penetration*” ini di dalam perbahasan saya kali ini.

Dalam konteks tempatan, *penetration* dirujuk kepada *penis penetration* ataupun penetrasi zakar. Oleh itu jika pendakwa tidak dapat membuktikan berlakunya penetrasi zakar ini, elemen hubungan seks tidak boleh dibuktikan dalam tuduhan dan ia akan gugur. Saya merujuk kepada kes Yang Berhormat Dato' Senator Hajah Saripah bangkitkan tadi iaitu kes Nasrul Annuar bin Abdul Samad lawan *Public Prosecutor* di mana *judge Augustine Paul* telah membuat kenyataan seperti ini “*Adalah jelas bahawa mangsa tidak nampak apa yang berlaku terhadap dirinya dari perut ke bawah. Mangsa bersetuju yang dia mengandaikan sahaja bahawa zakar tertuduh menusuk ke dalam kemaluannya. Dia membuat andaian ini kerana dia boleh rasa*”. Dia tidak ditanya untuk *explain*, mengapa dia berperasaan sedemikian. Ia boleh jadi apa-apa benda lain yang telah dimasukkan ke dalam kemaluannya.

Ini *any event* fakta tidak boleh dibuktikan atas sesuatu andaian, *a finding must be base on true fact or inferences drawn from true fact*, kata Hakim Augustine Paul. Kes ini telah menimbulkan *havoc* ataupun kekecohan di kalangan menteri dan pertubuhan NGO dan hasilnya inilah cadangan pindaan Seksyen 377CA dalam *Penal Code* hari ini dan kerajaan berniat baik. Walau bagaimanapun ada juga beberapa *point* yang tertinggal, yang ingin saya sentuh di sini.

Apa yang patut dilakukan dalam pindaan ini ialah memasukkan *statutory definition* dan definisi tersebut berupaya merangkumi penatrasji *of any object* dan tidak khusus sahaja kepada penatrasji zakar. Kalau seseorang itu meneliti seksyen 377CA jelas tidak terdapat istilah ataupun

perkataan “penetration” ini sebaliknya AG Chambers memilih untuk menggunakan *introduction of any object* dalam rangka seksyen 377CA tersebut. Seperti yang saya baca di bawah ini:

“A person who has sexual connection with another person by the introduction of any object into the vagina or anus of the another person.”

Saya mencadangkan supaya perkataan “penatras” ini dimasukkan dalam definisi ini. Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh seksyen 376 berkenaan dengan hukuman kerana merogol. Jawatankuasa ini dipuji kerana telah mencadangkan hukuman mengikut *different weight* kepada perogol dalam *circumstances* yang berbeza tetapi di dalam beberapa situasi lain juga pohon dipertimbangkan.

Contohnya satu, apabila pesalah itu mempunyai penyakit HIV ataupun AIDS, hukumannya mestilah lebih berat. Begitulah juga sekiranya mangsa adalah mengalami *mentally ill* ataupun *physically* ataupun *mentally disabled*, hukumannya juga mesti diberi pertimbangan yang lebih dan begitulah juga sekiranya kesalahan itu dilakukan oleh lebih daripada seorang ataupun *gang rapping*, hukumannya juga mestilah berat ataupun mangsa telah diberi dadah ataupun dipukau sebelum dirogol.

Saya juga ingin menyentuh soal seksyen 376A berhubung dengan kelakuan sumbang mahram. Adalah dicadangkan supaya hukuman kerana salah laku sumbang mahram ini walaupun hukumannya adalah selama 6 sehingga 20 tahun, tetapi saya mencadangkan supaya bagi kes bapa makan anak dan anak itu adalah di bawah umur, hukumannya bukanlah dalam lingkungan 6 sehingga 20 tahun tetapi hendaklah 20 tahun ke atas.

Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Norraeshah.

#### **6.35 ptg.**

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas tentang rang undang-undang yang di hadapan kita ini.

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh kerana selepas dua tahun yang sudah pun berlalu dan berbagai-bagai pembentangan kepada *Select Committee* telah pun dilakukan, maka kita sekarang menerima satu rang undang-undang yang akan sebenarnya menjamin keselamatan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah diperbincangkan tentang kedudukan ataupun isu rogol. Begitu terperinci sekali perbahasan mengenai perkara ini. Tetapi pada saya sungguhpun segala perincian dan *detail* sudah pun dikemukakan oleh setiap daripada kita, akhirnya yang penting adalah sama ada mangsa rogol itu akan terjamin keselamatan mereka ataupun maruah apabila mereka membuat laporan. Yang kita khuatir, kita ada rang undang-undang yang bertujuan untuk menghukum mereka yang menjadi penjenayah, tetapi saya khuatir bahawa

mereka yang menjadi mangsa itu akan terus menjadi mangsa oleh kerana tidak adanya kepercayaan kepada rang undang-undang ataupun tindakan pemerintah terhadap kedudukan mereka yang sudah pun tercemar.

Maka di sini saya ingin memohon daripada kementerian dan memasukkan di dalam rang undang-undang ini satu *appendix* mungkin, di mana pihak polis yang menjalankan penyiasatan itu tidak akan menekan lagi kedudukan traumatis yang dihadapi oleh mangsa itu sendiri. Maknanya mereka haruslah mempunyai kewibawaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta sedikit ganggu sebentar sebab tadi ada, sama ada berlaku sedikit kecaburan di antara *introduction* dan *penetration* tadi. Kamus kata, *introduction* membawa maksud *penetration*, “penerobosan, penembusan”. Itu untuk menjelaskan lagi sama ada munasabah cadangan Yang Berhormat tadi.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Selalunya Tuan Yang di-Pertua, perkataan menerobos, dia sudah masuk tetapi keluar balik. *That's you know, it goes beyond.....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya,. kalau-kalaalah ada kecaburan di antara *introduction* dan *penetration* tadi.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ya, *anyway* saya tidak akan mendalam soal pencerobohan, penembusan dan juga *penetration*. Saya hendak berbalik kepada sebelum *my floor of*, dengan izin terlari sedikit, saya ingin meminta agar ada kaunseling *department* yang serius ataupun Jabatan Kaunseling di bawah penyiasatan polis itu sendiri supaya kita memastikan bahawa mereka yang menjadi mangsa tidak akan terus menjadi mangsa, tekanan, *pressure* dan juga ejekan daripada orang.

Selalunya kenapa laporan itu tidak dibuat oleh seseorang mangsa itu adalah kerana khuatir dan takut kesnya itu tidak akan dipandang serius dan tambahnya yang kita mengetahui ialah mereka mendapat ejekan dan ini lebih traumatis kepada mereka.

Saya ingin merujuk kepada seksyen 376(2), iaitu satu senarai yang menentukan bahawa hukuman yang keras diambil terhadap tujuh perkara itu yang sudah pun disenaraikan dan saya agak kecewa bahawa mereka yang menjadi mangsa HIV/AIDS itu apabila ia melakukan rogol itu, sungguhpun ada pengecualian ataupun ada tindakan peruntukan, tetapi seharusnya dimasukkan sebagai satu di antara yang akan mendapat tindakan ataupun hukuman yang terkeras sekali.

Oleh kerana bagi saya, mereka yang merogol dan dia juga mengetahui bahawa dia adalah mangsa AIDS ataupun pembawa satu *sickness* yang amat dahsyat sekali. Apabila dia melakukan perogolan akhirnya dia adalah seorang perogol dan akhirnya dia juga seorang pembunuhan. Sebab tentu sekali akhirnya seseorang yang menerima HIV positif ini, kebanyakannya mereka adalah menjadi mangsa dan akhirnya mereka akan mati juga. Jadi, di sini ada dua kesalahan mereka iaitu merogol dan keduanya mengakibatkan kematian seseorang itu. Maka ini adalah sesuatu yang amat getir pada saya yang harus kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira dengan Fasal 9, iaitu dahulunya ialah seksyen 390, isu curi rugut yang sekarang ini dianggap sebagai satu rompakan dan juga termasuk pencerobohan dalam rumah itu bukan satu kecurian tetapi rompakan. Pada saya, melihat rang undang-undang ini dari segi pembangunan dan ekonomi negara. Kita mengetahui bahawa pelaburan asing akan masuk ke negara kita atas sebab-sebab adanya kestabilan politik, adanya infrastruktur, fizikal yang baik, rang undang-undang yang baik, kos pengeluaran yang tidak tinggi dan lain-lain. Tetapi baru-baru ini, keluhan dan keresahan disuarakan oleh pelabur-pelabur asing yang mengatakan bahawa negara kita ini tidak lagi selamat. Sungguhpun kita masih mengatakan bahawa negara kita selamat tetapi bilangan pencerobohan dan jenayah yang berlaku di negara kita ini meningkat begitu banyak sekali, maka ia tidak lagi dianggap sebagai di antara yang terselamat di Asia Tenggara ini.

Dengan adanya rang undang-undang baru ini yang mengambil tindakan serius terhadap mereka yang meragut dan menceroboh rumah dan perkataan “malam” itu sudah diketepikan dan pencerobohan siang, pagi dan malam itu diambil sebagai sesuatu yang sama sahaja, maka saya merasakan bahawa perasaan ataupun anggapan pelabur-pelabur asing dan juga negara dalaman akan menganggap bahawa Malaysia adalah dalam rancangan ataupun mengambil tindakan sewajarnya yang positif untuk menentukan negara kita ini terus menjadi negara yang selamat, maju dan negara yang sebenarnya ingin membangunkan pembangunan ekonomi negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang adalah satu peruntukan untuk menghukum. Kebanyakan daripada peruntukan yang ada ialah untuk menghukum iaitu pos jenayah. Tetapi kita harus mengambil dalam fikiran kita dan juga saya rasa menteri yang berkenaan tentu akan mengakui atau menerima pengakuan ini bahawa pendidikan budaya sikap yang positif, yang memahami bahawa jenayah itu adalah sesuatu yang tidak akan mendatangkan faedah kepada diri dan masyarakat.

Tiga kumpulan yang penting di dalam soal rang undang-undang ini ialah:

- (i) penjenayah itu sendiri;
- (ii) polis; dan
- (iii) masyarakat kita sendiri.

Penjenayah itu, saya rasa kita boleh mengurangkan jenayah kalau mereka mempunyai pekerjaan yang betul dan mempunyai sikap dan minda yang betul.

Yang keduanya ialah peranan polis itu sendiri. Kalau kita mendengar, kita mengetahui tentang sesuatu jenayah itu, apakah kita dapat bertindak dengan segera? Adakah berkesan respons kita itu? Banyak kali Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya sendiri, apabila kita membuat laporan tentang pencerobohan, lambat sekali menerima respons daripada pihak yang berkuasa, pihak yang menjaga keamanan. Ini adalah kerana tentu sekali sebab sama ada jumlah jenayah

yang berlaku, *at any given time*, dengan izin, adalah begitu besar ataupun keduanya, jumlah mereka yang hendak menjaga keamanan itu tidak begitu ramai.

Saya ingin memberi satu contoh. Ini satu cerita tetapi cerita yang betul di negara Belgium. Ini adalah dilaporkan bahawa satu pasangan yang agak sudah berusia menelefon kepada pejabat polis mengatakan bahawa terdapat pencerobohan di rumahnya sendiri. Apabila dia menelefon, polis itu mengatakan bahawa mereka tidak dapat pergi ke sana dengan segera oleh kerana tidak cukup kakitangan. Maka mereka selepas beberapa minit, menelefon semula mengatakan bahawa, "Kalauolah pihak polis tidak dapat bertindak maka kami akan mengambil tindakan kami sendiri. Kami hendak menembak mereka yang menceroboh rumah kami ini."

Setengah jam selepas itu Tuan Yang di-Pertua, ramai polis yang datang ke rumah mereka termasuk helikopter sendiri untuk menangkap sepasang suami isteri ini kerana mereka hendak mengambil tindakan sendiri untuk membunuh penceroboh. Mereka mencari penceroboh yang dikatakan sudah pun dibunuh oleh sepasang suami isteri ini. Apabila ditanya, "Mana dia? Kamu tidak boleh ambil tindakan begini. Ini adalah satu kesalahan yang besar. Di mana penceroboh itu?" Maka jawab sepasang suami isteri itu "Tadi kata tidak cukup kakitangan. Tidak boleh datang. Apabila kami kata mengancam untuk membunuh, baru datang".

Jadi, kita tidak mahu perkara yang sama berlaku dalam negara kita ini sendiri sebab sememangnya jenayah yang berlaku di negara kita termasuk ragut itu sendiri adalah terlalu banyak yang berlaku. Pertama, respons daripada pihak polis adalah agak lambat. Kedua, masyarakat sendiri tidak mempunyai keprihatinan dan kewibawaan untuk membantu mereka yang menjadi mangsa.

Di sini saya memohon agar pihak kementerian dan juga pihak polis mengambil tindakan untuk mendidik, kalau boleh kita menggunakan perkataan 'didik' masyarakat itu tentang *civil consciousness*. Hukuman adalah *deterrent factor* tetapi kita harus juga mengambil tindakan untuk menjamin bahawa jumlah penjenayah itu tidak akan meningkat, maka segala persediaan untuk mendidik rakyat jelata itu bermula dari sekolah hendaklah kita lakukan dan mungkin pihak polis dan pihak kementerian akan dapat sekali-sekala pergi ke sekolah-sekolah untuk menasihati atau memberi gambaran bahawa perkara-perkara ini adalah sesuatu yang tidak harus berlaku dan kita hendak menanamkan sifat yang positif di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang pelabur-pelabur asing setelah melihat bahawa terdapat rang undang-undang ini yang dibentangkan kepada kita selepas kelewatan, *delayed* dua tahun itu, merasakan keresahan itu sudah pun tidak ada lagi dan mereka merasakan bahawa negara Malaysia adalah satu negara yang bertindak dengan cara yang positif untuk menjamin bahawa kedudukan keselamatan negara kita ini adalah terjamin.

Dengan itu saya sekali lagi berdiri untuk mengucapkan syabas kepada kementerian. Sungguhpun terdapat beberapa *lacuna* masih ada terutama sekali tentang soal *marital rape* tadi dan juga *HIV carrier* itu tidak dijadikan satu yang harus kita masukkan dalam senarai kesalahan

yang terbesar itu, maka kalau bolehlah ini diperbaiki ia akan dapat memperlengkapkan lagi rang undang-undang yang di hadapan kita ini. Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan juga Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah.

Saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas, khasnya Yang Berhormat Pengurus, Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad dan jawatankuasanya yang telah melawat seluruh negara untuk mengadakan prosiding bagi mendengar pandangan dan syor-syor daripada 67 buah persatuan dan 35 individu dan juga telah menerima banyak e-mel dan faks dan juga surat-surat. Bagi pihak masyarakat India dan juga pihak MIC, khususnya MIC Johor, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana banyak cadangan-cadangan yang kita syorkan dalam prosiding di Johor Bharu, di mana saya sendiri sebagai Setiausaha MIC negeri Johor pada ketika itu telah mengetuai satu rombongan untuk bersama-sama dalam prosiding di Johor Baru itu.

Pada waktu itu saya belum dilantik sebagai Senator Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan cadangan memasukkan seksyen baru iaitu hak-hak orang yang ditangkap. Dengan adanya pindaan ini, terutama orang yang ditangkap diberi hak untuk menghubungi ahli keluarga terutama ibu bapa atau rakannya dan juga menghubungi seorang peguam pilihan sendiri. Orang-orang yang ditangkap juga berhak mengetahui secepat mungkin sebab-sebab kenapa dia ditangkap sebelum.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuba rumuskan sama ada terdapat *conflict of interest* di sini tetapi jelas bahawa tidak ada *conflict of interest*. Okey, teruskan.

**Tuan M. Munuasmy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengetahui sebab-sebab kenapa dia tangkap sebelum apa-apa soal selidik dilakukan ke atasnya. Kita berharap pindaan ini akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan pihak polis tidak sewenang-wenangnya memberi interpretasi sendiri tentang ungkapan, ‘*as soon as maybe*’, dengan izin. Saya mengalu-alukan jaminan Yang Berhormat Menteri yang berkata, ‘*as soon as maybe*’, tidak bermaksud lebih daripada 24 jam dalam keadaan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindahan kepada seksyen 117 juga amat tepat. Pada ketika ini terlalu ramai *suspects* dalam tahanan reman yang bersambung-bersambung. Saya amat bersetuju bahawa amalan tangkap dahulu kemudian siasat yang sekarang diamalkan oleh polis harus dihapuskan sama sekali. Amalan ini sebenarnya adalah jalan mudah bagi pihak polis untuk menunjukkan bahawa media dan orang ramai yang mereka telah menjalankan tugas. Pihak polis mungkin kelihatan cekap kerana berjaya melakukan tangkapan dengan cepat tetapi orang yang

ditangkap mungkin tidak bersalah dan mungkin terpaksa dibebaskan kerana tiada bukti yang kukuh untuk mendakwa di mahkamah. Kalau mereka dituduh pun mungkin akan dilepaskan oleh mahkamah kerana kekurangan bukti.

Malangnya apabila suatu tangkapan telah dibuat, pihak polis tidak akan meneruskan penyiasatan atau memberi keutamaan kepada kes itu. Mereka hanya akan melakukan soal siasat kepada orang yang sudah ditangkap dan mungkin penjenayah yang sebenarnya akan terlepas. Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak hal polis akan cuba menggalakkan dengan pelbagai cara supaya orang yang ditangkap mengaku salah dan menerima hukuman yang ringan dari mahkamah. Pernah berlaku apabila seseorang itu di dalam tahanan reman dan tidak pula dibenarkan ikat jamin atau tidak mampu mengadakan wang jaminan sambil menunggu tarikh perbicaraan, dia mungkin dibebaskan lebih awal dari tahanan sekiranya dia mengaku salah sahaja daripada membela diri yang tidak salah.

Sehubungan itu, pihak MIC Johor telah membuat beberapa cadangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas tentang isu *bail* atau ikat jamin, di mana kami mencadangkan supaya jumlah wang jaminan itu tidak membebankan orang yang kena tuduh dalam keadaan di mana orang yang ditangkap itu besar kemungkinan tidak bersalah. Soal jamin itu adalah sangat penting. Tuan Yang di-Pertua. Kami juga ada menerima pengaduan bahawa seorang itu ditangkap semata-mata kerana berada secara kebetulan di tempat kejadian ataupun pernah mempunyai rekod kesalahan jenayah, atau boleh jadi juga tidak ada sebarang rekod tetapi sebagai mangsa kepada fitnah.

Apabila sudah ditangkap, walaupun tidak melakukan kesalahan dan kemudian dibebaskan setelah ditahan tiga hari atau seminggu, sudah cukup untuk merosakkan nama baik orang yang berkenaan. Dia mungkin diberhentikan kerja oleh majikan atau tunangan diputuskan. Kita selalu melihat dalam siri-siri polis atau penyiasatan di TV di mana tangkapan hanya dibuat setelah siasatan yang teliti dibuat oleh polis dan pihak pendakwa mempunyai bukti yang cukup untuk menyabitkan kesalahan di mahkamah. Inilah amalan yang patut dicontohi oleh pihak polis kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga mengalu-alukan pindaan-pindaan kepada seksyen 112 dan 113 dan memansuhkan penggunaan ‘pernyataan beramaran’, ‘cautioned statement’ sebagai keterangan di mahkamah untuk menyabitkan kesalahan tertuduh. Kalau pernyataan itu dibuat oleh tertuduh ia hanya boleh digunakan di mahkamah untuk membantu pembelanya. Pihak pendakwa tidak boleh lagi bergantung kepada *confession*, pengakuan bersalah yang semata-mata dan diwajibkan mengemukakan bukti-buktii yang kukuh untuk menyabitkan kesalahan, *beyond reasonable doubt*, dengan izin.

Adakah ini akan menyulitkan tugas polis kita dan membolehkan penjenayah-penjenayah bebas kerana sukar membuktikan kesalahan mereka? Pada pandangan saya, lebih baik sekiranya 10 orang penjenayah bebas daripada seorang manusia yang tidak bersalah dan

meringkuk di penjara kerana tuduhan palsu. Saya percaya kalau pasukan polis kita menjalankan tugas mereka dengan cekap dan beramanah, sentiasa prihatin dalam memelihara hak-hak asasi manusia, mereka pasti akan mendapat sokongan dan kerjasama yang berlipat-ganda dari masyarakat. Kita mahu polis sebagai rakan atau kawan, bukan lawan orang ramai.

Begitu juga peraturan yang dicadangkan supaya laporan polis boleh dibuat di mana-mana sahaja dan keperluan bagi pihak polis memberi laporan tentang status penyiasatan, *status report*, dengan izin, adalah satu langkah yang akan menaikkan imej polis sebagai pasukan yang mesra rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pindaan seksyen 293 iaitu memasukkan perenggan (E) yang baru, memberi kuasa mahkamah untuk membuat perintah khidmat masyarakat sebagai pilihan kepada hakim. Saya percaya hukuman melakukan khidmat masyarakat ini adalah lebih bermanfaat bagi pesalah muda berumur antara 18 hingga 21 tahun.

Dalam usia muda begitu kalau mereka dipenjarakan ia hanya seolah-olah menghantar mereka masuk ke ‘universiti jenayah’, dengan izin, untuk menjadikan mereka lebih bersikap *hardcore criminals*, dengan izin, atau penjenayah tegar apabila dibebaskan nanti. Di dalam penjaralah mereka bergaul dengan penjenayah-penjenayah veteran yang berperanan sebagai mentor dan seboleh-bolehnya kita elakkan perkara ini. Sehubungan dengan ini, saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian sama ada amalan menempatkan orang-orang muda yang ditahan reman iaitu menunggu perbicaraan dan belum disabitkan kesalahan ditempatkan dalam penjara biasa bersama pesalah-pesalah yang sedang menjalani hukuman. Dari apa yang saya difahamkan, pernah satu ketika dahulu anak-anak yang berumur 14 dan 15 tahun ditahan di Penjara Sungai Buloh sambil menunggu perbicaraan.

Ini sahajalah beberapa perkara yang saya ingin utarakan. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Puan Mumtaz bin Md. Nawi.

#### **5.00 ptg.**

**Puan Mumtaz bin Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membentarkan saya untuk turut sama membahaskan dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan. Islam adalah satu agama yang syumul yang telah pun lengkap perundangannya tanpa perlu kita meminda atau menambah atau mengurangkannya. Tiada perbezaan yang dikenakan oleh Islam terhadap apa-apa perlakuan jenayah sama ada membabitkan lelaki atau perempuan atau membabitkan perempuan yang berada dalam perkahwinan ataupun di luar perkahwinan.

Oleh yang demikian saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang tidak memasukkan kesalahan *marital rape* secara terang-terangan dalam pindaan rang undang-undang yang dibentangkan hari ini dan memasukkan 375A iaitu menjadikan *main ingredient* nya adalah *causes hurt or fear of death or hurt to his wife or any other person*. Cuma dalam

melibatkan seksyen ini saya bimbang sekiranya ada *tendency* untuk mensabitkan dalam usaha kes ini bagi menekankan *in order to have sexual intercourse*. Bukanlah dijadikan *main ingredient causing hurt* itu sendiri tetapi hendak dikaitkan dengan *to have sexual intercourse* kerana mungkin perkara ini akan menyebabkan *ingredients* ini susah hendak dipenuhi di peringkat pembuktian dan pertuduhan kes ini di mahkamah. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga bersetuju dengan pindaan dalam 376. Walau bagaimanapun untuk di bawah subseksyen (f) yang disebut “*with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her; or*”. Dalam kes ini, perkataan “*with her consent*”, sebagai seorang wanita saya merasakan bila disebutkan “*with her consent*”, seolah-olahnya perempuan yang berada di bawah kuasa seorang lelaki itu akan dengan mudahnya menyerah.

Saya lebih suka kalaulah benda ini boleh dipertimbangkan, kita boleh sebut “*with her consent or without her refusal when the earlier is obtained by using his position or authority*” sebab...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Saya teringat tentang satu perkataan lain yang sebenarnya lebih mungkin *exact*, tepat iaitu “*submission*” sebab *submission* membawa erti elemen paksaan itu ada juga tetapi kalau “*with consent*” itu kadangkala membawa erti macam tidak ada penolakan langsung. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Puan Mumtaz?

**Puan Mumtaz bin Md. Nawi:** Inilah perkara yang saya bimbangkan akan dipandang oleh orang yang mula-mula mungkin melihat “*with her consent*” seolah-olah perempuan yang dirogol tersebut dengan sukarela menyatakan persetujuan ataupun langsung tidak membantah dan merelakan. Jadi kemungkinan perkataan yang lebih tepat boleh digunakan dalam usaha kita menunjukkan sensitiviti kita kepada *gender*. Jadi kalau “*with her consent*” ataupun macam tadi yang dicadangkan, “*submission*” itu, kalau boleh kita perbaiki sedikit penggunaan perkataan itu mungkin akan lebih menampakkan bahawa kondisi perempuan tersebut dan kondisi lelaki tersebut dari segi *mens rea* nya memang menggunakan keseluruhan kuasanya untuk memaksa perempuan tadi ataupun merogol perempuan yang telah menjadi mangsa dalam kes seperti ini.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan setelah kita membincangkan dengan panjang lebar tentang pindaan rang undang-undang ini bahawa nampaknya secara keseluruhan kita amat bimbang dengan keadaan yang berlaku dalam rumah tangga hari ini. Kebanyakan perkahwinan bukan lagi dikatakan satu perkahwinan yang bahagia. Banyak orang takut untuk berkahwin kerana merasakan kemungkinan perkahwinan mereka tidak akan di tempat mereka mencari perlindungan.

Oleh yang demikian saya juga turut mencadangkan sekiranya dapat dibuat satu dasar tentang pendidikan selepas perkahwinan kerana ini merupakan sekiranya dapat dilaksanakan sama ada dalam bentuk peperiksaan atau kursus atau apa-apa cara pun dibuat, ini akan bukan

menyelamatkan satu manusia tetapi satu generasi manusia. Sekiranya kita dapat melaksanakan pendidikan selepas perkahwinan kepada para suami yang telah pun dari semasa ke semasa naik pangkat kepada isteri yang dari semasa ke semasa telah pun ketinggalan berbanding dengan suami yang mungkin *advanced* dari segi seminar,dari segi *course*, dari segi pergaulan. Di mana isteri yang berada di rumah mungkin tidak akan dapat pendidikan sebegini. Jadi sekiranya dapatlah kita jadikan satu *syllabus* untuk memberikan pendidikan kepada para isteri, *insya-Allah* masalah jenayah seksual dalam perkahwinan ini mungkin dapat dielakkan.

Yang ketiga seterusnya tentang keselamatan di rumah adalah menjadi tugas seorang suami, seorang wali, seorang ayah untuk memberikan perlindungan di rumah tetapi nampaknya akhir-akhir ini rumah bukan lagi merupakan tempat yang selamat untuk isteri, untuk anak perempuan berada di rumah kerana mereka terdedah kepada perogol-perogol bersiri yang dikenali. Jadi sekiranya perkara ini kita tidak boleh ubah minda masyarakat bahawa rumah adalah tempat yang paling selamat, ayah adalah orang yang paling melindungi kita, ibu adalah orang yang menyayangi kita, kita akan lihat satu generasi yang akan termusnah jati dirinya. Dia tidak merasakan lagi inilah ayah yang perlu dihormati, inilah ibu yang perlu disayangi kerana orang ini yang memusnahkan kehidupan dan maruah mereka sendiri.

Seterusnya lagi, saya juga ingin mengemukakan tentang fungsi pihak polis dalam usaha kita hendak mencegah jenayah sebab sebagai orang yang selalu berhadapan dengan pihak polis, saya sebenarnya bersimpati dengan bebanan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada pihak polis berbanding dengan pengiktirafan, pujian serta pengharapan dan cara kita memartabatkan imej polis sendiri. Sebagai contohnya saya bawa contoh tentang seorang polis trafik, dia bukan sekadar akan bertindak untuk menjaga keselamatan tetapi juga hendaklah mengawal trafik, mungkin juga terpaksa menghadiri kes mahkamah dan seterusnya akan menguruskan kes-kes pentadbiran dan juga akan menyelesaikan kerja-kerja siasatan.

Jadi bayangkan seorang manusia terpaksa berdiri di tengah panas, kemudian terpaksa pergi ke tempat siasatan, balik semula ke pejabat, siapkan semua kerja. Bebanan ini ditanggung oleh seorang polis dan kita mungkin pada zaman dahulu kita akan panggil polis ini, kalau di Kelantan dipanggil "datuk", maknanya dia panggil "datuk" hormatnya dia pada polis tetapi saya rasa sekarang tidak ada lagi orang akan panggil "datuk" kepada polis sebab mungkin imej yang cuba digambarkan melalui media. Seolah-olah polis ini akan mungkin membahayakan kita sama ada mungkin menangkap kita tanpa usul periksa, tangkap dahulu kemudian siasat, ataupun polis ini mungkin akan mencederakan kita kalau kita ditangkap ataupun macam-macam lagi gambaran buruk yang cuba digambarkan kepada pihak polis.

Saya rasa ini perkara yang tidak wajar yang mana kerajaan perlu ambil tindakan yang amat sensitif supaya imej dan martabat polis ini akan dipandang tinggi supaya sekarang kita tengok polis rasa selamat. Sekarang kita tengok polis, kita fikir, "Ini polis betul kah, polis palsu?" Maknanya perkara macam tersebut pun boleh berlaku bagi seorang manusia di Malaysia hari ini.

Jadi perkara ini sekiranya kita dapat buat imej atau martabat polis ini dimartabatkan atau diperkasakan, saya ingat, *insya-Allah* tentang masalah-masalah yang berlaku sehingga kita terpaksa pindah berpuluhan-puluhan akta ini akan dapat kita kurangkan ataupun mungkin kita boleh cegah kerana mereka merupakan orang yang paling rapat dengan orang ramai untuk mencegah jenayah.

Seterusnya lagi tentang perkataan yang telah pun digunakan dalam lafaz taklik di mahkamah. Jadi kemungkinan perkara ini tidak berkaitan dengan orang-orang bukan Islam. Tetapi sebagai orang Islam, saya bersyukur kerana lafaz taklik yang telah pun diperkenalkan di bawah Enakmen Keluarga Islam Negeri masing-masing menyebut sekiranya seorang suami memudaratkan atau mencederakan isterinya dan sekiranya isterinya mengadu kepada hakim, sekiranya hakim sabitkan benda ini, dia akan mendapat talak *khul'e* tetapi dibimbangi dengan laporan jawatankuasa yang telah diketuai oleh menteri menunjukkan bahawa ada suami-suami yang tidak bertanggungjawab yang mana suami ini akan menyebarkan atau memaksa isteri untuk mengadakan hubungan seks dengannya. Dalam keadaan ini, saya rasa perkataan lafaz taklik mungkin perlu dipinda dengan menambah perkataan “akan”, “Bahawa sekiranya saya ini akan atau memudaratkan isteri saya...”.

“...Akan memudaratkan dan memudaratkan” sebab perkataan “akan” itu akan mencegah suami daripada mengancam atau mengugut isteri yang telah pun menjadi isterinya. Perkara ini mungkin kita memerlukan kerjasama daripada semua negeri untuk perlunya satu pindaan perkataan dalam lafaz taklik untuk memudahkan lagi dan memberi lebih perlindungan kepada wanita Islam untuk mendapatkan haknya setelah beliau merasakan dirinya terancam.

Seterusnya lagi tentang masalah kelucahan. Semalam seorang Senator telah bertanya tentang masalah kelucahan yang melibatkan tarian bogel. Saya rasa dalam seksyen yang kita pindah ini tidak sebut tentang hukuman yang lebih teruk kepada orang-orang yang terlibat dengan aktiviti lucah. Kemungkinan saya rasa cadangan yang boleh dibuat untuk aktiviti lucah termasuk bogel dan sebagainya mungkin *whipping* atau sebatan itu perlulah dijadikan satu syarat wajib dan mandatori supaya akan menimbulkan rasa gerun kepada orang yang terlibat dalam aktiviti seperti ini mahupun menyebarkan perkara-perkara seperti ini.

Yang satu lagi tentang penderaan secara mental dan psikologi yang dihadapi oleh para isteri, kemungkinan melalui *domestic violence act* dengan izin, isteri akan dikatakan didera sekiranya dia didera secara mental dan fizikal tetapi masalahnya penderaan mental dan fizikal sehingga kini amat sukar dibuktikan di peringkat mahkamah.

Jadi sekiranya kita rasakan di Malaysia hari ini banyak kursus dibuat kerana kita merasakan ramai rakyat kita yang telah pun merasa *stress* dan tekanan ini tetapi bagaimana pembuktian, bagaimana pembuktian, bagaimana kesedaran, bagaimana elakkan yang kita boleh buat supaya bukan setakat isteri tadi didera secara fizikal, luka ada *hurt*, takut kematian tetapi secara mental dan fizikal kerana kecederaan mental dan psikologi seorang isteri akan

memudaratkan bukan dirinya sahaja tetapi seluruh keluarganya kerana isteri tersebut akan berada dalam keadaan tekanan.

Dan saya juga rasa berbangga untuk mendengar daripada kementerian yang memberitahu bahawa kita ini dalam keadaan dilancarkan Kempen Budi Bahasa. Dan saya lihat dalam banyak perkara yang melibatkan kerajaan, sekiranya hendak hadir kepada mana-mana majlis rasmi, pakaian yang dicadangkan adalah sopan.

Jadi, saya rasa tidak salah kalau kita tidak boleh kata semua orang Islam kena pakai tutup aurat sekalipun sekiranya kerajaan menguar-uarkan pemakaian sopan ini ke seluruh program-program rasmi atau tidak rasmi, mungkin dengan cara ini, kita akan dapat menggalakkan rakyat memakai pakaian yang lebih bersopan santun dan mungkin dengan cara ini, kadar jenayah dapat direndahkan.

Saya juga ingin sebagai yang terakhirnya berharap semua pindaan-pindaan yang telah diberikan, hak-hak yang telah diberikan kepada suspek, kepada pihak polis, kepada mahkamah dari segi pindaan ini akan dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya, oleh itu saya dengan ini menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan 2004 ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana satu kajian yang dijalankan di negara kita ini mendapati beberapa peratus daripada wanita berkahwin didera secara fizikal oleh suami mereka, sementara itu 68 peratus daripada mereka didera ketika sedang mengandung dan sebagainya. Persoalan saya amat mudah. Mengapa perlunya kita menentang suatu pindaan yang jelas dapat meletakkan si isteri yang juga ibu pada anak-anak kita pada suatu tahap yang selamat dan dihormati.

Oleh itu, sudah sampai masanya Malaysia menghapuskan penderaan seksual dan keganasan yang berlaku kepada wanita di dalam sebuah perkahwinan dengan memasukkan kesalahan terbabit di dalam Kanun Keseksaan. Tuan Yang di-Pertua, hanya kita mengharapkan janganlah pula pihak tertentu terutama kepada para ulama agar jangan mempropagandakan isu ini dengan menuduh pihak badan NGO mempromosikan pengaruh atau nilai-nilai barat, tetapi fahaman patut dapat memahami bahwasanya perlunya perlindungan dan kezaliman akibat keganasan perlu perlindungan dan keadilan untuk wanita bagi mencegah penganiayaan dan kezaliman akibat keganasan seksual yang hakikatnya berlaku di kalangan masyarakat Malaysia. Di mana kita patut ingat Islam Hadhari melindungi wanita. Jangan hafal konsepnya sahaja tetapi gagal melaksanakannya pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikuti perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat ini, hati kecil saya berbisik, ganas juga lah laki-laki ini.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** ...[Ketawa] Betul, memang Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan gamat seketika dengan ketawa]*. Percaya atau tidak Tuan Yang di-Pertua, kes rogol isteri memang berlaku di dalam rumah tangga, cuma tabiat masyarakat kita yang segan silu membincangkan isu ini. Maklumlah, ini kan hal dalam kain suami isteri. Jadi, dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dalam pindaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Hajah Azizah Abd. Samad.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Menteri Timbalan Menteri ada dua orang di sini yang sanggup bersama-sama dengan kita semata-mata untuk mendengar hujah-hujah kami, insan di Parlimen ini. Kita, saya hendak sentuh dahulu Tuan Yang di-Pertua tentang PDRM ya. Kita sedia maklum bahawa usaha kerajaan untuk menjadikan Polis Diraja Malaysia, satu pasukan keselamatan bertaraf antarabangsa. Kita tahu bahawa rakyat semakin bijak dan tahu sedikit sebanyak apa itu hak asasi manusia.

Setiap kerja PDRM berkaitan rapat dengan masyarakat dan tuntutan masyarakat ke atas tahap profesionalisme PDRM semakin meningkat. Adalah baik untuk memasukkan peruntukan baru ini kerana masyarakat atau lebih spesifik pembuat laporan polis iaitu pengadu mahukan maklumat tentang apa yang telah dan sedang dilakukan oleh PDRM ke atas laporan-laporan mereka. Walau bagaimanapun, adakah pihak PDRM bersedia dengan sumber manusia? Terutamanya pegawai-pegawai penyiasat untuk menjalankan semua siasatan tepat pada masanya.

Pihak pegawai penyiasat di kawasan yang berpenduduk padat seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru serta indeks jenayah yang tinggi akan sentiasa bergelut dengan had masa seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 107A ini. Kita tidak berharap akan ada pegawai penyiasat diambil tindakan disiplin sebelum suspek diambil tindakan kerana gagal mematuhi had masa yang ditetapkan dalam seksyen 107A ini. Apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah jangan kita terburu-buru untuk menguatkuasakan seksyen 107A ini selagi sumber manusia PDRM ini jelas tidak dapat memenuhi kehendak peruntukan baru ini. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, kita juga hendak mempertimbangkan keupayaan dan kecukupan pegawai penyiasat..

**Tuan Yang di-Pertua:** Senang sahaja. Bila tengok Cokmar di atas, Yang di-Pertua. Bila Cokmar di bawah, ‘Pengerusi’..

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tersasul Tuan Yang di-Pertua, sebab banyak sangat tadi mereka menyebut perkataan “merogol”... *[Ketawa]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kaitan Pengerusi dengan merogol tu?.. *[Dewan gamat dengan ketawa]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sebab fokus dekat situ Tuan Yang di-Pertua, sebab nak menjawab karang. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita juga hendak mempertimbangkan keupayaan dan kecukupan pegawai penyiasat untuk mematuhi kehendak seksyen 120 yang baru. Jangan kita meletakkan PDRM dalam keadaan telan mati mak, luah mati bapak. Berlaku adil kepada pembuat laporan polis adalah penting tetapi bersikap saksama kepada penguat kuasa yang akan menjalankan tugas siasatan juga sama pentingnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan, pindaan ini dan saya bersetujulah, saya ucapkan tahniah sepenuhnya agar tindakan suami merogol isteri patut dijadikan sebagai satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan di negara ini memandangkan impak dan implikasi yang serius terhadap sesebuah keluarga akibat perbuatan suami yang bertindak merogol isterinya sendiri. Ada kaum bapa mengatakan tidak perlu menggunakan perkataan "merogol" sebab dia kata gunalah perkataan "seks paksaan". Tetapi mengikut Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak ada seks paksaan dua-dua rela...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila saya kata itu?... *[Dewan gamat dengan ketawa]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tadi masa saya tanya pandangan Tuan Yang di-Pertua di luar... *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahaya orang ini. Tidak boleh seloroh di luar.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, jika suatu masa dahulu kita dikejutkan dengan laporan media di mana si suami telah merakamkan aksi si isteri sedang mandi Tuan Yang di-Pertua. Dia merakamkan isterinya sedang mandi dengan telefon bimbitnya dan mengugut akan menyebarkannya. Hari ini pula saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia ini kepada laporan Akhbar Kosmo bertarikh 24 Julai 2006 di mana akhbar itu berbunyi berikut, "*Polis tahan suami gila seks, isteri dikurung dan dipukul*".

Menurut laporan akhbar ini, polis di Tanah Merah telah menahan seorang suami yang sanggup mengurung isteri sendiri untuk didera dan melayan seks luar tabiinya. Isterinya juga dilarang bersama empat orang anaknya yang berumur 12 hingga 22 tahun walaupun mereka tinggal serumah. Suami yang berusia 54 tahun akan memaksa isterinya menelan pil khayal sebelum melakukan hubungan seks. Tidak cukup....

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar suami mendera isteri dan memaksa melakukan seks di luar tabii. Bagaimana pula baru-baru ini juga berlaku seorang isteri menyimbah asid kepada suaminya pula. Bukankah itu satu penderaan? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama ganaslah itu... *[Dewan gamat dengan ketawa]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, itu hanya segelintir Yang Berhormat, satu sahaja. Tidak banyak pun kita dengar hari-hari dalam surat khabar kalau dibandingkan dengan apa yang dilakukan oleh pihak lelaki. Yang itu sebab dia sayangkan suami dia yang telah bersama beberapa tahun dan telah mempunyai anak. Mungkin suaminya tidak pandai memujuk. Dia main terjah sahaja hendak tambah lagi seorang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak kena simbah asid, biar tidak sayang lagi baik...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sebab dia sayang Tuan Yang di-Pertua, dia tidak sanggup berpisah.

Tidak cukup dengan itu, isterinya yang berusia 46 tahun itu turut dipukul malah setiap kali mengadakan hubungan seks, suspek akan merakamkan suara isterinya menggunakan telefon bimbit. Sebelum ini mangsa pernah membuat aduan di Ibu Pejabat Polis Daerah Tanah Merah pada 2001 mengenai perbuatan suaminya. Pada ketika itu polis telah mengklasifikasikan kes tersebut hanya sebagai kes rumah tangga biasa. Kes ini adalah merupakan salah satu contoh keganasan seksual oleh suami terhadap isteri. Tetapi bagaimana pula dengan isteri-isteri yang tidak melaporkannya? Dalam kes ini isteri bernasib baik kerana dapat melaikkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga timbul kekhawatiran di kalangan kaum suami terhadap pindaan Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat Dato' Wan Ahmad Farid dia mengangguk sahaja. *Confirm.* Dia khuatir. Ini seolah-olah menindakkan hak si suami ke atas isteri. Saya tahu lah ada orang mengatakan bahawa isteri ini macam tanah kebun sayur. Tanam sahaja dia kata. So, ini kita hendak buktikan tidak patut dibuat macam itu. Undang-undang ini seolah-olah menidakkann hak si suami ke atas isteri.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah tadi diberatkan isteri sebagai kebun itu yang sebenarnya bukan orang yang cakap, orang itu menyebut apa yang ditegaskan dalam Al-Quran itu sebenarnya. Kita kena ingat itu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga faham itu. Saya juga faham kita ini macam tanah kebun. Kita juga akan dilaknat oleh malaikat, kita paling kiri pun tidak boleh, membela kangkan suami. Kita faham juga yang kita semua kalau hendak masuk syurga tidak mahu masuk neraka kita kena ikut cakap suami. Itu semua saya faham. Tetapi Islam tidak ganas atau zalim terhadap wanita. Mesti ada sebab-sebabnya. Islam senantiasa menghargai wanita dan senantiasa menegaskan jangan ada kezaliman terhadap wanita. Jadi di sini saya sebutkan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Semangat di sebalik nas berkenaan mungkin..mungkin ialah kebun yang perlu dibaja-baja.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Biar subur, dijaga dan dibelai dengan penuh kasih-sayang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang prihatin terhadap wanita. Tapi Tuan Yang di-Pertua ada seorang sahajakan?.. *[Dewan gamat seketika]*

Dan sekiranya pindaan ini nanti berkuat kuasa maka apabila si isteri melaporkan kesalahan kepada pihak polis, ianya hanya akan memporak-perandakan sesebuah keluarga itu. Itu kata kaum lelaki. Namun saya mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza berhubung hal ini kerana pada fikiran saya perbuatan merogol isteri oleh si suami yang juga berpangkat bapa ini yang menjadi penyumbang bukan sahaja terhadap keruntuhan keharmonian sesebuah keluarga tetapi juga akan menyumbang kepada menularnya gejala sosial yang berputik dari rumah dan kemudiannya menular ke dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang perbuatan mengugut, menakut-nakutkan isteri dan kemudian merogolnya akan menyumbang kepada episod trauma....

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi kah Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tidak banyak, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bukan apa, saya kasihan kepada Yang Berhormat Menteri... yang menunggu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okay, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua. Sedikit, lagi satu *point* sahaja. Saya akan berhenti Tuan Yang di-Pertua bila habis saya cakap. Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua..dan kemudian merogolnya akan menyumbang kepada episod trauma bagi anak-anak di dalam sesebuah keluarga apatah lagi bila anak-anak menyaksikan seorang bapa bertindak kejam terhadap ibu mereka. Laporan akhbar yang saya sebutkan tadi cukup jelas juga untuk menyokong hujah-hujah saya. Dalam kes ini si isteri bukan sahaja terpaksa akur dengan tabii seks suaminya yang luar biasa malah telah dikunci dan dipisahkan.....

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Sebab nama saya disebut tadi Tuan Yang di-Pertua. Negara ini adalah negara yang mengamalkan kedaulatan undang-undang. Jadi seorang isteri yang dikatakan didera, ada pilihan sama ada untuk melalui Mahkamah Sivil dalam erti kata sivil ataupun Mahkamah Syariah. Dalam konteks ini seorang isteri boleh pergi ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan *restraining order* dalam bahasa Arabnya mungkin dipanggil *mubarakah* iaitu untuk mengasingkan suaminya daripada mengacau ganggu isterinya. Jadi *option* ini sepatutnya digunakan oleh isteri dalam Mahkamah Syariah.

Apa yang berlaku hari ini adalah isteri-isteri tidak menggunakan forum Mahkamah Syariah sebagai satu forum untuk menyelesaikan masalah rumah tangga. Apa ulasan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Memang itu satu pandangan yang baik. Cuma kadang-kadang si isteri ini malu Yang Berhormat. Kadang-kadang mereka terlalu malu untuk mengeluarkan cerita-cerita rumah tangga dan saya juga setuju. Saya ucapkan tahniah hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang mengeluarkan undang-undang ini yang sentiasa menjaga *protect* kaum wanita. Terima kasih Yang Berhormat kerana beri peluang saya untuk menjawab itu.

Daripada anak-anaknya sedangkan mereka tinggal sebumbung. Dia kunci isterinya, tidak bagi emak dan anak berjumba. Anak si isteri ini adalah yang telah berumur 22 tahun. Cukup dewasa dan tahu apa itu seks. Jadi contoh bagaimakah yang ditonjolkan oleh si suami itu dan juga bapa ini selaku ketua dan pelindung keluarga terhadap anak-anaknya? Saya takut anak terunanya nanti mencontohi sikap si bapa dan memperkosa pula adik-adik perempuannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tiada perbezaan di antara keganasan seksual yang berlaku di luar atau di dalam perkahwinan. Keganasan seksual yang berlaku di dalam rumah tangga tetap keganasan dan salah dari segi undang-undang dan hukum syarak, malah satu kajian yang dijalankan di negara ini pada tahun 1994 mendapati 39% daripada wanita berkahwin didera secara fizikal oleh suami mereka. Sementara itu 68% daripada mereka didera ketika sedang mengandung, zalim Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir jika keadaan ini tidak terkawal maka ia akan merebak seperti barah di dalam institusi keluarga itu.

Kalau isu ini pun tidak dapat kawal dan ditangani bagaimana pula kita ingin membangunkan modal insan negara. Bukankah si isteri dan seseorang ibu itu berperanan penting dalam menggarap dan membentuk sahsiah diri anak-anak agar berpersonaliti unggul dan berminda kelas pertama...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi yang menyebabkan ramainya kaum wanita takut nak berkahwin. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Ya, mungkin ini adalah satu-satu sebabnya. Saya pernah bercakap dengan beberapa orang anak-anak puteri yang dah berumur 27 tahun ke atas dan saya kata, "Kenapa tak ada cari *partner*?" "*Who needs them*" Dia kata, dengan sekeping kertas "*Just one piece of certificate, we will make our life miserable*". Itu yang mereka kata. Tuan Yang di-Pertua. Kadangkala ingin saya bertanya kepada diri saya sendiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka, maka dengan kata-kata itu...

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, okey-okey. Saya nak sebut tentang Akta Keterangan itu Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan komunikasi di antara isteri dengan izin, *privileged communication* itu, bila di bawah Akta Keterangan ni, mereka tak boleh ambil keterangan daripada isteri atau suami. Macam mana pihak pendakwaan akan

membuktikan pertuduhan ke atas seorang suami jika apa yang dikatakan kepada isterinya akan menjadi satu keistimewaan.

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, macam mana pihak pendakwaan akan membuktikan pertuduhan ke atas seorang suami, jika apa yang dikatakan kepada isterinya akan menjadi satu keistimewaan komunikasi yang ditegah daripada dikemukakan di mahkamah, yang ini Akta Keterangan. Bolehkah seorang isteri berkata di mahkamah, bahawa suaminya adalah tertuduh, maka si isteri boleh mengetepikan keistimewaan yang diberikan oleh undang-undang ke atas si suami.

Saya percaya pendapat pakar undang-undang amat berguna dalam hal ini. Sebagai tambahan dalam kes-kes seperti ini lazimnya, lazimnya perhubungan suami isteri di antara tertuduh dan mangsa mungkin sudah diputuskan atau mungkin diambil perpecahan.

Dalam keadaan ini kredibiliti keterangan pihak-pihak menjadi isu kerana dalam kes-kes seperti ini boleh kita pra lihat bahawa keterangan yang ada ialah cakap si isteri melawan cakap suami *your words against...*, okey dah nak habis. Okey, last sekali saya nak sebut di sini iaitu cadangan untuk memasukkan seksyen 289C Kanun Tatacara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong agar pesalah kesual dikenakan sebatan walaupun telah melebihi umur 50 tahun, sebab jika mereka mampu melakukan kesalahan seksual, maka saya percaya mereka mampu juga untuk disebat.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Saya nampak ada orang yang telah dijanjikan? Saya tak tahu..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab saya tengok hanya Dato' saja yang bangun tadi.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa nak dulu. Dato' dulu..

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih..

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Dato' Haji Abdul Rashid dahulu, lepas itu Datin Paduka Nor Hayati.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya turut sama membahaskan Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Saya nak menyebut secara umum sahaja.

Yang pertama, saya turut sama-sama mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menterinya yang menjadi Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas, sama-sama dengan jawatankuasa yang telah berusaha bersungguh-sungguh supaya suatu rang undang-undang

yang lebih layak, yang lebih terbuka dapat dikemukakan kepada Parlimen dan dapat sama-sama kita bahas hari ini.

Kepada sebuah kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai majoriti yang besar di dalam Dewan Parlimen, saya rasa undang-undang ini cukup senang untuk diluluskan. Tapi, oleh kerana kerajaan kita ini, kerajaan yang bertanggungjawab yang mengharapkan bahawa pandangan-pandangan yang lebih baik mungkin barangkali sebagianya daripada orang yang ahli atau yang berpengalaman dalam hal ini turut sama menyediakan rang undang-undang ini, maka dilantiknya satu jawatankuasa pilihan. Jadi, kita rasa ini satu perkara yang harus kita beri pujian sebaik-baiknya.

Cuma saya nak menyebut satu *observation* saya, satu pemerhatian saya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa representasi daripada kalangan agama kurang di sini, walaupun terdapat JAKIM dan beberapa orang, tapi daripada segi manfaatnya daripada kalangan agama khususnya agama Islam, maksud saya turut serta membuat representasinya di dalam usaha ini adalah sangat baik, tambah-tambah pula kalau kita telitikan jawatankuasa yang dilantik oleh Parlimen, seorang sahaja yang saya nampaklah yang ada pengalaman ataupun pengetahuan agama secara mendalam dalam hal ini.

Saya tak menafikan pengetahuan yang dimiliki oleh Yang Berhormat Pengerusinya, saya tidak menafikan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya rasa alangkah moleknya kalau dalam perkara-perkara yang seumpama ini input daripada masyarakat Islam, *input* daripada ulama dan input daripada orang-orang yang tertentu diambil kira dan saya rasa banyak hal yang boleh diselesaikan atau dijernihkan dengan adanya pandangan-pandangan daripada orang-orang yang seumpama itu. Misalnya kita ambil contoh berhubung dengan apa yang disebut *marital rape* ataupun rogol isteri sendiri.

Mungkin daripada segi pandangan Islam ada cara-cara ada tafsiran-tafsiran yang boleh memurnikan lagi masalah yang kita hadapi, dan mungkin sebahagian besar daripada masalah-masalah yang disebut daripada beberapa orang sahabat kita dalam Dewan ini berhubung dengan keganasan rumah tangga dan *domestic violence* boleh kita selesaikan dengan kaedah-kaedah agama.

Bila kita sebut keganasan suami terhadap isteri, kita menyebut dalam banyak hal berat sebelah. Tapi, harus juga kita ingat bahawa timbulnya penderaan suami ke atas isteri, kerana isteri itu lebih dahulu mendera suaminya tidak menyediakan hubungan seks yang sangat-sangat diperlukan oleh suami, dinafikan dalam banyak hal.

Jadi, dengan cara tidak langsung suami telah menderita ibarat seekor harimau yang telah tidak diberi makan, suami menjadi begitu ganas maksud saya "harimau" bukan "hari-hari mahu" Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerana itu tidak hairan kerana dia telah lebih dahulu didera oleh isterinya, maka sebagai tindakan balas dia telah mendera isterinya. Jadi, ini barangkali tidak

ditimbulkan bukan maknanya wanita-wanita kita tidak tahu hal ini, saya minta maaflah tapi sengaja tidak ditimbulkan hari ini.

Seperti kata orang tua-tua menampar dengan mencubit, sakitnya lebih kurang tetapi yang menampar lebih kelihatan daripada yang mencubit, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya rasa dalam hal ini ada manfaat kalau kalangan-kalangan agama di bawa duduk dalam jawatankuasa yang seumpama ini atau representasi yang lebih luas di sediakan, diberi peluang kepada mereka.

Ini tidak bermakna bila kita hendak menggunakan lebih banyak punca-punca daripada agama ertinya kita cuba cuba hendak membuat apa yang disebut selama ini, hukum *hudud* dan sebagainya, tidak semestinya begitu. Ini kerana percubaan-percubaan dalam waktu yang lalu dengan secara yang begitu hebat hendak mengemukakan hukum *hudud*, maka timbul ketakutan di banyak kalangan orang. Sedangkan kalau kita perhatikan baik-baik ada hukum-hukum tertentu yang berdasarkan agama Islam yang cukup bagus untuk kitajadikan asas setidak-tidaknya.

Kalau pun kita tidak terima sepenuhnya untuk beberapa undang-undang yang terpakai dalam negara kita. Sepatutnya dalam sebuah negara yang telah mengisytiharkan sebagai sebuah negara Islam, ini adalah asas yang paling baik. Ertinya semakin lama kita maju, semakin lama kita berkembang menjadi sebuah negara yang maju, semakin banyak elemen-elemen daripada agama itu dijadikan asas perundangan di dalam negara kita dengan tidak payah menyebut hukum *hudud* dan sebagainya. Ini yang saya nampak terdapat kekurangan di sini.

Jadi, saya berharap, *insya-Allah*, pada masa-masa yang akan datang, kita akan memberi peluang secukupnya kepada perkara-perkara yang seumpama ini jadikan sebahagian daripada kehidupan kita. Ini kerana sebagai seorang Islam hidupnya, matinya tetap sebagai orang Islam. Dia mati, dia hidup berdasarkan hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

#### 7.42 mlm.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut bangun juga untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya akan bercanggah sedikit dengan beberapa cadangan daripada rakan-rakan yang lain tadi dan saya ingin menyokong beberapa rakan wanita yang membawa isu merogol isteri. Sebagai satu kesalahan di bawah kanun keseksaan di negara ini, memandangkan impak dan implikasi yang serius terhadap sebuah keluarga, suami yang bertindak merogol isterinya sendiri. Izinkan saya menjelaskan hujah-hujah saya dengan lebih lanjut.

Dengan izin, dari segi sejarah atau *historically* nya, “*English law provided that when a woman marries, she is deemed to have given herself to husband and is his property and thus he has a right to her body. So, due to our colonial past that English law became Malaysian law. However, England and many other countries now recognize marital rape as a crime.*”

Bukanlah kita hendak mencontohi negara luar tetapi sekarang *reason* yang diberi oleh *Select Committee* ialah *marital rape* ini merupakan *against Syariah Laws and other religions*. Saya hendak bawa kepada kenyataan Al-Quran yang ada berkata tadi sudah ada rakan-rakan mengatakan bahawa rogol ini merupakan penganiayaan yang melampau yang dilakukan oleh seorang suami terhadap isteri dan merupakan salah satu unsur keganasan rumah tangga.

Kami telah mendapat bahawa terdapat banyak kes di mana suami telah merogol isteri sebagai satu cara untuk mengaibkan. Contoh-contoh tadi telah pun disebut oleh rakan-rakan lain, kalau boleh saya singkap kembali umpamanya seorang isteri yang baru menjalani pembedahan bersalin telah dipaksa oleh suami dan menyebabkan jahitan pembedahannya pecah, tadi kata rakan daripada Yang Berhormat Dayang Mahani. Isteri-isteri dipukul dan diseksa dan kemudian di rogol suami, semasa hubungan seksual suami mengatakan kata-kata lucu dan menunjukkan kelakuan lucu di hadapan anak-anak.

Dan juga suami sering mengambil tindakan kasar umpamanya mengoyakkan pakaian luar dan pakaian dalam isteri dan merogol isteri dan juga dipukul dan suami sering mabuk dan merogol isteri dan menyuruh isteri memberinya seks oral di hadapan kanak-kanak. Ini di antara contoh-contoh yang telah kita dapat pengaduan daripada wanita. Tidak terdapat di dalam Islam yang membenarkan suami untuk merogol isteri. Perhubungan suami isteri harus dimulakan dengan kasih sayang dan perlu dengan persetujuan isteri di dalam keadaan tertentu.

Imam Ghazali telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, “*Janganlah kamu melontar dirimu kepada isteri seperti binatang. Haruslah ada sebelum kamu bersama penghantaran persanan di antara kamu dan isteri. Mereka bertanya pesanan apakah itu Rasulullah. Jawab Rasulullah, ciuman dan juga rayuan*”. Jelas di sini bahawa seorang isteri perlu dilayan dengan lembut, manja dan juga kasih sayang. Ini adalah berlainan dengan definisi rogol. Rogol tidak menghiraukan perasaan isteri dan memaksa isteri melayan nafsu buas suami tanpa perasaan belas kasihan. Ia adalah perlakuan hina dan dipenuhi dengan keganasan. Adalah tidak adil dan tidak patut apabila seorang isteri dipaksa untuk melakukan perhubungan dalam keganasan dan bertujuan untuk menjatuhkan martabatnya.

Al-Quran juga mengajar kaum lelaki dan wanita agar saling menyayangi dan mengasihi, lengkap-melengkapi dan bahawa lelaki dan wanita adalah pelindung antara satu dengan yang lainnya. Ini berbunyi di dalam surah 9 dan juga ayat 71, dan adalah tidak wajar untuk menggunakan agama sebagai satu alasan, di mana keganasan dibenarkan. Islam sememangnya tidak pernah membenarkan keibaan terhadap kaum isteri, malah telah menaikkan martabat wanita khasnya isteri dan kita juga harus kini melakukan perkara yang sama.

Perbuatan suami merogol isteri ini mengundang impak dan implikasi yang serius terhadap sebuah keluarga dan persoalan saya adakah ikatan suami isteri itu menjadi satu lesen kepada si-suami untuk merogol isterinya. Pada perkiraan saya, sudah tiba masanya Malaysia melangkah ke hadapan dan menunaikan Artikel 2, Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB untuk menghapuskan keganasan terhadap wanita, di mana artikel tersebut menggariskan perbuatan suami merogol isteri ataupun *marital rape* sebagai perbuatan ganas yang menafikan hak asasi dan kebebasan asas wanita.

Ingin saya tekankan bahawa kini Malaysia sudah pun menandatangani deklarasi tersebut bagi peringkat Asian pada 30 Jun yang lalu. Oleh itu sudah sampai masanya Malaysia menghapuskan penderaan seksual dan keganasan yang berlaku kepada wanita di dalam sebuah perkahwinan dengan memasukkan kesalahan terbabit di dalam Kanun Kesekeaman. Perkahwinan bukan semata-mata untuk hubungan seks sahaja tetapi banyak perkara lain yang terlibat seperti memupuk kasih sayang dan sebagainya. Dalam hal ini, suami juga berpangkat bapa dan merupakan ketua kepada sebuah institusi keluarga, justeru itu suami atau bapa ini adalah contoh ataupun *role model* bagi anak-anak di dalam sebuah keluarga.

Saya khuatir perbuatan si-suami yang sebegini akan dicontohi pula oleh anak-anak lelaki mereka, maka jadilah suatu kitaran di dalam sebuah keluarga di mana apa yang dipertontonkan oleh si-bapa menjadi ikutan anak-anak lelaki mereka. Si-isteri yang telah dirogol dan didera secara emosinya pula akan bersifat pasif dan merelakan si-suami yang juga berpangkat bapa merogol anak gadisnya sendiri. Jelas mesej ini dibawa bahawa kaum suami dan bapa ini telah menjadi terlalu dominan dan berkuasa tanpa had jika tidak dibataskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tekankan di sini juga ialah peranan suami dan bapa di dalam sebuah institusi keluarga mestilah diperkasakan lagi. Di dalam satu ceramah anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan baru-baru ini, Ustaz Haji Sulaiman bin Endut dalam ceramahnya bertajuk *Rumahku Syurgaku*, telah memperincikan sifat-sifat seorang suami yang baik mengikut pandangan Islam:

- (i) memimpin rumah tangga dengan baik;
- (ii) melaksanakan tanggungjawab suami/bapa dengan baik;
- (iii) menganggap isteri sebagai teman hidup dan bukannya hamba mereka;
- (iv) melahirkan kasih sayang terhadap isteri dan anak-anak;
- (v) berbincang dengan isteri dalam urusan rumah tangga;
- (vi) tidak berlaku zalim terhadap isteri, mental ataupun fizikal;
- (vii) mengajar/mendidik ajaran agama kepada anak dan isteri;
- (viii) memberi nafkah zahir dan batin;
- (ix) pelindung keluarga; dan
- (x) berlaku adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyambut saranan daripada Yang Amat Berhormat Puan Mumtaz tadi, sebenarnya kita yang merupakan pengurus MPWK peringkat Parlimen di seluruh Malaysia telah menjalankan pendidikan selepas perkahwinan ini ataupun kursus selepas mereka berkahwin separuh abad mahupun suku abad, telah pun kita jalankan di seluruh Malaysia dengan tajuk "Kekasih Awal dan Kekasih Akhir". Ini telah pun kita lakukan dengan sebelum beliau menyebutnya. Jadi saya berharap dengan hujah-hujah yang saya sebutkan tadi, kalaupun tidak Menteri tadi berkata, kalau tidak boleh dipakai sekarang, kalau mungkin diubah kemudian, harap boleh diambil kira hujah-hujah wanita yang dibawa pada hari ini dan dengan hujah tersebut saya menyokong pindaan ini.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

**7.50 ptg.**

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap saya adalah peserta yang paling terakhir untuk membahaskan rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berjaya menggubal Pindaan Undang-undang Kanun Keseksaan ini. Di sini saya cuma ingin menyentuh beberapa seksyen sahaja. Terutamanya saya ingin mencadangkan supaya seksyen 376 di mana mengenai dengan sumbang mahram. Seperti mana yang kita tahu, Kempen *Rumahku Syurgaku*, telah giatnya dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya dapat sumber statistik daripada Balai Polis Bukit Aman. Memang saya berasa sakit hati kerana statistik yang ditunjukkan yang saya dapat ini, kes yang paling banyak berlaku sumbang mahram adalah di antara bapa kandung dengan anak-anak mereka. Saya boleh beritahu dalam Dewan yang mulia ini, keseluruhan kes yang berlaku dari tahun 2000 hingga 2005. Keseluruhan kes yang berlaku ialah 1,541 kes dan apa yang menyakiti hati kita ialah kes sumbang mahram yang berlaku di antara bapa kandung dengan anaknya sebanyak 455 kes dan kes yang sumbang mahram yang berlaku di antara bapa saudara 280 kes, abang kandung ialah 113 kes, bapa tiri ialah 227 kes dan akhirnya abang atau adik ipar ialah 127 kes. Ini adalah satu fenomena yang menakutkan kita, terutamanya kita-kita yang ada anak dara atau anak perempuan. Jadi Kempen Rumahku Syurgaku bukannya rumahku syurgaku tetapi rumahku neraka dah.

Jadi saya lihat dalam Pindaan ini, hukumannya dikurangkan biasanya daripada 15 tahun dikurangkan kepada 8 tahun. Jadi bagi pandangan saya, ini adalah menjadi satu perkara yang tidak logik. Dan kalau boleh saya mencadangkan supaya kalau boleh tetapi memang tak boleh kerana ini pandangan diri saya. Kalau boleh saya minta supaya hukuman matilah. Ya, hukuman mati kerana bapa adalah ketua dalam keluarga kita. Jadi dahlah ketua tak boleh diharapkan,

macam mana kita hendak harapkan siapa lagi? Jadi di sini saya berharaplah saya tentang pancung kepala, tak tahu lah kepala mana.

Jadi saya berharap supaya hukuman boleh dijatuhkan kepada kesalahan rogol menyebabkan kematian, boleh disamakan hukuman itu. Jadi saya berharaplah supaya kita semua kena kerana saya dok dengar kawan-kawan saya dok cakap, dok bahas banyak pasal *marital rape, this and that*. *But* kita dok prihatin sangat perhubungan di antara suami isteri, tetapi kita tidak fikir satu lagi rang undang-undang yang kita kena lihat iaitu perhubungan di antara bapa dengan anak, bapa saudara dengan anak saudara, abang dan adik ipar.

Jadi apabila saya tengok ini adalah satu fenomena yang berbahaya dalam negara kita dan saya pun tidak mahu berpanjang lebar di sini, saya yakinlah dan percaya dengan penggubalan dan pindaan undang-undang yang telah dilakukan oleh kerajaan dengan mengambil kira pendapat dan pandangan daripada semua lapisan masyarakat dan institusi-institusi yang berkaitan. Ini melambangkan kesuburan dalam proses kematangan perundangan dalam sistem demokrasi berparlimen. Undang-undang yang telah digubal dan pinda haruslah dipatuhi dan dikuatkuasakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang nak berucap? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 7.56 ptg.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bangun menyokong, keseluruhannya menyokong kedua-dua Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ada 15 Ahli Yang Berhormat yang telah bangun dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap seorang daripada mereka. Sebenarnya saya tidak bercadang menggulung dengan panjang lebar dan menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memandangkan bahawa semasa saya membentangkan rang undang-undang pada petang tadi, saya telah mengupas satu persatu pandangan dan pendapat yang diperoleh daripada orang ramai.

Dan juga segala laporan termaktub dengan secara *detail* nya yang dilaporkan melalui laporan pada masa ini dan pada tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa saya dilantik sebagai pengerusi bukan atas sifat saya sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, pun semasa ketika itu saya menjawat jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya sebagai Pengerusi atau sebagai seorang Ahli Parlimen yang mempengerusikan Jawatankuasa ini yang terdiri daripada enam orang lagi Ahli Parlimen. Oleh kerana saya telah bertukar kementerian, ini tidak ada sangkut paut dengan jawatan saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas tadi.

Kita telah menjelajah di seluruh Negara sebagaimana yang telah saya jelaskan dan juga pergi ke Australia dan New Zealand untuk mendengar pandangan dan pendapat tentang yang ada pengalaman dalam hal ehwal berkaitan dengan jenayah dan peraturan-peraturan. Kita mengambil masa 2 tahun bukan oleh kerana kita lambat melaporkan kepada Dewan, oleh kerana kita berpendapat bahawa seelok-eloknya kita mengambil masa yang panjang sedikit untuk mengkaji dan membuat rumusan. Saya ingin memberi maklum kepada Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa kita mengambil masa yang lama mengkaji dan membuat rumusan.

Kami banyak kali mesyuarat, Jawatankuasa ini bermesyuarat. Kadang kala sehingga ke jauh malam untuk menyiapkan satu laporan yang kita fikir amat penting yang menyentuh dua undang-undang yang begitu mustahak kepada negara kita yang bersangkut paut dengan jenayah. Satu ialah Kanun Keseksaan iaitu mengandungi semua undang-undang jenayah selain daripada rasuah dan selain daripada itu, dan juga undang-undang yang bersangkut paut dengan atur cara jenayah. Kita telah memikir tentang kedudukan seorang yang ditangkap umpamanya. Bila seseorang itu ditangkap, apakah dia punya kuasa atau apakah dia punya *right* dari segi peraturan undang-undang.

Daripada situlah, kita membawa sehingga kepada apabila dia ditahan, berapa lama dia sepatutnya ditahan. Selepas itu, apabila dia memberi *statement*, apakah sepatutnya dia melaporkan dan selepas itu apabila dia dibicarakan, macam mana dia hendak dibicarakan. Kesudahannya, apabila keputusan dibuat oleh mahkamah, apa dia hukuman yang akan dijalankan kepadanya.

Oleh kerana itulah, kita memikir bahawa kita sepatutnya mengemukakan satu cara baru, hukuman cara baru. Apatahlah lagi, kita hendakkan seorang penjenayah itu, hanya dihukum penjara sahaja. Kita berpendapat mengikut pandangan dan pendapat daripada orang ramai, bukan pandangan kami. Pandangan daripada orang ramai yang memberi pelbagai panduan. Banyak pertubuhan-pertubuhan. Boleh dikatakan semua pertubuhan-pertubuhan yang ada berkaitan dengan masalah kemanusiaan, kemasyarakatan telah tampil di hadapan kami, *all* dengan izin semua.

Termasuk Peguam Negara sendiri, termasuk seorang majistret, semua datang di hadapan kami memberi pandangan dan pendapat agar kami membuat rumusan bahawa sampailah satu masanya untuk kita memperkenalkan satu cara hukuman, selain daripada hukum pemenjaraan. Jadi oleh kerana ini sebagai satu permulaan, maka kita telah mengesyorkan bahawa hukuman khidmat masyarakat ini umpamanya, diperkenalkan kepada pesalah-pesalah muda dahulu, iaitu mereka di antara 18 tahun ke 21 tahun sebagai perintis. Kita serahkan kepada mahkamah untuk menjalankannya, untuk menghukumkan sesiapa sahaja dalam apa kesalahan sekalipun.

Ada Yang Berhormat yang menyuarakan kebimbangan takut-takut perkara ini disalahgunakan oleh mahkamah, kerana jika begitu, apa yang terjadi kepada seorang pesalah yang dihukum dan didapati bersalah kerana merogol umpamanya. Bolehkah mahkamah menjatuhkan hukuman sedemikian membuatkan dia menjalankan khidmat masyarakat. Sudah tentu jawapan dia tidak bolehlah. Kita seharusnya *have confidence* dengan izin, kepada mahkamah. Dalam peraturan yang sedia ada sekarang ini pun, sebelum kita memperkenalkan hukuman khidmat masyarakat. Dalam peraturan yang ada, dalam Undang-undang Tatacara Jenayah sekarang ini pun, dia ada peraturan di bawah seksyen 173A ataupun peraturan seksyen 294 yang mana ia menyatakan bahawa jika seseorang itu didapati bersalah, tidak kira umur apa, jika seseorang didapati bersalah, tetapi oleh kerana kesalahannya tidak begitu berat dan memandangkan bahawa kedudukannya baik, karektornya baik dan seterusnya dan cara dia melakukan kesalahan, mungkin tidak begitu disengajakan dan seterusnya, tidak ada *planning* dan seterusnya mahkamah mungkin memikirkan seharusnya dia tidak sepatutnya dihukum. Maka dilepaskan dia dengan bon sahaja.

Ada peraturan yang sedia ada sekarang ini. Ini telah berjalan begitu lama dan ada kalanya mahkamah menggunakan peruntukan ini yang salah kerana dia menganggapkan kesalahan itu ringan, sedangkan kesalahan itu berat. Jadi dia mengeluarkan bon di bawah seksyen 173A umpamanya dan ada pun seksyen 294.

Pihak pendakwa, dia mempunyai kuasa untuk mengemukakan rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi. Begitu juga sekarang ini apabila kita memperkenalkan hukuman secara khidmat masyarakat jika mahkamah membuat kesilapan silap, menjatuhkan hukuman ini yang tidak sepatutnya tidak sepatutnya dihukum, maka pendakwa raya boleh membuat rayuan kepada mahkamah. Tetapi jawatankuasa berasa cukup yakin bahawa hakim-hakim kita yang mengendalikan kes-kes rogol umpamanya. Dia ambil kes-kes rogol tidak akan sekali-kali menjatuhkan hukuman khidmat masyarakat kepada seorang penjenayah yang muda, yang berumur di antara 19 tahun kepada 21 tahun.

Sebaliknya, jika seorang itu umurnya 20 tahun telah melakukan kesalahan rogol yang begitu dahsyat sekali, *aggravated rape* umpamanya, kita berasa yakin bahawa Hakim Mahkamah Tinggi, akan menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya. Oleh kerana itulah, dalam segi hukuman kita memikir bahawa hukuman mandatori lima tahun itu tidak begitu tepat kerana kalau seorang itu didapati bersalah dalam kes rogol ini dan dia berusia 20 tahun, seorang anak murid sekolah, sekolah tinggi kah, sekolah menengah kah, universiti kah dan dia melakukan kesalahan dengan *girlfriend* nya umur 15 tahun, yang mana dari segi undang-undang, si perempuan tadi tidak boleh dianggap memberi persetujuan walaupun dia bersetuju. Dia didapati bersalahlah.

Kalau kita ikut hukuman yang sedia ada, hakim terpaksa menjatuhkan hukuman lima tahun. Memang ada, *no choice* dengan izin. Tangan hakim itu sudah pun terikat. Dia terpaksa menjatuhkan hukuman lima tahun sedangkan hakim menimbang dan memikir bahawa kes ini

tidak sepatutnya saya menjatuhkan hukuman lima tahun kerana dia melakukan hubungan ini dengan persetujuan dan anak lelaki ini memang ada dia punya *future, university student* kah ataupun seorang pekerja yang baik, seorang mekanik yang baik, daripada keluarga yang baik dan seterusnya. Tetapi, tidak ada pilihan kepada hakim tadi itu. Dia terpaksa menjatuhkan hukuman lima tahun.

Oleh kerana itulah, kita buangkan hukuman mandatori lima tahun itu dan kita serah sebulat-bulatnya kepada kebijaksanaan hakim. Maka hakim boleh timbang. Dalam kes yang saya sebutkan tadi, mungkin hakim katakan tidak sepatutnya kita bagi lima tahun. Saya hendak bagikan hukuman tiga tahun ataupun dua tahun, terpulang kepada kebijaksanaan hakim. Tetapi kami memikir bahawa hakim tidak sekali akan menjatuhkan hukuman khidmat masyarakat kepada seorang pesalah hukum. Di sebaliknya, kalau seseorang itu umur hanya 20 tahun tetapi merogol seorang yang telah hamil umpamanya, merogol bukan di atas persetujuan. Merogol, bermakna tanpa keizinan wanita tadi itu. Apabila dia melakukan kesalahan, wanita itu didapati hamil. Maka, dalam peraturan yang kita ada sekarang ini, dia terpaksa dibagi hukuman lima tahun, mesti lima tahun sehingga 20 tahun. Walaupun budak itu umur 20 tahun. Itulah yang kita fikir, begitu panjang dan kita timbang, bahas rumusan demi rumusan kita buat.

Kita percaya bahawa kita telah membuat satu keputusan dan satu laporan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mengandungi perkara-perkara yang amat penting untuk membantu masyarakat supaya masyarakat berasa lebih yakin kepada rang undang-undang yang ada dan pihak penguat kuasa boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih teratur lagi. Pihak mahkamah pula boleh menjalankan hukuman dengan cara yang lebih bebas, tidak terkongkong, tidak begitu terikat tangan hakim-hakim untuk menjalankan hukuman.

Satu perkara yang hangat dibahaskan ialah tentang *marital rape* tadi itu iaitu perkara yang amat sensitif dan kita berbincang dengan izin, *I can assure you all*, kita bincang dengan begitu panjang lebar. Mengambil kira tentang kebudayaan, adat resam negara yang berbilang kaum ini, yang berbilang agama. Negara Malaysia adalah sebuah negara yang unik di dunia. Kita mempunyai orang Melayu yang beragama Islam, orang Cina, orang India dan lain-lain lagi bangsa yang berbilang kebudayaan dan kepercayaan. Kita tidak boleh lari daripada menerima hakikat bahawa Islam adalah agama rasmi negara kita yang diperuntukkan dalam Perlembagaan kita dan umat Islam merupakan umat yang ramai, majoriti di negara kita. Oleh kerana itu, menerima pandangan dan pendapat daripada orang yang fasih dalam agama Islam, kita membuat keputusan bahawa kita tidak boleh bersetuju keluarkan pengecualian di bawah seksyen 375, ada termaktub sekarang ini. Yang mana seksyen 375 menyatakan, saya boleh baca dalam Bahasa Inggerisnya, dia kata; *rape dengan exception dia kata; "...sexual intercourse by a man with his own wife by a marriage which is valid under any written law for the time being in and/or in recognize in the federation as valid is not rape"*

Jadi banyak pertubuhan-pertubuhan besar khususnya yang mengesyorkan kepada jawatankuasa kita keluarkan peraturan-peraturan *exception* ini. Dengan itu, dengan secara automatiknya akan membuatkan bahawa seorang lelaki boleh merogol seorang isterinya. Dengan perkataan lain, *in short that it is all what they want*. Bahawa seorang suami dibenarkan ataupun dibenarkan dibawa ke mahkamah di atas tuduhan merogol isterinya. Kami timbang dengan cara yang begitu halus dan kesudahannya kita membuat keputusan bahawa memandangkan negara kita ini mengamalkan rang undang-undang dan teguh kepada peraturan-peraturannya dan kita merasakan kebanyakannya bukan sahaja Islam, kebanyakannya agama dan kebudayaan lain menyanjung tinggi *the sanctity of marriage, everybody treasure the sanctity of marriage* di negara kita.

Islam menyatakan dengan saya hendak baca sedikit bahawa Islam telah menetapkan bahawa suami dan isteri mempunyai tanggungjawab dari segi pergaulan dan layanan mesra. Perkara ini dijelaskan di dalam Al-Quran yang mana suami hendaklah menggauli dan melayani isterinya dengan baik dan mesra.

Dalam Islam satu pernikahan itu menghalalkan hubungan antara seorang lelaki dan wanita. Sifat takwa dan ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan isteri amat diperlukan bagi mencapai kebahagiaan rumah tangga yang diharapkan. Rumah tangga yang bahagia inilah yang diharapkan dalam Islam. Lain-lain agama pun serupa, harapkan rumah tangga yang bahagia. Antara tujuan perkahwinan dalam Islam ialah melahirkan keturunan manusia secara halal dan sah, menjaga dan mengawal kehormatan diri, memberi ketenteraman dan kasih sayang, menyalurkan naluri seks melalui cara perkahwinan yang halal. Ini semua telah disyorkan kepada kita dibaca kepada kita dan kesimpulannya dia menyatakan bahawa Islam dalam Islam tidak timbul isu bahawa suami merogol isterinya, *there is no question about it*, dengan izin, *in Islam there is no such thing, the husband rogol isterinya*.

Jika perkahwinan itu tidak lagi memberi kebahagiaan bermakna pihak-pihak berkenaan boleh memohon untuk membubarkan perkahwinannya, itu cara Islam. Kalau tidak lagi ada bahagia dalam pasangan Islam, so bubar, bubar perkahwinannya. Seorang hanya boleh dituduh dan didakwa melakukan jenayah rogol sekiranya wanita yang dirogol itu bukan isterinya. Jika seorang suami memaksa isterinya melakukan hubungan seks, perbuatan itu tidak dikira sebagai rogol kerana suami mempunyai hak untuk bersetubuh dengan isterinya pada bila-bila masa kecuali dalam tiga keadaan iaitu ketika haid, nifas dan berpuasa di bulan Ramadhan dan ketiga-tiga kedudukan ataupun keadaan itu suaminya melakukan seks mengikut hukum dalam Islam ialah haram.

Sabda Rasulullah SAW apabila seorang suami mengajak isterinya untuk bersama lalu isteri tersebut enggan memenuhi kehendak suaminya dan suaminya tidur dalam keadaan yang marah maka isteri tersebut akan dilaknat oleh para malaikat sehingga ke pagi, itu sabda Rasulullah SAW. Jadi kita dapat pandangan dan pendapat daripada orang-orang yang berilmu

dalam bidang yang tertentu khususnya dalam bidang Islam dan akhir sekali kita sudah membuat keputusan bahawa *we cannot have this country* dengan izin.

Tetapi kita mencari jalan yang tengah, *so we found the middle way* dan kita mewujudkan satu kesalahan di bawah seksyen baru yang kita namakan seksyen 375A kerana kita menyatakan bahawa jika seorang suami melakukan kecederaan ke atas isterinya untuk melakukan hubungan seks maka dia telah melakukan satu kesalahan dan boleh disabit kesalahan dihukum penjara selama lima tahun. *This is marital rape* dengan izin, tetapi kita tidak gunakan perkataan *marital rape*. Yang akhir sekali kita menekankan bukan masalah seks, kita menekankan masalah kecederaan itu, umpamalah katakan isteri dan suami itu duduk tidak bahagia, suami jarang balik ke rumah, enam bulan, tiga bulan sekali. Apabila dia balik ke rumah, dia tengok isteri dia wah! Lawa, mungkin dia balik dengan keadaan mabuk, okey ataupun tidak mabuk. Dia tengok isteri dah tiga bulan tidak tengok isteri, tiba-tiba dia tengok isteri dia kebetulan isteri dia pula pakai cantik hari itu. Hah, dia nak, isteri dia tidak hendak. Sebab tiga bulan engkau, dia sudah tidak balik ke rumah, dia hendakkan barang itu, ‘benda’ itu.... [*Dewan riuh dengan ketawa*] Tetapi isteri tidak hendak beri, dia paksa. Masa tengah paksa-paksa itu tetapi belum lagi dilakukan, anak-anak sudah masuk dalam bilik, terhentilah.

Dalam seksyen 375A si suami itu telah pun melakukan satu kesalahan sebab dia telah menggunakan paksaan terhadap isteri dia itu untuk hendak mengadakan hubungan seks sahaja, melakukan kecederaan dia telah tampar isteri dia, tampar dua, tiga kali, isteri dia pun menjerit masuk dalam bilik, dia tarik baju dan sebagainya, tiba-tiba anak-anak masuk, terhentilah. Di bawah seksyen 375A dia telah melakukan kesalahan tetapi jika kita adakan kesalahan *marital rape*, ramai peguam-pegawai ada di sini sudah tentu bersetuju dengan saya bahawa untuk membuktikan *rape* ada tiga unsur-unsur yang cukup mustahak.

Nombor satu kita kena *prove*, maaf, kita kena tunjuk ada *penetration*. Bagaimana hendak tunjuk ada *penetration* sedangkan suami isteri ini telah berkahwin selama 10 tahun. *How do you want to prove it? There is..., penetration between the woman and husband, you see. Medical penetration, you kena prove, you kena prove buktikan dalam mahkamah sebagai satu ingredient kepada hukuman, kepada kesalahan rape.* Itu satu.

Yang kedua, *no consent* bagaimana kita hendak *prove* kan *no consent* sedangkan dia berkahwin 10 tahun, sahkan.

Yang ketiganya ialah bukti sokongan, *collaborative evidence*. Susah hendak cari *collaborative evidence* ini. Sebab itulah walau pun negara-negara Barat ada hukuman begini, ada peraturan yang menyatakan bahawa suami boleh melakukan hukuman kesalahan *rape* terhadap isterinya tetapi tidak begitu banyak kes-kes yang dibawa ke mahkamah.

Singapura sendiri pun tidak ada *marital rape*. India, yang kita dahulu ikut dari India, celup undang-undang dari India, yang datang dari England dan masih kekal undang-undang seperti kita sekarang ini. Apatah lagi Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum di mana

Islam sebagai agama rasminya, maka kita fikir itulah jalan yang terbaik. Kita kekalkan dia punya *exception* dan kita wujudkan satu undang-undang baru yang menyatakan jika seorang suami menggunakan kekerasan melakukan kecederaan di atas isterinya untuk melakukan seks, dia boleh dihukum di bawah seksyen itu dan boleh dikenakan penjara lima tahun. Ini merupakan satu-satunya undang-undang di dunia ini, *the unique law, no other countries in the world*, yang ada undang-undang ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya pohon laluan. Hanya sedikit sahaja.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Silakan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kita berasa syukur oleh kerana tidak ada *marital rape* itu di dalam peruntukan, tetapi kita memperkenalkan 375A, iaitu perkataannya penting di sini ialah kecederaan. Kalau suami yang adalah pembawa AIDS, HIV, hubungan seks yang dilakukan itu tidak menimbulkan kecederaan yang *immediate* tetapi kecederaan itu yang mungkin rugut nyawanya ialah impaknya kemudian hari, di mana kita ataupun bagaimana kita mendefinisikan kecederaan dalam hal ini.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya belum lagi sampai kepada tahap itu. Saya hendak jawab tentang AIDS-HIV ini yang melakukan hubungan seks - biar saya teruskan *guideline of thought*, nanti dia lari ke tempat lain.

Itulah yang saya hendak terangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kenapakah kita jawatankuasa memikir dan memperkenalkan satu peraturan baru di bawah seksyen 375A ini sebagai jalan tengah kerana kita berasa kaum wanita akan menyambut baiknya dan kumpulan lelaki pula berasa lega. Kita tidak *offend* mana-mana undang-undang, mana-mana agama, mana-mana kepercayaan atau kebudayaan dalam negara kita yang berbilang kaum. Tetapi *honestly though*, dengan izin, bahawa kita telah memperkenalkan satu undang-undang yang agak efektif. Insya-Allah, kalau dilaksanakan kelak dan didapati bahawa ianya boleh berjalan dengan baik, insya-Allah ia diikuti oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah memperkenalkan hukuman kepada kesalahan rogol yang mana kita telah menyatakan bahawa ada dua jenis hukuman atau dua tahap hukuman. Satu, yang mana kita mengatakan bahawa seseorang yang melakukan kesalahan rogol boleh dihukum sehingga 20 tahun dan dikenakan sebat. Kita serahkan kepada mahkamah dan bagaimana lama hukuman yang akan dijalankan.

Tetapi kepada satu lagi jenis pesalah yang melakukan hukuman *rape* melampau iaitu *aggravated rape* di mana ada tujuh perkara yang kita sebutkan, kalau dibandingkan dengan negara Singapura, ia hanya ada tiga sahaja. Kita ada tujuh perkara di mana seseorang itu boleh didapati bersalah kerana melakukan kesalahan *rape* melampau tadi itu. Umpamanya seperti seseorang merogol seorang kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah ataupun umur 16

tahun ke bawah tanpa izinnya ataupun seorang yang hamil dan seterus, sebagaimana yang telah diceritakan tadi.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tentang HIV tadi itu mengatakan kenapa seorang yang ada penyakit HIV merogol seorang wanita, apakah hukuman yang sepatutnya dikenakan terhadapnya. Saya ingin hendak menjelaskan di sini bahawa kita memang memikirkan benda itu dan berbincang dengan panjang lebar. Memang dimaktubkan di bawah perkara nombor satu sekali, di bawah seksyen 376(2) tadi itu. Satu, yang menyatakan, dengan izin, "*At the time of, or immediately before or after the commission of the offence causes hurt to her or to any other person.*" *Hurt here*, bermakna di bawah seksyen 319, definisinya 319, dia menyatakan, "*whoever causes bodily pain, disease or infirmity to any person it said to have cause hurt.*" Ini bermakna jika seorang itu berikan dia punya HIV-AIDS dan apa sahaja penyakit kepada mangsa tadi itu, ia terjatuh di bawah subseksyen A ini dan dia seharusnya dikenakan hukuman yang berat iaitu tidak kurang daripada lima tahun tidak lebih daripada 30 tahun dan juga dikenakan sebat. Apabila seseorang itu merogol seorang mangsa dan dia *transfer* dia punya penyakit kepada mangsa itu, *it doesn't matter what*, HIV atau sifilis dan seterusnya dia mesti dikenakan hukuman yang berat tadi itu, sekurang-kurang lima tahun kepada 30 tahun dan dikenakan sebat.

Begitu juga bila kita memberi dia ubat tidur atau pil, yang selalu kita dengar dalam surat khabar, baca dalam surat khabar, anak muda kita ini keluar ke *night club* dan balik, *after a lift from the stranger* kononnya dan tiba-tiba dia kata saya tidak tahu apa terjadi. Dia bagi minuman kepada saya lepas itu dua hari kemudian dijumpai berjalan di *estate* atau mana dan dirogol seramai tujuh orang rogol dia, lebih kurang. Ini juga jatuh di bawah subseksyen (a) tadi itu. *Drunkenness* dan seterusnya di bawah definisi *hurt* tadi.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong peraturan yang kita masukkan, yang menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang melakukan kesalahan ragut tadi itu. Sekarang ini kita telah meletakkan kesalahan ragut itu bukan lagi di bawah kesalahan mencuri iaitu di bawah seksyen 379 tetapi kita letakkan di bawah rompak di bawah seksyen 390 dengan harapan bahawa ini adalah suatu mesej yang cukup nyata kepada mereka yang ingin cuba melakukan kesalahan ini.

Selain daripada itu, seksyen 379, seksyen 377C(a) yang disentuh oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus, 377C yang ingin mengetahui tentang *penetration*, tentang definisi *penetration* 377C(a), apakah yang dimaksudkan *penetration* itu.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Memang dalam peraturan undang-undang kita tidak ada sebarang definisi yang boleh kita ikuti sebab perkataan, *definition* ini diberi makna yang biasa atau *ordinary meaning* iaitu

"memasukkan". Apa saja yang dimasukkan ke dalam faraj seseorang itu dia melakukan kesalahan di bawah seksyen 377CA. Objek ini ialah benda yang tidak bernyawa. Bukan jari. Jari kaki itu besar. Objek ini ialah benda yang *inanimate*, iaitu yang tidak bernyawa umpamanya pensel. Apa sahajalah. *Broomstick*.

Dalam kes-kes yang kita tahu, yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah, kes di Gelang Patah umpamanya dia menggunakan *broomstick*. Ini yang kita peruntukan di bawah seksyen 377CA. Jika disabitkan kesalahan dikenakan hukuman sehingga 20 tahun dan disebat dengan rotan...

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kondom itu dikira sebagai benda walaupun suami dia memakai kondom semasa menjalinkan hubungan seks dengan isterinya dan dengan keizinan isterinya, adakah kondom itu sebagai satu benda? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jika suami menjalankan hubungan seks dengan isterinya iaitu dengan keizinan isterilah. Sudah tentu dengan keizinan isterilah, so, dia tidak ada kesalahan kalau dengan keizinan isteri dengan menggunakan kondom atau apa sahaja. *There is no offence*, jika dia memasukkan benda yang tidak bernafas. Kalau suami menggunakan kondom dengan isterinya dia tidak termasuk di bawah kesalahan 377CA...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena baca dengan mengambil kira *underlying* atau *overriding circumstances*.

**Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya ingin merujuk kepada kes Nasrul Anuar Abdul Samad yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Tajul Ursus, berkenaan dengan kes di mana seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa. Tetapi kes itu telah pun dibebaskan kesudahannya oleh kerana buktinya tidak mencukupi. Saya ingin membaca sedikit untuk saya hendak menjelaskan berkaitan dengan apa, dalam kes ini. Ini dia teksnya.

“.....Bila ditanya soalan oleh peguam:

**Soal:** “Saya cadangkan awak tidak nampak apa berlaku di bahagian bawah dari perut”.

**Jawapan:** “Saya bersetuju”.

**Soalan:** “Saya cadangkan awak cuma andaikan kemaluan OKT - orang kena tuduh masuk. Setuju atau tidak?”

**Jawapannya:** “Setuju”.

**Soal:** “Saya cadangkan kamu buat laporan (PWP3) kerana takut dimarah dan dipukul oleh keluarga”.

**Jawap:** “Setuju”...

Ini kes berlaku kerana mangsa ini disoal oleh seorang peguam yang berhadapan dengan dia. Sudah tentu bila dia soal begitu dan sudah tentu kanak-kanak yang kecil ini jawapannya, “Saya setuju”.

Oleh kerana itulah kita cadangkan bahawa prosiding seperti ini boleh dibuat melalui rakaman video dan melalui CCTV kerana seorang mangsa itu memberi keterangan di sebuah bilik yang berlainan daripada mahkamah dan yang kena tuduh ataupun peguam itu tidak boleh melihatnya. Hanya dia melihat melalui rakaman video itu ataupun CCTV.

Inilah perkara-perkara yang kita timbang dan kita ambil kira supaya kita memperkenalkan cara baru perbicaraan apabila seorang saksi itu merupakan seorang saksi yang lemah, khususnya kanak-kanak dalam kes-kes seksual seperti yang terdapat dalam kes ini. Sudah tentu kalau kita memperkenalkan sistem ini dulu, maka Nasrul Anuar Abdul Samad dan *public prosecutor* ini akan mendapat jawapan yang berbeza, saya fikir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan jawapan saya. Saya hanya akan sebut nama Ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap sebab sekarang ini saya hanya menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan, iaitu tentang seksyen 117 yang Yang Berhormat bangun memberi pandangan dan menyokong. Kita memikirkan tentang 117 ini dengan sehalusnya dan kita membuat keputusan bahawa jika seseorang suspek itu perlu ditahan lebih daripada 14 hari, maka pegawai penyiasat itu seharusnya mencatat dalam diari penyiasatannya, kenapa dan sebab apa perlu ditahan lebih daripada 14 hari.

Umpamanya bila seorang itu ditahan dalam satu kes dan selepas itu hendak ditahan dalam satu kes yang lain. Itu yang saya maksudkan lebih daripada 14 hari. Jadi apabila kes yang kedua itu dikemukakan untuk mendapat *remand order* daripada majistret tadi itu, maka pegawai penyiasat itu mestilah menyebut mengapa si suspek itu ditahan selama 8 ataupun 10 hari sebelum daripada hari itu, kerana Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Aminah bangkitkan tentang kes-kes Gang Deva ini yang telah pun dilepas kerana mahkamah mendapati *remand order* tidak begitu *proper*, dengan izin.

Tetapi jika mengikut apa yang telah aturkan, dan jika pegawai penyiasat itu mencatat dalam diari penyiasatan, maka majistret itu boleh memberi pertimbangan untuk menahannya selama dua hari lagi atau tiga hari lagi tidak dengan sengajanya dan seterusnya dia mengatakan, "*Saya batalkan dia punya remand order*". Ini kita timbang dengan begitu halusnya supaya dalam kes-kes yang begini rupa pihak majistret boleh membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk memberi *remand* seberapa lama yang dia fikir perlu.

*Cautioned statement* yang disebut oleh salah seorang Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, mengapakah kita mansuhkan seterusnya buangkan seksyen 113 dan 115 kerana 113 menyatakan, bahawa seorang yang ditahan kerana disyaki melakukan satu kesalahan, ia boleh diambil rakaman percakapannya secara beraraman dan rakaman percakapannya kemudiannya akan boleh digunakan dalam perbicaraan yang dipanggil "*cautioned statement*".

Oleh kerana kita menimbang dengan cara sehalus-halusnya dan mendengar pandangan dan pendapat dari Peguam Negara sendiri yang mengatakan tidak seeloknya kitakekalkan peraturan begini. Kerana selalunya apabila dirakam dia punya *cautioned statement*, dia datang

pergi ke mahkamah, bicara, dan bantahan dibuat oleh pihak peguam, maka diadakan perbicaraan dalam perbicaraan. Ini mengambil masa yang panjang dan perbicaraan dalam perbicaraan ini sudah tentu kita dengar pelbagai laporan yang mengatakan bahawa polis telah membuat pelbagai cerita yang tidak betul.

Maka pandangan orang ramai terhadap polis merosot. Orang ramai beranggap dan berkata, "Polis ini jalan kerja dia, kerja itu sahajalah. Ambil *statement* sahaja, orang itu tidak mengaku salah, tetapi dia merakamkan *statement* kononnya dia mengaku salah". Jadi kesudahannya hakim mahkamah mengatakan, "Saya tidak boleh terima kerana ada unsur-unsur yang nampak seolah-olahnya rakaman percakapan yang dibuat dengan cara yang bukan sukarela. Oleh kerana itu kita berpendapat bahawa kita buangkan rakaman 113 dan juga rakaman di bawah seksyen 115 oleh seorang Majistret.

Bila seseorang hendak mengaku salah umpamalah dalam kes bunuh umpamanya, kes besar-besar ini, dibawa ke hadapan Majistret supaya Majistret boleh buat rakaman, dia hendak mengaku salah, kita buangkan. Sebab kita menganggapkan tugas Majistret bukan merakamkan percakapan akuan daripada seorang yang *suspect*. Kerana serupa juga bila perbicaraan dalam Mahkamah Tinggi, tiba-tiba bila hendak dibawakan percakapan itu, *lawyer* bangun mengatakan kami hendak buat bantahan kerana ada unsur-unsur yang mengatakan bahawa ini bukan secara sukarela.

Maka Majistret itu terpaksa dibawa sebagai saksi dan dia kena angkat sumpah dan dia pun di *grill* dengan izin Tuan Yang di-Pertua oleh peguam tadi itu, dan martabat Majistret sudah tentulah tercemar. Oleh kerana itu kita buangkan. Jawapan kepada Yang Berhormat senang sahaja, kalau seorang itu hendak mengaku salah, dia betul-betul hendak mengaku salah, dia hendak buat inilah percakapan. Sekarang tidak payah buat percakapan, bawa dia esok hari pergi ke mahkamah, *charge* dia, mengaku bersalah di hadapan hakim, habis, senang. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *if he is really guilty, he want to plead guilty, why recorded his statement? Bring him to court the next day, let him plead guilty.*

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Mohon laluan Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Bagaimana kes di mana, kes bunuhlah, saya ingat mahkamah tidak akan menerima pengakuan salah begitu sahaja, mungkin diteruskan dengan perbicaraan juga, di *assign* kan peguam dan sebagainya. Jadi di situlah saya rasa, sekian terima kasih.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Okay, dalam kes-kes bunuh, *of course* dalam kes-kes yang besar macam kes bunuh itu, sudah tentulah kita tidak bawa begitu. Esok hari bawa ke mahkamah dia mengaku salah, sudah tentu tidak begitu. Tetapi dia boleh dibicarakan dengan secepat mungkin. Itu yang saya maksudkan. Tahan dia tanpa mengambil percakapan beramaran kepada dia, lepas itu dia boleh diambil di bawah *statement* 112 sekarang ini. Dan selepas itu di bicara dengan secepat mungkin, dan apabila dikemukakan ke mahkamah

dia boleh mengaku salah. Dan terpulang kepada mahkamah untuk mempertimbangkan adakah untuk menerima pengakuan salah dia itu, dalam kes yang begitu berat seperti kes bunuh.

Apa yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini supaya kita menghapuskan seksyen 113, di mana pihak polis tidak boleh merakam lagi percakapan salah seorang *suspect* ini. Kerana ini akan memburukkan imej polis, satu dan polis kadang-kadang dia cari jalan yang singkatlah, so *they become lazier* dengan izin. Malas hendak menjalankan siasatan, simpan dalam masa tiga hingga empat hari, biarlah duduk situ, lepas itu *torture* dia sikit, *frighten* dia sikit, lepas itu dia pun mengaku. Dia mengaku sikit, tetapi dia buat banyak cerita, selalunya begitulah. Jadi inilah cerita-cerita yang tidak begitu baik dan memberikan imej yang tidak begitu manis kepada pasukan polis.

Jawatankuasa berpendapat bahawa dengan adanya Suruhanjaya PDRM yang cuba hendak menaikkan imej polis dengan laporan yang begitu jelas dan memberi syor-syor yang membina untuk menaikkan nama polis, status polis dan berikan dia punya kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lengkap, maka kita sebagai jawatankuasa ini menyediakan dia punya peraturan undang-undang. Iaitu kita percaya bahawa pihak polis akan menjadi sebuah pasukan yang aktif dan imej mereka akan lebih baik lagi daripada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa seksyen 377C (A) dia punya *exception* tadi itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, *exception*. Dia minta penjelasan tentang *exception*. Dia mengatakan bahawa kita memberi pengecualian yang menyebut, jika dalam menjalankan pemeriksaan perubatan ataupun penguatkuasaan undang-undang. Jadi saya ingin hendak menjelaskan di sini kerana Yang Berhormat Dato' Haji Idris takut kalau-kalau pihak polis menjalankan dia punya *search* kepada seseorang *suspect*, dia masukkan dia punya jari ke apa ke dalam dubur dan seterusnya.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa, dalam kita memperkenalkan cara-cara pihak polis menjalankan *body search* dengan izin, kita memperkenalkan empat cara atau empat jenis *body search* dan kita masukkan dalam undang-undang. Di muka surat 46 dalam buku, dia menyatakan bahawa *intrusive search* ini iaitu cara *search* yang keempat, sudah habis dahsyat sekalilah kalau kita boleh tampilkan begitu. Nombor satu ialah *pat down search*, begini sahaja, lepas itu *strip search*, lepas itu *intimate search*, yang terakhir sekali ialah *intrusive search*. Itulah caranya yang mungkin benda-benda boleh dimasukkan untuk menjalankan pemeriksaan.

Dalam *intrusive search* dia kata begini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "The *intrusive search* shall only be conducted by a Government Medical Officer or a Medical Officer, or by any hospital assistant or a registered nurse acting under the Government Medical Officer or a Medical Officer's direction". Tidak ada ketika dalam mana-mana *search* sekalipun pihak polis boleh membuat pemeriksaan, dengan memasukkan barang atau jari dalam dubur seorang *suspect*. No way, no way. Dalam empat-empat *search* ini, hanya pihak polis boleh menyentuh *suspect* itu

apabila dia menjalankan dia punya *pat down search*. Selain daripada itu, pihak polis tidak boleh menyentuh seseorang *suspect, no way*.

Kalau hendak disentuh dalam keadaan *intimate search*, hanya seorang doktor sahaja yang boleh membuat pemeriksaan. Oleh kerana itu, di bawah *exception 377CA* itu, dia tidak terpakai kepada seorang polis yang menjalankan siasatan, dia buat *search* pandai-pandai, dia ‘pok’ dia punya tangan masuk. Dia telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 377 ataupun dia bubuh pensel ke 377CA. Kalau dia masukkan jari dia, apa kesalahan, di bawah seksyen 354 *outraging the modesty* yang akan membawa hukuman setinggi-tinggi 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid telah membangkitkan isu kemungkinan jawatankuasa tidak memikirkan memasukkan mereka-mereka yang berpengalaman dalam agama Islam, dalam bahasa, dan mungkin kita tidak berjumpa dengan mereka-mereka yang berpengalaman sedemikian rupa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid, dalam siri perjumpaan dengan orang ramai, kita telah berjumpa dengan mereka-mereka yang mahir dalam undang-undang Islam iaitu daripada Universiti Islam Antarabangsa dan juga beberapa orang Profesor-profesor Madya Thallak Mahmud daripada Universiti Malaya dan Profesor Madya Dr. Mohd. Ismail Yunus juga yang mahir dalam hal ehwal Islam yang telah berjumpa dengan kita, berhadapan dengan kita dan memberi hujah dan pandangan dan pendapat kepada kita.

Selain daripada itu, kita juga mempunyai seorang jawatankuasa, Ahli Jawatankuasa itu Dato'.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad yang juga menjadi salah seorang Ahli Jawatankuasa yang kita ada bersama-sama dengan kita. Selain daripada itu saya fikir perkara-perkara yang lain telah pun saya bentang dan *cover* dengan *izin*, dalam pembentangan tadi telah bentang tadi dan kebanyakannya perkara-perkara yang dibangkit adalah perkara yang ada bertindih dan oleh kerana tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang bangun untuk mendapatkan penjelasan, saya fikir saya telah pun....

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Okay yes.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Yang Berhormat Menteri tentang sumbang mahram kenapa hukuman dia diturunkan 15 tahun ke 8 tahun? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih. Ya, seperti mana saya telah sebutkan awal-awal tadi, dalam undang-undang yang belum dikuatkuasakan yang diluluskan pada tahun 2003. Dia menyebutkan bahawa seorang yang melakukan rogol sumbang mahram dia ada dua jenis, sumbang mahram, *incest* itu bila bapa adakan persetubuhan dengan anaknya secara sukarela dipanggil *incest*. Tetapi jika lau anak memaksa adakan persetubuhan dengan anaknya memaksa itu dipanggil rogol sumbang muhrim, ada dua *incest and incestuous rape*.

*Incest* ini suka sama sukalah, ada dalam negara kita *incest* ada, adik sama abang, adik sama kakak, bapa sama anak, mereka-mereka yang tidak boleh berkahwin tetapi duduk sama-sama *incest* dipanggil. Jadi hukuman *incest* dia enam tahun sekurang-kurang, 20 tahun setinggi-tinggi.

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Minta laluan.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Nanti saya habis cerita dulu. Jadi *incestuous rape* itu rogol sumbang haram ini pula dia menyatakan dalam undang-undang yang belum dikuatkuasakan tahun 2003 diluluskan oleh kedua-dua Dewan 15 tahun kepada 30 tahun. Apabila kami mengkaji undang-undang itu kami mendapati daripada pandangan dan pendapat dari orang ramai bukan kami buat pandai-pandai. Ini pandangan dan pendapat daripada orang ramai. Mereka mengatakan bahawa jika kita kekalkan rogol sumbang mahram itu tadi, ini tidak menggalakkan keluarga itu melaporkan kepada polis kerana hukumannya terlampau tinggi.

Katalah bapa dia merogol anak dia, rogol. Selepas enam bulan ada nampak perubahan perutnya maka emaknya pun tahu, desak kepada anak, anak mengatakan kesudahannya mengaku bapa pula. Kalau kita katakan kita kenakan 15 tahun mandatori 15 tahun sekurang-kurang 15 tahun, kita khuatir, takut keluarga ini tidak akan melaporkan. Emak dia kata "kalau bapa engkau masuk jail 15 tahun siapa hendak jaga?".

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Nati kejap. Jadi inilah pandangan dan pendapat daripada orang ramai. Oleh sebab itu kita fikir seeloknya kita turunkan kepada lapan tahun, minimum lapan tahun sekurang-kurangnya lapan tahun. Yes.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Adakah kita yakin dan mempunyai kepastian bahawa dengan penurunan hukuman ke lapan tahun itu mereka akan membuat laporan? Saya rasa lapan tahun juga adalah suatu yang panjang kalaualah kita hendak bercakap tentang bapa yang merogol mahram. Saya rasa ini tidak bukan satu justifikasi ataupun jangkaan yang tidak tepat lapan atau 15, tetapi 15 tahun itu lebih *element deterrent* itu lebih teguh lebih kuat.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat *element deterrent* itu ada jika kita kenakan hukuman 15 tahun tetapi kita khuatir bahawa takut-takut mangsa tadi dan keluarga mangsa tidak tampil ke hadapan untuk melaporkan. Ini kita dapat maklumat daripada orang ramai. Oleh sebab itu kita turun kepada lapan tahun, kita tidak boleh turun bawah daripada lima tahun sebab kita ada satu lagi peruntukan yang mengatakan minimum lima tahun iaitu rogol, *aggravated rape*. *Aggravated rape* kita kekalkan lima tahun, jadi kita tidak boleh turun bawah daripada lima tahun sebab itu kita kekalkan lapan tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lapan tahun itu hukuman maksimum?

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Mandatori.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mandatori.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Mandatori lapan tahun. Tahun 2003, undang-undangnya mengatakan 15 tahun mandatori.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi tidak dikuatkuasakan?

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tidak dikuatkuasakan lagi.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kuat kuasa itulah maka ianya tidak berkesan. Sebab saya rasa lapan tahun mandatori kami memang tidak mahu turun kepada lapan tahun kalau boleh 15 tahun itu dikekalkan, dikuatkuasakan kita lihat impaknya. Tetapi impaknya tidak dilihat maka kita membuat satu *notional judgment* sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka, terima kasih. Dan di sini kita buat *notional reduction*.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan bermakna si pesalah itu *will get away with eight years* tidak bermakna. Hanya kita menyatakan bahawa mandatorinya kita turun daripada 15 tahun kepada lapan tetapi maksimumnya kita kekal kepada 30 tahun.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jadi terpulanglah kepada kebijaksanaan hakim, memandangkan kepada faktor kes itu. Kalau betul-betul kes itu teruk sangat sudah tentu hakim akan bagi 25 tahun mungkin, ataupun maksimum 30 tahun, tidak semestinya lapan tahun. Tetapi kita untuk menggalak ini pandangan daripada orang ramai. Dia kata kalau kita kekalkan 15 tahun takut-takut keluarga mangsa tadi itu dengar 15 tahun, tidak hendak datang langsung. Tetapi kalau lapan tahun itu mereka kata bolehlah. Kita tidak boleh turun bawah daripada lima tahun kerana kita ada satu lagi jenis kesalahan yang kita tetapkan lima tahun mandatori. Yes, sila.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat, saya pun kurang jelas tentang pandangan orang ramai, itu satu. Orang ramai yang macam mana siapa. Yang kedua bila kita turunkan kepada lapan tahun, dia memperlihatkan bahawa kes ini tidak begitu beratlah. Dan yang ketiga, selain daripada hukuman penjara itu berapa sebatan rotan dia kena, si bapa ini yang merogol sumbang mahram ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, terima kasih Yang Berhormat. Kalau diizinkan saya di sini kita sedang timbang satu Rang Undang-undang iaitu dalam proses buat undang-undang. Dalam proses ini cabang kita merupakan satu daripada tiga cabang pemerintahan. Cabang eksekutif yang mana dipertanggungjawabkan mengendalikan CPC ini, telah fikirkan sesuai supaya dibuat pindaan-pindaan dan dibawa ke Parlimen pada Dewan Rakyat. Dewan Rakyat tubuh satu Jawatankuasa, Jawatankuasa setelah dua tahun bekerja membentangkan beberapa tuntutan. Mengenai hukuman mandatori 15 tahun atau lapan tahun tadi, kita jangan tersilap baca 15 atau lapan itu tanpa memikirkan soal efektif *punishment*.

Ini adalah perakuan undang-undang, adakah perakuan itu menjadi deraan atau hukuman, terpulang kepada cabang ketiga pemerintahan *judiciary* yang mana hendak hukum lapan tahun atau 15 tahun atau 20 tahun.

Pengurangan 15 ke 18 itu pun adalah juga *notional* di bawah satu undang-undang yang tidak dikuatkuasakan lagi. Bermakna di sini kita ada satu *notional reduction* yang mana kita akan membuat satu undang-undang yang akan kenakan 8 tahun sebagai hukuman mandatori. Melalui rang undang-undang inilah akan berlakunya perbicaraan-perbicaraan dan kita serahkan kepada hakim-hakim yang bijaksana untuk bicarakan dan jika didapati bersalah, hakim tidak boleh kenakan hukuman kurang dari 8 tahun tetapi boleh kenakan hukuman mengikut pertimbangan dan hemat hakim sesuai dengan itu.

Maka itu peranan hakim. Maka itulah pertimbangan yang saya hendak ketengahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya bila kita lihat sesuatu masalah, kita tidak golongkan diri kita sebagai *executive, legislator* dan *judge*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak merujuk kepada laporan muka surat 10 yang bercerita tengah berapa ramai orang ramai yang telah mengemukakan pandangan dan pendapat kepada kita. Memorandum sahaja daripada 40 naskhah memorandum yang telah diterima dan kita siapkan satu CDROM yang kita bekalkan kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat *have your time, please go through the CDROM* dan kita boleh dengar. Maaf, di Pusat Sumber Parlimen kita boleh dapat salinan CDROM dan kita boleh dengar pandangan dan pendapat orang ramai yang dirakam secara verbatim iaitu kata demi kata dan juga kita buat rekod dan filem, semua ada.

Bila kita jalankan kita punya kerja menjelajah ke seluruh negara, ini bermakna Mini Parlimen sedang bersidang di seluruh negara. Tempat yang kita pergi, kita gunakan Dewan Undangan Negeri dan ramai yang telah memaklumkan kedatangan mereka untuk berjumpa dengan kami, satu demi satu.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul tadi, berapa banyakkah sebatan rotan itu, mandatorinya 10 rotan. Begitu juga saya ingin hendak menjelaskan di sini kita mendapat juga pandangan dan pendapat daripada orang ramai bahawa rotan ini tidak perlu diadakan. Ada yang berkata begitu. Ini kerana kita sudah pun negara yang maju, negara yang *advanced*, kita tidak perlu mengadakan hukuman yang begitu *barbaric* mereka katakan. Buangkanlah hukuman rotan ini, tidak ada kesan. Sudah begitu lama kita mengenakan hukuman rotan ini, tidak ada kesannya. Banyak pandangan *pros and cons*.

Kita timbang semua ini, hukuman gantung, hukuman mati, macam-macam hukuman yang telah dikemukakan kepada kami. Jadi kami timbang satu persatu. Oleh kerana hukuman rotan dan hukuman gantung ini merupakan satu perkara yang besar, yang mungkin memerlukan persetujuan kerajaan, maka kita mengurangkan ataupun menambahkan hukuman rotan itu sahaja. Hukuman gantung ini kita tidak sentuh langsung. *That is* satu perkara yang harus

dibincangkan oleh pihak Kabinet. Dengan orang ramai ini kita bolehlah dengar pandangan dan pendapat dan kita ambil kira apa yang kita fikir elok untuk dimasukkan dalam peraturan-peraturan dan tatacara jenayah di negara kita.

Jadi, saya fikir setakat itulah sahaja yang saya boleh beri jawapan. Saya berharaplah dengan jawapan ini semua berasa puas hati kerana begitu ramai Ahli Yang Berhormat yang telah bangun, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, saya ucapkan ribuan terima kasih, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah, Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah, Yang Berhormat Tuan Munusamy. Yang Berhormat Tuan Munusamy ada bertemu dengan kami semasa kami berada di Johor Baru, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi, Yang Berhormat Datin Dr. Hajah Nik Azizah, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid, Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati dan akhir sekali Yang Berhormat Puan Siw Chun dari Perlis, negeri saya. Jadi, itulah sahaja yang saya boleh jawab soalan-soalan yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari Perlis Yang Berhormat, bukan dari Siam, kah? [Ketawa]

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Nampak itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh betul. Kalau dari Siam tidak boleh jadi Ahli Dewan ini.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tidak boleh, tidak boleh jadi. Perlis sahaja boleh jadi.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Tuan Yang di-Pertua, ada mungkin jawapan bertulis kalau tidak cukup masa ini untuk beberapa perkara seperti...

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Yes, please, please.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Seperti kaunseling kepada mangsa, untuk mangsa dan sebagainya, *compensation* ataupun ganti rugi kepada mangsa dan juga mungkin perlindungan kepada mangsa supaya dia berani tampil untuk memberi laporan dan sebagainya. Mungkin tidak ada ruang di dalam undang-undang di mana ada *avenue* sebab di England ada *avenue* tertentu macam *The Goods Samaritan* dan sebagainya di mana mereka boleh di sana mendapat perlindungan dan memberi laporan. Itulah saya ingat. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya just escape my... Memang dari segi *compensation* ataupun ganti rugi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris tadi itu, saya pun telah bersedia untuk menjawabnya bahawa kita memang ada peraturan yang sedia ada dalam kita punya peraturan undang-undang di bawah seksyen 426, Kanun Tatacara Jenayah yang mengatakan bahawa jika, dengan izin, "The court before which a person is convicted of any crime or offence may in its discretion make either or both of the following orders against him namely (b) itu – "An order for the payment by him or the sum to be fixed by the court by way of compensation to any person or to the representative of any person injured in respect of his person character or property by the crime or offence for which the sentence is passed."

Memang ada dalam peraturan ini. Tetapi malangnya jarang sekali dipergunakan oleh mahkamah kerana apabila seseorang itu didapati bersalah melakukan rogol umpamanya. Dalam kes-kes rogol ini orang yang didapati bersalah itu memang orang daif betul. Satu, dia didapati bersalah, dia hendak dihukum lapan tahun umpamanya, kena rotan pula sebat empat. Sebab itu kita katakan, “Okey, kau kena bayar kepada mangsa ini RM5,000.” Dia kata, “Hendak bayar macam mana? Saya sudah hendak masuk jail lapan tahun.” Tetapi ada peraturannya.

Dalam mana-mana kes di mana mungkin si perogol, yang membuat salah tadi itu ada sedikit dia punya akta, *then he can go. By the way*, di bawah seksyen 432, di mana dia ada sedikit dia punya harta, “*Issue a warrant for the levy of that sum by distress and sale of any property belonging to that person*”. Ada juga. Peraturan-peraturan itu memang ada dalam peraturan undang-undang kita untuk dipergunakan oleh mahkamah.

Satu lagi tentang kaunseling kepada mangsa tadi itu, memang pihak polis menjalankan kaunseling. Ini tidak diperuntukkan dalam kita punya peraturan rang undang-undang sebab ini kerja polis untuk memberi kaunseling kepada mangsa. Kepada mereka yang didapati bersalah kita membuat peruntukan yang baru yang mengatakan sesiapa yang didapati bersalah dalam kes-kes seksual ini. Dalam kes-kes seksual ini, apabila mahkamah menjatuhkan hukuman penjara, katalah tujuh tahun.

Jadi mahkamah boleh juga sama-sama dengan hukuman penjara tadi menjatuhkan hukuman kaunseling supaya dalam penjara dia melalui dia punya *training counselling* dia untuk memulihkan dia punya pemikiran. Selalunya orang yang didapati bersalah, rogol ini, *may be something wrong* dengan izin, pada akhirnya dia memerlukan kaunseling. Itulah yang kita memperuntukkan dalam peraturan baru ini supaya dengan cara ini kita memberi satu insentif kepada orang yang melakukan kesalahan seksual ini supaya dia boleh dipulihkan semula dan apabila dia keluar akan menjadi seorang masyarakat yang berguna, *insyaAllah*. Tugas, itulah tujuan dan matlamat kita memperkenalkan kaunseling kepada orang yang didapati bersalah, kepada mangsa itu terpulanglah kepada pihak polis.

Saya.....

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dalam *domestic violence* dengan izin, jika sekiranya berlaku, seseorang suami atau seorang laki-laki memaksa sama ada isterinya atau teman wanitanya untuk melacur, di bawah undang-undang manakah yang boleh kita mengambil hukuman dan satu lagi adalah, seorang bapa memaksa anaknya yang di bawah umur atau masih muda mengahwini seorang yang lebih tua daripadanya dengan tujuan-tujuan untuk membayar hutang ataupun mendapat sesuatu peruntukan. Di bawah peruntukan manakah boleh kita mengambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang tua memaksa kaum keluarganya, isterinya, anaknya menjalankan *business*, cara yang kita tahu dan

dia boleh dihukum, dia boleh didakwa di bawah seksyen 372 kita punya Akta Kesekeaan yang menyatakan bahawa "*Who ever sells for hire wrongfully retained by means of any advertisement act as the intermediary...*" Macam-macamlah semua dimasukkan di sini, iaitu "..*for the purposes of prostitution..*" Dia boleh dipenjarakan selama 15 tahun. Ia bukan satu kesalahan yang ringan, satu kesalahan berat. Selain daripada itu, mereka yang hidup dengan pendapatan hasil daripada perniagaan begini, juga boleh dihukum selama 15 tahun. Ini satu hukuman-hukuman yang berat yang kita sediakan di bawah peruntukan yang sedia ada. Soalan yang kedua ialah.....

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Anak yang di bawah umur kahwin dengan orang yang lebih tua untuk kepentingan harta benda ataupun dengan tujuan kerana hendak bayar dia berhutang banyak dengan orang itu, jadi dia bagi anak dia. Kalau ada peruntukan undang-undang. Sebab pernah terjadi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya, dalam negara kita seorang anak Islam, apabila seorang Islam hendak berkahwin umur dia 16 tahun ke atas, kalau 16 tahun ke bawah, dia kena ada dia punya peraturan-peraturan yang tertentu. Saya tidak begitu mahir dalam masalah perundangan Islam ini. Tetapi dari segi peraturan jenayahnya, dia tidak ada peraturan yang menyatakan seseorang itu melakukan kesalahan jika dia mengahwini anaknya dengan orang lain. *Unless*, selain daripada dia memberikan anaknya untuk menjalankan *morale earning*, itu lain. Kalau dia mengahwini anaknya saya ingat tidak ada kesalahan. Melainkan kalau dia memaksa anaknya umur kurang daripada 13 tahun umpamanya mengahwini orang lain, itu menjadi masalah. selain daripada itu, saya tidak nampak apa yang kita boleh mengenakan kesalahan kepada bapanya.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan di sini Yang Berhormat. Yang pertamanya seperti mana yang selalu keluar dalam surat khabar, mengatakan kalau wanita yang bermasalah pergi jumpa bomoh...

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ah?

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Bomoh.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Bomoh?

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Ya, bukan bomoh Siam sahaja, adalah bomoh Melayu atau Indonesia ke, dan bomoh itu dengan menggunakan jampi menyebabkan wanita itu tertidur, terlena dan lepas itu melakukan kerja itulah... *[Ketawa]* Kemudian, apakah peruntukan undang-undang yang kita boleh mengenakan kepada tok bomoh itu. Yang keduanya masalahnya macam ini, ini berlaku di luar negara. Katakanlah di universiti Yang Berhormat, *lecturer* wanita tua, dia terjatuh cinta dengan pelajar yang *handsome*, dia paksa dia masuk bilik dan melakukan.... *[Ketawa]* ...Hubungan seks. Jadi apa pula peruntukan undang-undang untuk kita jatuhkan kepada perkara macam ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kes bomoh ini adalah satu perkara yang kita bincang dan oleh kerana banyak berlakunya kes-kes ini, maka kita memperkenalkan

peraturan baru dan kita letakkan di bawah *aggravated rape* dengan izin, bahawa siapa manapun bomoh yang melakukan hubungan seks kepada dia punya *client*, pelanggan dia di mana pelanggan dia itu mempercayai bahawa dengan adanya perhubungan dengan bomoh itu boleh mengubati dia punya penyakit dan seterusnya. Ini kita letakkan di bawah *aggravated rape*. Di mana bomoh itu jika di dapati bersalah boleh dihukum tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan juga dikenakan sebatan, rotan. Ini yang kita maksudkan dia punya *using* dia punya *position of trust* ataupun *position of authority over* dia punya *client*.

Yang kedua ialah tentang guru tadi itu. Begitu juga, di bawah Seksyen yang sama. Kalau guru itu dengan anak muridnya, guru dengan anak muridnya itu menggunakan dia punya *influence* dan anak muridnya itu terpaksa memberi dia punya persetujuan, sedangkan dia tahu dia tidak sepatutnya beri kerana dia gurunya itu dia percaya kepada guru itu, ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah *aggravated rape* yang kita telah terangkan awal-awal tadi kerana hukumannya adalah tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih dari 30 tahun. Adakah itu menjawab soalan Yang Berhormat? Ok. Kalau tidak ada apa lagi, saya hendak sudahkan di sini dengan sekali lagilah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, mohon laluan Yang Berhormat. Akhir sekali Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Akhir sekali, ok.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya bukannya hendak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa istimewanya Yang Berhormat-Yang Berhormat ini, jadi akhir itu?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakan-rakan yang ada dalam Dewan ini hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana dapat menggulung jawapan dengan begitu baik sekali...[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ah, yang itu bagus. Yang itu saya pun sokong.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tidak emosional, begitu tenang sekali, tahniah Yang Berhormat...[Tepuk]

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih kepada semua, dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerja-kerja Yang Berhormat yang bermula pada 20 Julai 2004, tanggungjawab yang diberikan hampir di ambang penyelesaian. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Berpuas hatilah Yang Berhormat telah menunaikan tanggungjawab kepada negara dalam memberi sumbangan dalam proses penggubalan rang undang-undang ini. Saya menjadi saksi, *you have given your best to the country on debating this bill...* [Tepuk]

Maka, masalahnya ialah bahawa kedua-dua rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa**

**Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 -**

**Fasal-fasal 1 hingga 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 -**

**Fasal-fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. Saya mengambil kesempatan di sini di ambang Dewan ini, Mesyuarat ditangguhkan, selamat tinggal kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang akan meninggalkan kita, Dato' Hamzah bin Zainudin, Datuk M. Ratnam, Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee, atas jasa dan perkhidmatan mereka terhadap Dewan dan negara, kita ucapkan terima kasih. Sekali lagi bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, *technically* Yang Berhormat Menteri... [Tepuk]

Secara *technically*, Yang Berhormat Menteri bukan Ahli Dewan, tetapi berhak hadir dan mempunyai sepenuh kuasa dan kemudahan mengikut Perlembagaan. Dengan kata-kata itu, selamat berjaya, selamat tinggal sehingga kita berjumpa kembali. Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada tarikh yang akan ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.24 malam*